

**Bil. 1**

**Isnin  
30 Mac 2009**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN</b>	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman 3)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 3)
<b>USUL-USUL:</b>	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 24)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 24)

*Lampiran:*  
*Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong*

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
16. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
17. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
18. “ Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
19. “ Datuk Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dr. M. Malasingam (Dilantik)
31. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

32. Yang Berhormat Dato' Maznah Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
33. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
34. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
35. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
36. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
37. “ Tuan T. Murugiah (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
38. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
39. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
40. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
41. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
42. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
43. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
44. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
45. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
46. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
47. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
48. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
49. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
50. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
51. “ Puan Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
52. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
53. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
54. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
55. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
56. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
57. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
58. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
59. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
60. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**SETIAUSAHA DEWAN NEGARA**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Hafizah binti Abu Samah



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****ISNIN, 30 Mac 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 21 Januari 2009:

1. Yang Berhormat Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah

Pada 10 Mac 2009:

1. Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi
2. Yang Berhormat Dr. M. Malasingam

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 16 Februari 2009, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]***MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pendidikan (Pindaan) 2008;
2. Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009;
3. Akta Perbekalan 2009;
4. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009;

5. Akta Kewangan 2009;
6. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
7. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009;
8. Akta Pencen (Pindaan) 2009;
9. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2009;
10. Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2009; dan
11. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2009.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"25 Mac 2009

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut, dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009;
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009;
4. Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008;
5. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008;
6. Rang Undang-undang Pelantar Benua (Pindaan) 2009;
7. Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009;
8. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009; dan
9. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."



## URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawli:** Dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk bertanyakan soalan bagi pihak Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim kerana beliau menghadiri acara Keputeraan Sultan Kelantan pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

1. **Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawli [di bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, berdasarkan suasana masa kini serta kedudukan masa akan datang terhadap keperluan mewujudkan Mahkamah Perlembagaan.

■1010

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat pada sidang pertama pada tahun ini dan juga kepada adik-adik kita yang telah datang untuk menyaksikan persidangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, fakta pertama mengapa kita tidak mengadakan Mahkamah Perlembagaan ialah segera. Semua Mahkamah Tinggi di seluruh negara mempunyai bidang kuasa mendengar apa-apa jua kes yang berkaitan dengan tafsiran Perlembagaan Persekutuan ataupun perlembagaan negeri atau soal-soal yang berbangkit berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan ataupun negeri. Ini membolehkan satu-satu kes didengar dengan segera tanpa dihadkan kepada satu mahkamah yang khusus.

Kalau Mahkamah Persekutuan, ia hanya di Kuala Lumpur tetapi Mahkamah Tinggi ini tiap-tiap negeri ada. Sesetengah negeri pun sampai ada dua Mahkamah Negeri. Faktor kedua ialah keperluan untuk merayu. Rayuan boleh dibuat terhadap kes yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi tersebut di Mahkamah Rayuan hinggalah ke Mahkamah Persekutuan.

Mengikut Perkara 128(2), Perlembagaan Persekutuan, tanpa menjejaskan apa-apa bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan, jika ada soal berbangkit mengenai kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan boleh memutuskan soal itu dan menghantar balik kes itu ke mahkamah asal tersebut untuk menyelesaikan kes itu mengikut keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan atas soal itu. Kalau kita ada Mahkamah Perlembagaan, kalau orang tidak berpuas hati, dia hendak merayu kepada siapa? Sebab hanya ada satu mahkamah sahaja dan tidak ada ruang untuk merayu.

Ketiga, Yang Berhormat, mengenai soal pembaziran, kerana kes perlembagaan ini bukan selalu. Kadang-kadang setahun satu. Jadi apabila tidak ada kes dibawa, apakah yang hendak dilakukan oleh Mahkamah Perlembagaan ini? Sebab dia tidak ada kerja lain. Dia hendak dengar isu-isu perlembagaan sahaja. Jadi untuk mengelak pembaziran, sebab itu kita tidak berhajat untuk mengadakan Mahkamah Perlembagaan. Tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 130, Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan punya bidang kuasa memberi pendapatnya berkenaan apa-apa soal tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang telah berbangkit atau yang tampak pada Yang di-Pertuan Agong mungkin berbangkit.

Dan setelah Yang di-Pertuan Agong merujuk soal tersebut kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Persekutuan hendaklah mengumumkan pendapatnya tentang apa-apa soal yang dirujukkan demikian kepadanya itu di mahkamah terbuka. Jadi ini keperluan perlembagaan kita ya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan telah terdapat peruntukan yang memadai dan jelas dan memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengendalikan sesuatu kes yang menyentuh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri, maka kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Mahkamah Perlembagaan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kepada keadaan semasa yang berlaku, kita melihat beberapa negeri mengalami kemelut perlembagaan, adakah kerajaan mempunyai mekanisme dan memastikan kepakaran hakim-hakim di semua Mahkamah Tinggi ini boleh menyelesaikan isu-isu yang membabitkan masalah perlembagaan. Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menambah keahlian bagi hakim-hakim yang akan mengendalikan kes-kes perlembagaan sekiranya berlaku di semua negeri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, setiap hakim yang dilantik, mereka mempunyai kepakaran dalam soal undang-undang dan mereka juga boleh mengadakan perbincangan sesama mereka untuk memastikan kes-kes yang dibangkit mengenai dengan perlembagaan. Oleh kerana saya telah sebut sebentar tadi bahawa setiap Mahkamah Tinggi, hakimnya boleh mendengar kes perlembagaan, maka jika kita tidak... [*Loceng berbunyi*] Recess kah belum?... [*Ketawa*] Okey.

Maka tidak berbangkitlah soal kurang kepakaran ataupun kurang hakim untuk mendengarkan kes-kes perlembagaan kerana kita banyak Hakim Mahkamah Tinggi, kalau tidak silap saya, dekat 50 orang atau 60 orang. Jadi kita tidak menghadapi masalah kurang kepakaran dan hakim dalam menentukan soal perlembagaan ini.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akhir-akhir ini kita perhatikan, Yang Berhormat, banyak hal atau kes-kes yang ada hubungannya dengan perlembagaan yang pada pandangan saya memerlukan penyelesaian yang segera. Oleh kerana kita tidak mempunyai mahkamah khusus mengenai dengan perlembagaan, bolehkah mahkamah yang tertentu yang seperti Yang Berhormat Menteri terangkan tadi memberi keutamaan kepada kes-kes yang perlu diselesaikan seberapa cepat yang boleh. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini boleh disegerakan. Soal-soal Perlembagaan ini soal-soal yang sangat penting dan saya telah sebut bahawa di antara sebab mengapa kita tidak mengadakan Mahkamah Perlembagaan kerana kita perlu segerakan penyelesaian kepada isu-isu ini. Jadi yang berbangkit ini lambat ditentukan tarikh pendengaran kerana ada isu-isu yang belum diselesaikan seperti di Perak, Sivakumar mahukan supaya dia diberikan ruang untuk mengambil peguam dia sendiri untuk membela dia. Jadi isu ini perlu diselesaikan terlebih dahulu kerana pihak kerajaan katakan bahawa kalau dia Speaker, maka *legal advisor* negeri itu sepatutnya membela dia tetapi kita tahu oleh kerana saman ini dibuat terhadap kerajaan negeri, jadi *legal advisor* itu juga akan mewakili kerajaan yang ada pada hari ini.

Jadi soal ini pun belum diselesaikan. Saya percaya apabila dia telah selesai, Sivakumar dibenarkan untuk mengambil peguam bela dia sendiri, saya rasa bila *initial issue* seperti ini diselesaikan, tidak ada masalah. Saya difahamkan bahawa mahkamah telah menentukan tarikh sebutan bagi kedua-dua kes yang dibangkit ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum daripada itu, saya ingin memaklumkan bahawa mungkin semasa perjalanan Dewan hari ini, kita menghadapi sedikit masalah teknikal kerana sistem IT di Dewan Negara ini sedang dipertingkatkan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat di hadapan meja masing-masing dengan sistem komputer dan sistem siar raya yang baru. Jadi saya harap perkara ini kita dapat sesuaikan selepas daripada ini.

2. **Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, dengan kejatuhan harga komoditi seperti getah, kelapa sawit dan koko dan peningkatan harga baja, racun dan kos operasi, adakah kerajaan bercadang memberi subsidi kepada pekebun yang membuat pembelian bahan input.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Chendrasekar Suppiah. Dua soalan ini adalah dalam nombor 31 dan 54 pada jadual bagi sesi pertanyaan lisan pada pagi ini juga.

**Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.**

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Pihak kementerian saya mengambil maklum mengenai kejatuhan harga komoditi seperti sawit, getah dan koko di pasaran dunia pada masa sekarang jika berbanding dengan harga komoditi tersebut pada awal tahun 2008. Walau bagaimanapun, buat ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi kepada pekebun-pekebun kecil yang membuat pembelian bahan input pertanian. Namun kerajaan tetap prihatin dengan keadaan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil sawit, getah dan koko.

Pelbagai bantuan telah diberi oleh pihak kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini dalam menghadapi kejatuhan harga komoditi serta pengikatan harga baja, racun dan kos operasi. Antara bantuan-bantuan yang saya ingin sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah bagi sawit dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM48.5 juta.

■ 1020

Untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit, bantuan-bantuan yang disediakan di bawah program ini adalah seperti:

- (i) bantuan anak benih sawit berkualiti dan baja untuk tempoh satu hingga dua tahun selepas penanam sawit;
- (ii) bantuan integrasi ternakan lembu dan kambing dengan; dan
- (iii) bantuan integrasi tanaman lain dengan sawit.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kementerian saya juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak RM50.134 juta untuk membiayai Program Bantuan kepada Pekebun Kecil Persendirian untuk menebang dan menanam semula kelapa sawit yang berusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif. Bantuan yang berjumlah RM6,000 sehektar ini adalah meliputi pembelian anak benih baja dan penyediaan tapak. Melalui pelaksanaan program ini, seluas 8,355 hektar kawasan perladangan pekebun kecil akan dapat ditanam semula.

Tuan Yang di-Pertua, bagi getah kementerian mengambil maklum mengenai penurunan harga getah yang mendadak bermula pada bulan Oktober 2008. Penurunan harga ini dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu disebabkan masalah kewangan di Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju serta kemerosotan urusan niaga pasaran-pasaran saham di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pergerakan harga SMR 20 bagi bulan Januari sampai bulan Mac tahun ini berada dalam lingkungan RM4.90 sehingga RM5 sekilogram. Pada paras harga ini, kementerian berpendapat pendapatan yang agak baik diperoleh oleh pekebun-pekebun kecil getah. Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini.

Antaranya pembelian input pertanian seperti baja dan racun rumpai serta bahan rangsangan lateks kepada 9,394 orang pekebun kecil persendirian dan berkelompok yang dipilih di bawah Skim Sistem Torehan Berintensiti Rendah.

Skim ini sejak tahun 2007 sudah kita mulakan dan pada masa ini banyak kawasan juga yang meliputi pekebun kecil getah telah mendapat bantuan ini. Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah pemberian bantuan baja kepada 640 orang pekebun kecil persendirian di Semenanjung. Pekebun-pekebun kecil persendirian ini telah mendapat bantuan baja sebanyak 6,658 beg iaitu satu beg ialah 50 kilogram baja melalui Skim Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Pekebun Kecil Getah.

Tuan Yang di-Pertua di samping itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua peruntukan sebanyak RM3 juta disediakan bagi bantuan secara percuma berupa bekalan bahan tanaman dan baja untuk tanaman baru getah bagi pekebun-pekebun kecil di wilayah Sabah dan Sarawak. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai komoditi koko. Secara khususnya, kementerian ini tidak mempunyai Skim Subsidi Khas bagi membantu pekebun-pekebun kecil koko. Walau bagaimanapun, kementerian melalui Lembaga Koko Malaysia mempunyai Program Pemulihan Koko yang mana antara komponennya termasuk Insentif Bantuan Input Tanaman kepada penanam-penanam koko yang menyertai program ini. Pemberian insentif ini yang bernilai RM6,500 sehektar dan ia terhad sehingga enam hektar untuk seorang pekebun kecil koko untuk tempoh lima tahun.

Insentif ini mengandungi pembelian input-input pertanian seperti baja, racun perosak dan juga bahan tanaman. Tuan Yang di-Pertua mengenai soal prospek, bagi komoditi utama saya ingin sebut di sini bahawa bagi harga minyak sawit, kita telah menstabilkannya dalam aras antara RM1,800 setan sehingga RM2,000 setan. Ini adalah berikutan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung kejatuhan harga minyak sawit. Bagi prospek industri getah di Malaysia, saya ingin sebut di sini bahawa prospeknya memang baik memandangkan permintaan dunia untuk getah asli memang sentiasa disokong oleh keperluan dari industri pengangkutan darat dan udara serta industri rawatan kesihatan dan peralatan perubatan. Getah merupakan salah satu sumber pendapatan yang paling sesuai sekali untuk rakyat Malaysia yang ingin menetap di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, industri getah masih merupakan satu industri yang penting kepada ekonomi Malaysia. Getah merupakan suatu tanaman strategik dan saya harapkan dengan keyakinan pihak kementerian dan juga kerajaan terhadap komoditi ini. Maka kita akan ambil segala usaha untuk memantapkan industri ini dan juga melindungi harga-harga komoditi utama yang saya sebut tadi supaya pekebun kecil ini tidak rasa mendesak sangat apabila harga itu turun seperti sekarang ini. Walau bagaimanapun, kita akan ambil langkah untuk mempertahankan penstabilan harga ini. Sekian.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang mengurangkan atau menanggukkan kutipan ses khususnya kelapa sawit, getah dan koko? Sekian terima kasih.

#### ■1030

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah umumkan dalam masa terdekat ini yang kita sudah ambil langkah untuk mengurangkan ses yang dikutip daripada pekebun perladangan sawit ini. Ses sekarang ini terutamanya ses yang kita kutip untuk R&D iaitu penyelidikan dan pembangunan itu, kita tidak dapat kurangkan kerana tanpa R&D ini, industri sawit ini tidak akan terus mara ke hadapan dan berkembang dengan baik. Oleh sebab itu, ses itu kita masih tidak dapat kurangkan buat masa sekarang tetapi ses yang disebutkan untuk kestabilan harga itu iaitu RM4 setan, itu kita sudah potong RM2 daripada itu. Hari ini kita hanya kutip RM2 daripada keluaran sawit. Bagi koko Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada kena apa-apa ses bagi tanaman ini.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan. Pertama, berapa ramai kah pekebun kecil yang terlibat dengan kejatuhan komoditi dan berapakah hitung panjang pendapatan bulanan mereka sekarang.

Kedua, kenaikan harga komoditi seperti getah, kelapa sawit dan yang dinikmati oleh pekebun selama ini adalah bersifat sementara sahaja.

Soalan saya, adakah kementerian memberi amaran dan menasihatkan mereka supaya berjimat cermat dan elakkan daripada hidup bermewah-mewah ibarat mengukur baju di badan sendiri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa sekarang dengan harga lingkungan RM2,000 setan, pihak pekebun kecil kalau mereka mempunyai 2.5 hektar luasnya kebun, mereka dapat dalam lingkungan, kalau kebun itu dijaga dengan baik, di selenggara dengan baik, maka hasilnya akan naik. Akan tetapi buat purata dalam situasi pekebun kecil ini, mereka dapat RM1,250 sebulan dalam penghasilannya. Kalau mereka jaga kebun dengan baik, dan kalaulah kita gunakan, ini sebab Tuan Yang di-Pertua saya nak sebut, ada kaitannya dengan apa sebabnya kita hari ini menggalakkan pihak pekebun kecil menebang pokok-pokok yang berusia tua itu dan tidak produktif lagi, iaitu supaya mereka boleh tanam semula dengan klon yang baik, klon yang produktif.

Sebab itulah kita rasa, buat masa sekarang, pekebun kecil ini merasa terdesak sebab di kebanyakan kawasan mereka, pokok itu sudah tua, pokok itu sudah berusia lebih 25 tahun. Sebab itu ia tinggi, dan hasil buah sawit tidak banyak. Itulah sebabnya pendapatan masih rendah. Walau bagaimanapun, saya rasa kalau mereka mempunyai keluasan 2.3 hektar, mereka boleh hidup bukan mewah tetapi bolehlah memadai untuk perbelanjaan mereka dalam keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak menggalakkan pihak pekebun kecil ini untuk mengamalkan gaya hidup yang mewah kalau mereka tidak dapat pendapatan yang lumayan. Oleh sebab itu, semua program yang kita adakan ialah untuk menolong pihak pekebun kecil ini menaikkan pendapatan mereka dan program-program yang saya baca itu ialah bagi maksud ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita dapat lihat banyak soalan tambahan pada pagi ini, kebanyakannya menjerus kepada cara-cara pihak kerajaan untuk mengatasi keadaan ekonomi pada masa sekarang. Kita juga berterima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu prihatin dan menunjukkan kesungguhan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Sekarang kita pergi kepada satu tajuk yang juga menjadi perbincangan hangat pada hari ini. Silakan Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah.

**3. Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah matlamat sebenar PPSMI dan apakah rasional menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar kedua mata pelajaran; dan
- (b) nyatakan jumlah elaun khas yang dibayar kepada guru-guru tersebut, kos pembiayaan untuk pembelian peralatan multimedia dan infrastruktur, serta nama syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan-peralatan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, saya bagi pihak Dewan Negara ingin juga merakam dan menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri ke Dewan Negara pada pagi ini... [*Tepuk*]

**Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terdapat 17 pertanyaan yang menyentuh tentang pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau PPSMI. Darpada 17 pertanyaan yang dikemukakan itu, terdapat 13 pertanyaan menyentuh tentang desakan pelbagai pihak mengenai ketetapan kerajaan terhadap pelaksanaan dasar berkenaan, manakala pertanyaan selebihnya berkisar kepada pencapaian murid, kos pelaksanaan dan insentif guru. Oleh sebab isu yang dibangkitkan saling berkaitan, izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berkaitan, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Perlu tak saya sebut kesemua nama-nama Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat dapat serahkan kepada pihak Setiausaha.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tak perlu ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa banyak pihak menanti keputusan kerajaan mengenai hala tuju dasar PPSMI ini selepas enam tahun pelaksanaannya. Kementerian memahami situasi ini, namun kita semua tahu bahawa dasar pelaksanaan PPSMI adalah satu perkara yang sangat penting dan banyak aspek perlu dilihat dan dikaji dengan mendalam terlebih dahulu. Ia termasuk aspek kurikulum, kesediaan murid dan guru, penilaian program, kos pelaksanaan serta kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada keupayaan negara untuk terus berdaya saing di peringkat global.

Keupayaan ini khusus merujuk kepada kemampuan kita dalam bidang sains dan teknologi yang semakin memerlukan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara. Untuk itu, sejak dasar ini dilaksanakan, kita telah berbelanja melebihi RM3 bilion bagi memastikan matlamat dasar ini tercapai. Peruntukan tersebut meliputi perbelanjaan menyediakan peralatan, perisian dan juga bayaran insentif guru yang melaksanakan PPSMI. Sehubungan itu, penelitian dan aspek-aspek tersebut adalah dituntut sebelum kerajaan menentukan hala tuju baru dasar PPSMI ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus memikirkan jalan terbaik khususnya bagi kohot murid yang terlibat dalam pelaksanaan dasar ini iaitu kelompok murid yang telah pun menguasai dasar ini dan kelompok murid yang sebaliknya tanpa merugikan mana-mana kelompok murid yang berkenaan. Sehubungan itu, kementerian bertanggungjawab mencadangkan kepada Jemaah Menteri untuk memutuskan cadangan yang terbaik demi masa depan generasi muda negara.

#### ■1040

Penyediaan analisis menyeluruh dan kertas cadangan mengenai hala tuju PPSMI sudah pun berada pada peringkat akhir dan insya-Allahlah dalam masa terdekat kertas ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan muktamad mengenainya. Justeru Kementerian Pelajaran telah bersikap terbuka untuk mendengar, mengumpul dan menganalisis pandangan setiap satu daripada pihak yang berkepentingan dalam pendidikan ini. Terdapat lima siri Persidangan Meja Bulat PPSMI yang telah pun diadakan sejak dari bulan Julai hingga Disember sebagai platform bagi mendengar pendapat, hujah, keluhan semua pihak.

Di samping itu juga dua mesyuarat khas profesional telah turut diadakan. Persidangan tersebut telah berjaya melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. Ahli-Ahli Parlimen, profesional pendidikan termasuklah pegawai-pegawai kanan kementerian, penyelidik-penyelidik daripada universiti tempatan, ahli akademik, pentadbir sekolah, guru dari semua jenis sekolah dan lokasi, badan profesional, korporat, pemimpin politik sama ada pihak penyokong kerajaan mahupun pembangkang, pemimpin komuniti, JKKK, PIBG, NGO termasuklah kesatuan guru serta orang perseorangan dari dalam dan daripada luar negara.

Lebih daripada 30 kertas di bentang, dibincangkan yang meliputi penilaian, pelaksanaan PPSMI itu sendiri, analisis keputusan peperiksaan awam dan keputusan ujian diagnostik, kajian mengenai tahap pencapaian murid, kajian kompetensi guru, kajian oleh pihak luar kementerian termasuklah dari universiti tempatan serta Kementerian Pelajaran Brunei Darussalam. Di samping itu Mesyuarat Perbincangan PPSMI bersama persatuan dan juga kesatuan guru telah juga diadakan dengan penglibatan sebanyak 25 persatuan dan kesatuan guru seluruh negara. Kementerian telah mengambil sikap berkecuali dalam kesemua perbincangan yang telah diadakan agar sebarang perkara yang dibangkitkan dapat diterima dengan terbuka.

Walaupun kita telah mendapat pelbagai alternatif melalui persidangan meja bulat, mesyuarat profesional, memorandum dan pemberitahuan dari pelbagai medium. Kementerian sedar ianya bukanlah satu formula yang dapat menyelesaikan semua permasalahan yang timbul dalam penentuan masa depan dasar ini. Akan tetapi seperkara yang pasti dalam apa jua keputusan yang akan diumumkan oleh kerajaan nanti empat perkara utama akan kita ambil kira.

- (i) kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus dimartabatkan
- (ii) penguasaan bahasa Inggeris di kalangan para pelajar akan dipertingkatkan
- (iii) kompetensi guru dalam mengajar Sains dan Matematik akan diutamakan
- (iv) pencapaian para murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik akan terus juga diutamakan

Terima kasih.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Walaupun saya secara spesifik menanyakan matlamat sebenar PPSMI ini dilancarkan. Saya timbulkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana masih terdapat kekeliruan di kalangan masyarakat awam. Sama ada PPSMI ini diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar-pelajar kita atau untuk meningkatkan daya saing, masih tidak jelas. Sekejap dikatakan untuk meningkatkan daya saing bahasa Inggeris, sekejap dikatakan untuk meningkatkan daya saing di bidang sains dan teknologi.

Saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang secara tuntas kementerian harus menjelaskan. Ini kenapa kita adakan PPSMI, ini sebabnya, ini matlamat kita yang jelas. Satu, dua, tiga dan seterusnya. Di samping itu saya ingin tahu kalau telah walaupun secara Yang Berhormat Menteri tidak memberikan jawapan yang tuntas terhadap pertanyaan saya itu. Akan tetapi saya ingin tahu kalaulah andainyalah sudah ada di dalam pemikiran kementerian apa matlamat yang sebenar daripada PPSMI ini? Saya hendak tahu sudah kah difikirkan alternatif-alternatif yang lain, kaedah-kaedah alternatif yang lain untuk mencapai matlamat itu, itu yang penting.

Satu lagi ialah sejauh mana? Sudah kah difikirkan kesan daripada PPSMI ini untuk terhadap perkembangan bahasa Melayu. Saya tidak mengatakan bahawa ini akan mengabaikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kita akui. Akan tetapi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita tidak puas hati kerana menjadi bahasa pasar sahaja, bahasa-bahasa iklan-iklan atau *signboard* sahaja. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini Dewan Bahasa dan Pustaka akan diberi kuasa untuk meminda aktanya supaya dapat melaksanakan perkara ini. Yang saya tahu benda itu hanya akan menumpukan kepada *signage* sahaja tetapi yang kita mahu....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalan tambahan Yang Berhormat itu sudah jelas sudah.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah jelas sudah.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Okey. Cuma saya hendak tahu, soalan terakhir Tuan Yang di-Pertua. Di tangan saya ini Tuan Yang di-Pertua ada memorandum, ada satu buku yang bernama "Mengapa kami tentang, kami bantah", yang dikeluarkan oleh Persatuan Linguistik Malaysia. Ini bukan ditulis oleh sembarangan orang. Ditulis oleh pakar-pakar bahasa, pakar-pakar pelbagai bidang ilmu dan saya rasa kementerian mempunyai tanggungjawab moral untuk memberikan, untuk menjawab satu persatu daripada setiap soalan yang ditimbulkan dalam perkara yang di bantah ini.

Selain daripada itu ada perkara lain Tuan Yang di-Pertua, ada memorandum lain ini yang dikemukakan juga oleh ASASI iaitu Akademi Sains Islam kira-kira empat tahun yang lalu untuk membantah perkara ini. Adakah ini perkara yang dijawab? Di samping itu juga satu memorandum dikemukakan oleh sekumpulan ahli-ahli akademik di bidang Sains, Teknologi dan Matematik, bukan satu bidang sahaja. Mengemukakan satu memorandum kira-kira dalam tahun 2002 membantah perkara ini. Jadi perkara-perkara ini saya rasa jangan hendaknya dikatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sudah jelas Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' sudah jelas.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** *Point* saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Janganlah sampai dituduh orang yang menentang PPSMI sebagai menentang bahasa Inggeris. Tidak ada orang yang siuman, tidak ada orang yang punyai akal yang waras, yang hendak menentang penggunaan bahasa Inggeris. Yang kita hendak ialah kemajuan bahasa Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dimodenkan, perlu dibina. Dan dengan ini dengan berterusannya PPSMI ini saya percaya bahasa Melayu dalam masa sepuluh tahun lagi akan hanya selamat tinggal sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini pertama kali Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus mengemukakan soalan tambahan.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Oh, cukup hebat cara dia berhujah berhubung kait dengan satu dasar yang telah pun digubal enam tahun dahulu. Sebenarnya Yang Berhormat lebih mengetahui apa sebenarnya sebab dasar ini digubal kerana pada ketika itu saya sendiri bukan merupakan Menteri Pelajaran yang terlibat. Dan hendak membincangkannya secara emosi selepas enam tahun saya rasa itu tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada satu penyelesaian kepada perkara yang saya rasa begitu penting sekali. Memang ada kekeliruan sama ada ianya bermatlamat untuk menguasai bahasa Inggeris atau untuk menguasai mata pelajaran Matematik dan Sains melalui bahasa Inggeris.

Akan tetapi oleh kerana ianya sekarang ini dipolemikkan begitu rupa, kekeliruan juga wujud dalam konteks siapa yang setuju, siapa yang tidak. Siapa yang setuju kerana ianya sudah menguasai bahasa Inggeris atau ada yang tidak setuju kerana ianya tidak mencapai matlamat untuk menguasai bidang Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, isu bahasa ibunda, isu bahasa kebangsaan. Sebab itulah kita mengambil pendekatan dalam Kementerian untuk melihat perkara ini secara terbuka dan menunggu sehingga *cohort* terakhir UPSR dari sekolah rendah, menyelesaikan peperiksaannya enam tahun.

Masanya telah sampai untuk kita lihat semula dasar yang kita rasa mempunyai fakta-fakta, angka-angka pencapaian untuk menentukan hala tuju. Dua setengah bulan selepas UPSR telah pun diumumkan keputusannya, bukanlah satu jangka masa yang begitu panjang. Kedua, apa jua keputusan yang kita buat sekarang ianya tidak dapat dilaksanakan hingga tahun depan. Jadi bulan pertama tahun depan bermakna bahawa menggembar-gemburkannya sekarang dengan begitu emosi tidak akan menyelesaikan isunya, tidak akan mencapai satu keputusan muktamad. Ini kerana sesungguhnya pelaksanaan apa jua keputusan yang kita buat hari ini ianya tidak dapat dilaksanakan sehingga tahun depan.

Ketiga, saya sudah sebut berhubung kait dengan jumlah pelaburan yang kita sudah pun belanja. Kalau sekiranya kita hendak menyesuaikannya mengikut hala tuju yang baru, pertamanya kita kena pastikan bahawa pelaburan dalam segi perkakasnya mesti digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk bidang-bidang lain.

#### ■1050

Keduanya dari segi guru yang terlibat 165,000 guru yang sekarang ini mengajar di bawah PPSMI. Membuat keputusan hari ini mudah, tetapi apa yang akan kita lakukan dengan guru-guru yang ada di sekolah-sekolah saya pada hari ini.



Ketiga, berhubung kait dengan soalan tadi sama ada, ada langkah lain dan memang sesungguhnya kita mempunyai cadangan-cadangan yang kita hendak bantangkan kepada Jemaah Menteri. Sebahagian daripadanya ialah untuk menggunakan bahasa Melayu atau bahasa ibunda di peringkat sekolah rendah tetapi meneruskan PPSMI di sekolah menengah. Memulakan PPSMI dari Tahun 4 hingga ke sekolah menengah, menggunakan bahasa Melayu atau bahasa ibunda di sekolah rendah dan di sekolah menengah.

Kelima menggunakan bahasa pengantar atau Sains dan Matematik ditentukan oleh sekolah sendiri. Penggunaan bahasa Melayu atau bahasa ibunda di Tahun 1 hingga 3 diikuti dwibahasa pada Tahun 4 hingga 6 dan penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya di sekolah menengah. Memansuhkan mata pelajaran Sains di Tahun 1 hingga 3 merupakan satu cadangan yang agak luar daripada kotak tetapi mengajar ilmu Sains dan mata pelajaran lain. Itu semua merupakan alternatif-alternatif yang sedia ada kepada kita dengan izin, *it's not a zero-sum game*. Kita tidak perlu melihatnya sebagai satu situasi kalah-kalah, tolak bulat-bulat atau terima bulat-bulat yang kita hendak tengok sekarang ialah untuk menyesuaikannya mengikut keadaan pencapaian kanak-kanak kita.

Berhubung kait dengan kedudukan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sama ada kita bubar PPSMI saya percaya bahawa itu sahaja tidak akan menentukan dan memastikan bahawa bahasa kebangsaan kita akan dimartabatkan.

Banyak perkara-perkara lain Yang Berhormat sendiri terlibat di dalam pindaan Akta Dewan Bahasa semasa Yang Berhormat Pengarah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri. Di mana usaha kita hendak memberikan kuasa kepada Dewan Bahasa bukan sahaja daripada *signboard* sahaja tetapi untuk menguatkuasakan kedudukan bahasa kebangsaan kita dalam semua aspek merupakan satu kaedah yang tidak ada kaitan langsung dengan PPSMI. Usaha kita untuk melihat kurikulum kita yang akan dirombak menjelang tahun 2010, meletakkan mata pelajaran Sejarah sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah rendah. Dalam bahasa kebangsaan kita mengambil kira kedudukan bahasa kita. Itu juga boleh memartabatkan bahasa kita. Jadi jangan kita lihat bahawa isu PPSMI ini sahaja yang akan menentukan kelangsungan dan kedudukan bahasa kebangsaan kerana usaha untuk memartabatkan bahasa memerlukan pelbagai pendekatan dan penggabungan semua pihak.

Cuma dalam konteks PPSMI, dengan pelaburan yang begitu besar, dengan tenaga pengajar yang begitu ramai, dengan enam juta murid yang telah melalui dasar ini hanya memerlukan sedikit masa untuk melihat kepada kesemua kajian. Bukan sahaja memorandum-memorandum yang diterima kerana memorandum yang diterima telah pun kita kaji dan kita teliti dan mana yang baik kita terima cara baik, mana yang kita rasa tidak sesuai memandangkan untuk hala tujunya. Akhirnya Jemaah Menteri yang akan menentukan baik dan buruk.

Jadi itulah kedudukan kita pada hari ini dan saya harap semua pihak khususnya daripada Yang Berhormat wakil-wakil daripada Dewan Negara tidak perlulah kita terlalu emosi kerana sememangnya isu ini merupakan sesuatu isu yang penting yang melibatkan ramai yang akhirnya kalau silap membuat keputusan kita akan ralat. Nanti bila sepuluh tahun, dua puluh tahun kemudian anak-anak kita toleh ke belakang dan kata mereka inilah yang buat keputusan yang tidak bijak dan tidak waras. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Muhamad Yusof.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Insya-Allah* Ahli-ahli Dewan Negara tidak akan begitu berperasaan dalam membahaskan isu ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin menjadi Naib Presiden UMNO yang baru... [*Tepuk*]

Terima kasih juga diberi kepercayaan untuk memantau jentera di DUN Bukit Selambau. Bagi perhatian, saya mewakili kerajaan Pakatan Rakyat sebagai wakil. Jadi apa-apa hal kita boleh bincang sama. Sebab di sana PAS menjadi kerajaan bersama PKR, Dato' Seri menjadi pembangkang. Insya-Allah kita boleh berbincang... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, di tangan saya yang saya dapat satu memorandum di laman web daripada Akademi Sains Islam Malaysia yang ditandatangani oleh 68 orang profesor Melayu. Di hantar kepada Perdana Menteri iaitu memorandum Akademi Sains Islam Malaysia kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 2002. Ini menunjukkan gesaan-gesaan dibuat dalam pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini belum dilaksanakan lagi pada tahun 2003 telah mendapat bantahan daripada ahli-ahli akademik dalam negara kita sehinggalah ianya menjadi isu sehingga sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut kita berbelanja lebih RM3 bilion untuk melaksanakan program mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Soalan saya adakah kerana ini kita tidak dapat melaksanakan dan adakah juga kerana untuk menjaga syarikat-syarikat yang membekalkan buku teks, perisian, *software*, *hardware* dan sebagainya menjadi penghalang. Jadi rakyat hari ini hendak tahu, hendak teruskah atau tidak mahu terus? Bukan kita tidak sabar benda ini sudah lama. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Memorandum yang disebutkan merupakan memorandum yang sama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi. Sememangnya kalau hendak tengok dari segi memorandum yang membantah kita juga telah pun menerima banyak memorandum yang menyokong. Jadi kalau kita hendak jawab kepada semua memorandum yang sedia ada ianya tidak ada penghujung kepada penyelesaian ini.

Keduanya hendak memberi perlindungan atau memberi pertimbangan kepada syarikat-syarikat yang membekalkan perkakas ini tidak timbul kerana perkakas ini telah pun dibekalkan. Jadi kita tidak ada kepentingan lagi untuk meneruskan. Kalau tidak pun menjejaskan syarikat yang telah pun membekalkan perkakas jauh sebelum ini. Cuma mereka yang konsisten dalam pendirian mereka, saya tidak pernah menafikan bantahan-bantahan yang dilakukan sebelum 2003 masih lagi kedengaran. Akan tetapi pada masa yang sama selepas enam tahun dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini pun kita tengok ada pendirian dan kata-kata yang menyebelahi kedua-dua pandangan tadi.

Ada yang sokong dan ada yang tidak sokong. Jadi yang penting sekarang ialah untuk kita lihat daripada angka, fakta, pencapaian dan mungkin melihat satu penyelesaian secara holistik yang boleh memenuhi tuntutan mereka yang hendak melihat kepada usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ini secara bersungguh-sungguh. Pada masa yang sama kebimbangan mereka yang melihat dasar ini menjejaskan pencapaian anak-anak kita khususnya di sekolah rendah dan di sekolah-sekolah rendah di luar bandar kerana kemampuan guru-guru kita yang kita lihat di dalam kajian kita.

Jadi dalam konteks ini apa jua keputusan yang kita buat ianya akan bersandarkan kepada angka dan fakta. Saya harap ianya boleh mengambil kira empat perkara pokok tadi, iaitu untuk memartabatkan bahasa kebangsaan akan diteruskan. Usaha kita untuk memperluaskan dan memastikan anak-anak kita dapat menguasai bahasa Inggeris juga dapat diutamakan dan juga penekanan kepada Matematik dan Sains merupakan satu aspek yang begitu penting dalam dunia pada hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara yang berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi mungkin Yang Berhormat boleh bincangkan dalam perbahasan. Kita ada ruang untuk Yang Berhormat bagi mengemukakan kemasyhukan-kemasyhukan ataupun perkara-perkara yang masih perlu penjelasan lagi dalam hal ini.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Dua ayat sahaja saya hendak cakap kalau boleh. Kalau tidak dibenarkan saya patuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

#### ■1100

**4. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan apabila menangguhkan sehingga setahun kenaikan tol di lima lebuh raya baru-baru ini dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan agar kenaikan tol pada masa akan datang dapat dielakkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini secara serentak soalan-soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang dijadual dijawab esok hari. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik yang dijadualkan pada 2 April; Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof pada 7 April; Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar pada 7 April juga; dan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie yang dijadualkan 8 April 2009, kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas pendedahan Perjanjian Konsesi Lebuhraya Bertol, terdapat banyak pihak yang mencadangkan supaya kerajaan mengambil alih atau membeli Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) serta lebuh raya-lebuhraya yang lain. Kerajaan memerlukan masa untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam cadangan ini dari segi kos, dana, modal dan kaedah pembayaran hutang tersebut.

Pada masa yang sama, imej dan kredibiliti kerajaan dari perspektif pelabur asing dan tempatan perlu diambil kira, kerana kerajaan akan dilihat gagal memenuhi obligasi di dalam melaksanakan dasar penswastan dan dasar pembangunan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, oleh sebab pengambilalihan lebuh raya tol oleh kerajaan akan melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi, maka ini akan menjejaskan peruntukan kewangan yang diperuntukkan untuk tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan, serta infrastruktur yang boleh meningkatkan sosial dan ekonomi di kawasan luar bandar.

Pembangunan pendidikan, menaik taraf sistem pengangkutan awam dan sebagainya yang merupakan keperluan dan pembangunan yang dapat dinikmati oleh majoriti rakyat. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan mempunyai obligasi untuk melaksanakan kadar tol seperti yang terkandung di dalam perjanjian konsesi. Langkah kerajaan mengurangkan kadar tol, akan memberikan implikasi kewangan yang besar kepada pihak kerajaan, kerana ianya melibatkan pembayaran pampasan kepada syarikat konsesi.

Namun begitu untuk pembangunan sektor pelancongan dan sektor pengangkutan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan pembentangan belanjawan pada 29 Ogos tahun lepas, menyatakan kadar tol bagi bas dikurangkan sebanyak 50% di kesemua lebuh raya, kecuali bagi Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura atau Linkdua, Tambak Johor dan Bukit Kayu Hitam. Pengurangan kadar tol bas ini berkuat kuasa untuk tempoh dua tahun iaitu bermula pada 15 September 2008 sehingga 14 September 2010.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sangat prihatin akan kesan kenaikan tol terhadap pengguna lebuh raya, dan sebagai langkah untuk mengatasi masalah kenaikan kadar tol secara automatik, kerajaan telah mewujudkan klausa, dengan izin, "*the agreed toll and toll review mechanism*". Di bawah klausa ini, syarikat konsesi dikehendaki membuat permohonan bertujuan untuk mendapatkan kenaikan tol bagi tempoh seterusnya kepada kerajaan.

Sekiranya jumlah hasil tol kumulatif sebenar yang dilaporkan oleh syarikat konsesi adalah kurang atau sama dengan unjuran jumlah hasil tol yang telah ditetapkan, maka permohonan syarikat konsesi untuk melaksanakan kadar tol seperti yang termaktub di dalam perjanjian konsesi boleh dipertimbangkan oleh kerajaan, sebaliknya jika jumlah hasil tol kumulatif sebenar yang diperoleh adalah lebih tinggi daripada unjuran jumlah hasil tol, maka kadar tol baru akan disemak semula dan ditentukan, yang mana ianya adalah lebih rendah daripada kadar tol yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Dengan penggunaan formula ini di dalam perjanjian-perjanjian konsesi baru seperti Lebuhraya Koridor Guthrie, Lebuhraya Penyuaraian Trafik, Lingkaran Kajang atau SILK dan Lebuhraya SMART adalah diharapkan kadar kenaikan tol adalah lebih adil kepada pengguna lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menangani isu kegawatan ekonomi global, kerajaan boleh untuk tidak menaikkan atau mengurangkan kadar tol. Namun langkah ini akan menyebabkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan, kerana perlu membayar pampasan kepada syarikat konsesi. Sebagai contoh, kerajaan telah menangguhkan kenaikan kadar tol bagi empat buah lebuh raya pada tahun 2008, iaitu Lebuhraya Utara-Selatan kecuali Plaza Tol Tambak Johor dan Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur dan Lebuhraya Sistem Penyuaraian Trafik Kuala Lumpur Barat. Keputusan penangguhan kenaikan kadar tol ini telah menyebabkan kerajaan perlu membayar pampasan yang dianggarkan berjumlah RM242 juta.

Kementerian Kerja Raya juga mengambil maklum akan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya di Lembah Klang, terutamanya daripada golongan pekerja berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan mengambil langkah berani dan bertepatan dengan masa, iaitu memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol PJS2 arah ke Kuala Lumpur, Lebuhraya Baru Pantai pada 13 Februari tahun ini, dan seterusnya memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Salak Jaya, Lebuhraya Sungai Besi bagi kedua-dua arah pada 24 Februari tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat, terbukti apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari tahun ini memutuskan, bahawa kenaikan kadar tol bagi tahun ini untuk lima lebuh raya ditangguhkan. Lebuh raya-lebuh raya yang terlibat adalah Lebuhraya Utara-Selatan kecuali Tambak Johor dan Bukit Kayu Hitam, Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur dan Lebuhraya Sistem Penyuaraian Trafik Kuala Lumpur Barat, Lebuhraya Sungai besi dan Lebuhraya Baru Pantai. Atas penangguhan kenaikan kadar tol, kerajaan dianggarkan membayar sebanyak RM286 juta. Sekian, terima kasih.

#### ■1110

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kadar aliran trafik kenderaan yang menggunakan lebuh raya. Adakah kadar aliran trafik ataupun jumlah kenderaan yang melalui lebuh raya itu melebihi jumlah yang terdapat di dalam perjanjian kerajaan dengan konsesi-konsesi lebuh raya. Ini kerana sekarang ini kita tengok di mana-mana lebuh raya pun sesak. Saya yakin bahawa kenderaan itu telah melebihi.

Jadi soalan saya adakah kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan wakil kerajaan sendiri menyemak dengan Yang Berhormat jelaskan tadi syarikat konsesi itu akan memaklumkan kerajaan mengenai dengan kedudukan mereka rugi ke untung.

Kerajaan sendiri meletakkan wakil dan pegawainya untuk memastikan bagaimanakah kadar aliran trafik itu adakah dia telah menjangkau jumlah yang sebenar daripada yang terdapat di dalam perjanjian syarikat-syarikat konsesi tol ini lebuhraya ini mendapat keuntungan yang besar dan maklumkan kepada kita dia rugi. Jadi apakah tindakan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada *engineer* kita. Sebenarnya kita dalam perjanjian konsesi memang ada menyebut *traffic volume* jumlah-jumlah trafik yang mula dalam unjuran trafik memang ada dalam konsesi dan kalau kita lihat banyak tempat ada juga kesesakan. Oleh kerana kita tidak gunakan *electronic tolling system* mereka tertumpu di plaza-plaza tol ianya telah pun melambatkan *traffic flow*. Kalau kita melihat dari jumlah trafik, setiap lebuhraya, kalau kita ikut *north, south* atau *east, west*. Kita jumlahnya memang saya tahu dia belum sampai kapasiti sepenuhnya. Itu adalah satu cadangan baik. Kami dari pihak kerajaan akan meneliti, membuat *physical count* supaya ianya kalau dia telah menjangkau *traffic volume*, mungkin ianya boleh ada dalam konsesi kita boleh lihat ada juga kalau kita boleh *share profit* yang kita ada. Ini adalah satu cadangan yang baik, saya akan memberitahu mereka supaya kita membuat satu kajian ke atas *traffic volume* yang sebenar yang menggunakan lebuhraya kita.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa masalah kadar tol ini adalah diakibatkan oleh perjanjian lebuhraya yang tidak memihak kepada kerajaan ataupun kepada rakyat. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah benar bahawa perjanjian ini telah pun dilaksanakan tanpa dibentangkan ataupun diluluskan oleh Kabinet Menteri terlebih dahulu dan siapakah yang harus bertanggungjawab dalam perkara ini dan apakah tindakan yang akan dikenakan atas mereka yang terlibat ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita lihat ini adalah satu dasar penswastaaan yang kita mulakan khususnya di lebuhraya. Kita memulakannya pada tahun 80an, kita ada *North-South Highway*. Pada waktu itu, pihak EPU dengan pihak *Treasury* telah pun menjalankan dasar penswastaaan supaya pihak swasta terlibat dalam pembangunan lebuhraya kerana pada waktu itu kerajaan menumpukan semua pembangunan negara untuk rakyat jelata di seluruh negara.

Ini adalah satu cara kita dapat memberikan rakyat satu lebuhraya di mana mereka boleh memendekkan masa perjalanan dari satu tempat ke satu tempat dengan cara selesa dan cepat. Ini adalah satu dasar penswastaaan dan pihak EPU, *Treasury* yang mengemukakan cadangan ini. Pada waktu itu juga saya tahu ekonomi negara pun bukan yang terbaik. Pada 80an, kita pun ada sedikit masalah ekonomi pada waktu itu, seperti yang mungkin hadapi sekarang dan kita untuk mengelakkan pihak swasta terlibat dalam satu dasar penswastaaan. Ini mungkin syarat-syarat dalam konsesi adalah satu memihak untuk menarik pihak swasta masuk dalam pembangunan lebuhraya dan ini semua adalah dengan cara diluluskan oleh pihak kabinet sebab ini adalah satu dasar penswastaaan yang telah pun diluluskan oleh pihak kabinet dan dijalankan oleh pihak EPU dan *Treasury*.

**5. Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan elaun pengangguran (*unemployment allowance*) bagi pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan. Jika ada, bagaimanakah elaun pengangguran ini akan dibiayai.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. kerana pertanyaan tentang satu isu yang hangat dibahaskan di dalam suasana kemelesetan ekonomi yang kita ada pada masa sekarang iaitu tentang elaun pengangguran. Ini adalah satu isu yang dibangkitkan di dalam beberapa tempat termasuk di dalam Dewan dan di luar Dewan macam mana kerajaan akan menangani isu tentang pemberhentian kerja dan mereka yang menghadapi pengangguran di dalam masa ini.

Daripada dasar kerajaan pada masa sekarang tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk membayar elaun pengangguran kepada mereka yang telah menghadapi pemberhentian kerja bukan sahaja pada masa sekarang atau pada masa yang lain. Akan tetapi untuk menangani isu-isu yang kita hadapi pada masa sekarang, kerajaan telah menetapkan beberapa pendekatan.

Salah satu daripadanya ialah untuk memastikan mereka yang telah menghadapi pengangguran diberi bantuan supaya berjaya untuk mendapat kerja dengan secepat mungkin. Daripada pendekatan yang kedua ialah untuk memberi mereka yang menghadapi pemberhentian kerja untuk diberi peluang dan mendapat latihan di dalam bidang-bidang tertentu untuk menambah kemahiran mereka. Selepas mereka mendapat kemahiran, semasa mereka mengikuti kursus-kursus latihan ini, mereka akan dibayar elaun sebagai elaun untuk tanggungan yang berbeza RM500 sampai RM800 sebulan bergantung kod keluarga mereka. Keluarga yang lebih besar mendapat lebih banyak keluarga yang kecil mendapat yang kurang. Pendekatan yang ketiga ialah untuk membantu pekerja-pekerja yang sedang bekerja tetapi pendapatan mereka sudah kurang di dalam masa ini kerana masa yang mereka kerja itu sudah kurang atau operasi kilang-kilang mereka tidak beroperasi dengan sepenuhnya untuk membantu mereka. Apa yang telah dicadangkan ialah industri-industri ini boleh memberi peluang supaya pekerja-pekerja di bawah mereka boleh mengikuti latihan dan semasa mereka mengikuti latihan di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan industri itu mereka akan diberi elaun pada masa itu.

Ini akan menambahkan lagi pendapatan mereka dan melalui tiga-tiga cara ini, kerajaan berharap golongan yang telah menghadapi kesusahan di dalam keadaan sekarang akan dibantu. Selepas pemulihan ekonomi, kemahiran yang mereka telah mendapat di dalam masa ini boleh digunakan untuk membantu mereka mendapat pendapatan yang lebih baik. Terima kasih.

#### ■1120

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh dan selepas itu saya minta Puan Usha Nandhini untuk bersedia.

**Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dari jawapan yang diberikan tadi saya dapati bahawa dengan adanya pengangguran yang berlaku kesan daripada *retrenchment* ini, maka berlaku penguncupan dalam ekonomi kita daripada segi penurunan permintaan agregat.

Jadi kalau kita menumpukan sama ada melalui latihan ataupun mendapat pekerjaan baru ianya akan mengambil masa yang lama untuk kita hendak kembalikan keadaan *demand* tadi. Saya juga telah difahamkan bahawa pihak kementerian telah pun mengadakan beberapa perbincangan tentang kemungkinan mengadakan elaun ini kerana pada satu masa kementerian tidak mempertimbangkan kaedah untuk membiayai elaun tersebut sama ada RM1 daripada *employee* dan RM1 daripada *employer* ataupun bentuk perkongsian yang lain. Jadi saya hendak tahu bagaimana dengan status penilaian kerajaan tentang hal ini pula?

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Beberapa bulan dahulu isu berkenaan penubuhan satu tabung pengangguran atau *retrenchment fund* telah dibincangkan oleh pihak kementerian dengan institusi-institusi yang lain dan apa yang telah terhasil daripada perbincangan ialah keperluan untuk mendapat pandangan yang lebih dalam dan membuat satu kajian yang lebih dalam untuk memastikan apa-apa keputusan ini sesuai dengan kehendak di dalam negara kita dan apa-apa program yang akan dilaksanakan ini akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan adalah asas kepada kemampuan kerajaan untuk memastikan projek ini boleh diteruskan sepanjang masa.

Oleh itu untuk mendapat maklumat-maklumat ini kita telah minta pihak ILO yang mempunyai kepakaran di dalam bidang ini untuk membuat satu kajian yang lebih dalam tentang cara macam mana *retrenchment fund* ini diwujudkan dan cara macam mana ia boleh dilaksanakan di dalam negara kita.

Dan untuk memastikan apa-apa rancangan yang telah ditetapkan dan pula boleh diteruskan untuk jangka masa yang panjang dan tidak perlu ditamatkan kerana kekukuhan daripada kebolehan kerajaan untuk menanggung program ini. Itulah isu yang ada pada masa sekarang. Oleh itu cara macam mana kita akan melaksanakan adakah ia akan dikaitkan dengan KWSP atau tabung yang lain, siapa atau pihak yang paling sesuai untuk menguruskan ini adalah perkara-perkara yang akan dibincangkan selepas kita sudah menerima kajian yang sedang di buat oleh ILO, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Usha Nandhini.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya Yang Berhormat Menteri adalah, apakah ataupun bagaimanakah pihak kementerian berhasrat untuk memastikan atau mewujudkan peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja ini sama ada di sektor awam sendiri ataupun mungkin inisiatif di antara pihak kerajaan dan juga pihak swasta.

Kedua, apakah sektor-sektor utama yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan di mana sektor ini telah mengalami kadar pemberhentian kerja yang tinggi? Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Lebih kurang 25,000 hingga 26,000 orang yang telah menghadapi pemberhentian kerja pada masa sekarang. Lebih kurang 70% hingga 80% ialah daripada sektor pembuatan. Di dalam sektor pembuatan ialah mereka yang di dalam bidang-bidang yang berkenaan dengan industri yang berkaitan elektronik dan elektrik kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum kebanyakan daripada industri elektronik yang ada di dalam negara kita mereka perlu bergantung kepada keperluan di dalam negara-negara luar dan daripadanya Amerika Syarikat. Ini kerana kebanyakan syarikat yang ada di sini sudah kurang sambutan dan banyak pengeluaran dalam industri ini sudah kurang lebih kurang 30%.

Maka industri itu ialah kita menghadapi pemberhentian yang paling ketara dan dalam usaha untuk membantu mereka yang menghadapi ini pada masa yang sama 25,000 sudah berhenti kerja di dalam *Job's Malaysia* dalam kementerian saya, di mana peluang-peluang kerja pun diiklankan. Ada 25,000 kerja yang diiklankan dan diperlukan dalam negara kita dalam bidang-bidang yang lain. Oleh itu apa yang diperlukan ialah satu pemindahan minda di kalangan pekerja kita supaya mereka sudi pindah daripada sektor-sektor di mana mereka sudah kerja dahulu untuk sektor-sektor baru dalam perubahan ini kepada kemungkinan mereka perlu kepada satu pandangan yang baru, satu sikap yang baru dan kadang-kadang kemahiran yang baru.

So, di dalam hal itulah kerajaan telah tampil ke hadapan untuk memberi peluang untuk mendapat kemahiran dalam bidang-bidang yang baru ini untuk bantu mereka mengambil peluang dan merebut peluang yang sedia ada di dalam jawatan-jawatan kosong di dalam kerja-kerja yang ditawarkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan sektor kayu-kayan negara.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin tentang bidang atau sektor kayu-kayan di dalam kementerian saya. Tuan Yang di-Pertua, eksport kayu dan produk berasaskan kayu pada tahun 2008 adalah berjumlah RM22.5 bilion. Nilai eksport pada tahun 2008 menunjukkan sedikit penurunan berbanding dengan tahun 2007 yang mencatatkan eksport bernilai RM22.6 bilion. Ini berikutan kemelesetan ekonomi pada suku ketiga dan empat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah mengambil pelbagai langkah yang sewajarnya untuk memulihkan sektor kayu-kayan negara.

Antaranya kita melancarkan dasar perindustrian kayu negara di mana industri akan melandaskan dan menetapkan hala tuju pembangunan sektor hiliran di mana kita akan mengadakan lebih banyak lagi industri-industri bagi nilai tambah untuk kayu-kayan ini.

Keduanya kita melaksanakan pelbagai program di sekitar industri ini di dalam negara seperti *Malaysia International Commodity* dan *Conference Showcase* dengan izin, di mana kita menunjukkan kebolehan dan kepelbagaian industri kayu-kayan dalam negara. Saya ingin menjemputlah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk menghadiri MICOS yang akan diadakan pada tahun ini iaitu pada 13 Ogos sehingga 16 Ogos di *Malaysia Agro Exhibition Park* atau MAEPS di Serdang. Ini akan memberikan satu gambaran yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai bukan sahaja industri kayu-kayan tetapi industri-industri di dalam komoditi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengadakan program menggalakkan penggunaan kayu tempatan di pasaran domestik seperti kita lihat hari ini bangunan-bangunan yang didirikan tanpa menggunakan kayu-kayan dan itulah satu perkara yang kita harap tidak akan diteruskan dan sebenarnya menggunakan kayu tempatan ini seperti yang diadakan dalam Dewan ini memang rasanya lebih mesra, lebih mesra ya betul, lebih mesra alam...  
[Ketawa]

#### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengadakan kerjasama dengan pihak universiti seperti Universiti Putra Malaysia, satu universiti yang unggul dalam bidang pertanian dan juga kayu kayan, industri kayu kayan terutamanya huluran. Universiti Lim Kok Wing seumpamanya di mana kerjasama kita dengan mereka untuk menghasilkan produk-produk baru terutamanya dari segi reka bentuk, *designs*.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga wujudkan untuk merangsang lagi industri kayu kayan ini menubuhkan satu *centre* iaitu *Fibre and Bio-Composite Development Centre* iaitu FIDEC, di mana kita menghasilkan produk berasaskan *fiber* dan komposit. Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif kita juga menggalakkan dan juga mengamalkan insentif-insentif seperti *pioneer status*, *tax investment*, *tax allowance*, *reinvestment allowance* dan lain-lain lagi. Mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, kita juga mengadakan program-program di mana kita melaksanakannya untuk merangsang dan juga memulihkan harga kayu kayan di masa yang akan datang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin dan selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih soalan tambahan saya ringkas sahaja. Sama ada kementerian akan mengamalkan satu dasar untuk mengehadkan pengeksporan kayu kayan memandangkan lebih kurang 20 spesies sahaja yang mempunyai nilai komersial.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita di Semenanjung Malaysia ini, kita memang mengamalkan satu had bagi pengeksporan kayu kayan negara kita terutamanya spesies-spesies yang kita rasa ada kekurangan sedikit pada pengeluarannya di dalam negara kita ini. Matlamat besar ialah kita hendak menilai tambah. Itulah sebabnya kita kena hadkan pengeksporan bahan mentah seperti balak, kayu gergaji dan juga benda-benda yang kita rasa boleh nilai tambah, kita memang amalkan sistem mengehadkan pengeksporan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mumtaz.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya daripada jumlah RM22.5 bilion hasil daripada eksport kayu kayan kita ke luar negara. Saya ingin tanya adakah pihak kerajaan boleh memberi jumlah nisbah bahan kayu mentah yang diekspor berbanding dengan bahan siap daripada jumlah RM22.5 bilion itu? Kedua saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan menjalankan Program Ladang Hutan bagi menggantikan kayu-kayu yang berkualiti di seluruh Malaysia. Bilakah hasil ladang hutan yang pertama yang telah pun disemak oleh kerajaan bagi memastikan kita tidak kehilangan kayu yang berkualiti dalam jangka masa yang terdekat? Terima kasih.



**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat Mengenai nisbah ini bahan-bahan yang kita eksportkan ke luar negara itu memang kecil. Walau bagaimanapun, saya ingin sebut di negeri Sarawak memang kerajaan negeri yang menguasai bidang kayu kayan ini. Mereka masih mengeksportkan kayu balak tetapi jumlahnya adalah kecil. Saya tidak ada satu angka yang boleh disebutkan di sini Yang Berhormat tetapi saya akan bekalkan statistik-statistik yang berkaitan dengan pengeksportan kita ini daripada luar negara.

Mengenai ladang hutan ini memang satu bidang yang terpenting bagi masa hadapan, bagi industri kayu kayan. Ini kerana kita tahu juga perhatikan bahawa ada kes-kes di mana kita import kayu kayan daripada luar negara seperti *radiator pine* daripada negara New Zealand dan Australia kerana kita tidak cukup bahan mentah seperti ini. Akan tetapi itu sebab kita hendak pakai *radiator pine* ini untuk campur dengan spesies-spesies yang kita ada di dalam negara. Oleh sebab itulah kita memang tahu bahawa kita kena ada Program Ladang Hutan supaya kita boleh membekalkan bahan mentah yang mencukupi di masa yang akan datang. Kita akan hasilkan ini di dalam 15 tahun lagi sebab sekarang kita baru bermula dalam tahun 2006.

Kita kena dapatkan satu program sepanjang 15 tahun baharu kita dapat penghasilan pertama dalam Program Ladang Hutan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir. Sebelum pada itu sebagai panduan saya bercadang menghabiskan sehingga soalan lapan. Satu lagi selepas ini. Silakan Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya nombor tujuh.

7. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memecahkan monopoli perniagaan dalam negara kita supaya tidak merugikan rakyat di mana misalnya monopoli barangan makanan seperti gula dan beras menyebabkan sering mengalami kenaikan harga dan sekali gus menghapuskan amalan kronisme.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat yang menimbulkan soalan tadi mengenai dengan soal monopoli perniagaan dalam negara kita ini. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengamalkan kaedah kawalan eksport, kawalan import, kawalan bekalan dan juga kawalan harga terhadap barang-barang perlu seperti gula, tepung, minyak masak, LPG, petrol dan diesel. Kesemua barangan ini dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang terhad dalam negara ini ataupun yang boleh disifatkan sebagai berada dalam keadaan monopoli.

Di samping kaedah kawalan ini, pemberian subsidi juga dilakukan oleh kerajaan pada masa-masa yang perlu bagi tujuan untuk mengekalkan harga runcit pada paras yang munasabah bagi faedah dan manfaat pengguna dan rakyat. Namun demikian, kerajaan sebenarnya telah mengambil beberapa tindakan untuk tujuan mewujudkan satu keadaan persaingan yang sihat dalam pasaran dan telah pun mengeluarkan barangan seperti simen dan besi keluli daripada rejim kawalan harga yang dalam kaedah yang saya sebutkan itu.

Ini telah dijalankan pada pertengahan tahun yang lepas iaitu tahun 2008. Bagi kedua-dua barangan ini juga dimansuhkan kawalan import terhadap mereka. Buat masa ini kerajaan sedang menimbang juga untuk memansuhkan kawalan import terhadap gula dan tepung. Memandangkan bahawa kerajaan ingin bergerak kepada satu rejim yang lebih terbuka dan lebih bersaing. Di samping itu, kerajaan kini sedang dalam fasa terakhir merangka Rang Undang-undang Amalan Perdagangan Adil yang bertujuan untuk memberikan lebih kuasa kepada kerajaan bagi menangani masalah-masalah yang mungkin timbul hasil daripada salah guna pasaran oleh mana-mana syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa Sheikh Fadzir selepas itu Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab pertanyaan tadi.

Pertanyaan tambahan saya, kita lihat beras dan gula begitu penting sekali iaitu kedua barang berkenaan bagi rakyat miskin dan kaya. Tadi kerajaan telah pun memberi subsidi terhadap kedua barang makanan ini. Kenapa kerajaan harus beri subsidi padahal kerajaan boleh berjimat dengan memecah monopoli perniagaan kepada dua syarikat yang mana dua syarikat ini sahaja diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan ini. Bilakah Yang Berhormat iaitu monopoli perniagaan ini akan dilonggarkan? Terima kasih.

■1140

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi contoh gula, harga runcitnya sebenarnya tidaklah sering naik seperti mana didakwakan walaupun ia berada dalam keadaan bilangan pengeluaran yang terhad dan boleh dikatakan sebagai dalam keadaan monopoli. Harga runcit pula kalau tidak kita subsidikan ialah dalam lingkungan RM 2.05 atau RM 2.15 satu kilogram. Jadi jumlah subsidi yang kita anggarkan bagi tahun ini ialah sebanyak 720 juta. Kalau kerajaan menarik subsidi itu dan membenarkan juga pengimportan, bermakna kita mempunyai satu keadaan pasaran terbuka dan bersaing.

Dengan membenarkan pengimportan dan juga membenarkan pengekspornan, keadaan harga runcit di negara jiran umpamanya, bermakna hasil keluaran kilang-kilang negara kita akan mengalir ke negara jiran pasaran luar. Juga harga yang diimport, kalau pun sudah dibenarkan import, akan naik juga kepada pasaran dengan harga pasaran yang sebenar. Jadi sebab itu saya punya pandangan bahawa dalam keadaan kita ingin mewujudkan keadaan persaingan dan terbuka, aspek kepentingan masyarakat terutamanya pengguna dari segi harga runcit yang munasabah ada kalanya memerlukan subsidi.

Dari segi harga runcit gula yang khusus, kalau tidak disubsidikan seperti mana yang saya katakan di antara RM 2.05 dan RM 2.15 satu kilogram. Sebagai contoh negara jiran kita Thailand umpamanya merupakan pengekspornan gula. Akan tetapi harganya lebih tinggi daripada kita dan kualiti gulanya pun tidaklah seperti mana biasa bagi kita rakyat Malaysia sehinggakan kita tahu apa yang berlaku di sempadan adanya penyeludupan gula pasir, gula halus, ke kawasan-kawasan di sebelah sempadan utara Semenanjung. Jadi dari segi beras pula saya mengakui bahawa adanya monopoli oleh BERNAS terhadap pengimportan beras import. Ianya dalam keadaan pasaran beras negara kita ialah di mana BERNAS tidak mewakili tidak menguasai pasaran beras atau keluaran beras pada keseluruhannya di peringkat tempatan.

Hanyalah dalam lingkungan 40% atau 50% tetapi ianya mempunyai monopoli dari segi beras import dan keadaan monopoli ini memangnya sudah diperbincangkan dalam Kabinet dengan teliti. Kedua-dua pihak sebenarnya bagi gula dan beras, sering dibincangkan di peringkat kerajaan. Seperti mana yang saya katakan bahawa kementerian saya dan peringkat kerajaan sedang menghalusi keadaan bagaimana boleh kita meliberalisasikan keadaan bekalan kedua bukan sahaja beras dan gula tetapi termasuk juga tepung. Selepas kajian yang kita buat ini, mungkin kita boleh dapatkan satu keadaan yang mana harus didorongkan dan diasaskan kepada kepentingan pengguna dan kepentingan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng:**Ya, Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan. Monopoli perniagaan gula, beras, tepung, dan lain-lain komoditi yang penggunaannya agak besar telah ada bertahun-tahun dan para peniaga ini telah menjadi jutawan. Apakah perlu monopoli ini pada pandangan kerajaan mengapa tidak dibuka kepada semua yang berminat, mungkin tidak perlu kita memberi subsidi lagi. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rasa bahawa adanya sekatan kepada mana-mana pihak yang ingin menjadi pengilang gula ataupun pengilang tepung kerana saya ambil contoh dari segi minyak sawit umpamanya.

Dari segi minyak sawit kita lihat bahawa kalau tidak silap sayalah adanya sebanyak 58 kilang penapis sawit di negara kita. Sungguhpun bilangan itu begitu banyak dan terbuka dan berasaskan kepada keperluan atau kemampuan pihak pelabur, namun bilangan kilang yang besar itu juga telah meletakkan negara kita dalam keadaan di mana kita terpaksa memberi subsidi kepada minyak masak sawit pada tahun lepas. Anggaran itu pun subsidiya ialah hampir RM1 bilion. Akan tetapi, maksud saya ialah bahawa ia bukannya hasil daripada keadaan pengeluaran-pengeluar-pengeluar yang terhad yang menyebabkan harga itu naik.

Malahan kita kena ambil kira harga pasaran dunia kerana barangan yang kita keluarkan seperti sawit, seperti beras juga mempunyai harga di peringkat pasaran dunia. Kedua, kita juga harus menerima hakikat bahawa keadaan negara kita seperti mana negara lain juga terdedah kepada soal harga pasaran antarabangsa. Apa yang dapat kita lihat ialah hanya kaedah memberi subsidi sahaja bagi menentukan agar harga itu berada di paras yang munasabah. Kalau kita tarik balik subsidi ini, ia bukan bermakna bahawa kilang ini yang rugi.

Sebenarnya kilang tidak akan rugi kerana mereka akan berhadapan dengan kadaran pasaran yang terbuka. Akan tetapi yang akhirnya akan rugi adalah rakyat yang terpaksa membayar harga pasaran. Inilah pilihan yang ada kepada kerajaan untuk mengimbangkan kepentingan atau meletakkan kepentingan pengguna dahulu atau kepentingan rakyat dahulu dengan satu skim atau rejim di mana harga barang-barang yang perlu yang telah dikenal-pasti diberikan subsidi. Kita telah, saya bersetuju bahawa apabila adanya persaingan, kita mungkin akan dapat harga yang lebih munasabah tetapi dalam keadaan ini harus juga kita ambil kira harga input, harga pasaran antarabangsa, permintaan, pembekalan dan untuk kita membuat satu keputusan bagi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa sebenarnya kita jangan menganggap bahawa subsidi ini sebenarnya memberikan keuntungan kepada pengilang yang boleh dikatakan keuntungan yang berjuta-juta. Ini kerana sebenarnya seperti mana yang saya katakan, tidak ada had untuk sesiapa untuk menjadi pengilang gula, pengilang tepung, tidak ada had. Tidak ada juga untuk mereka menjadi pengilang minyak sawit dan sebagainya.

Akan tetapi akhirnya, yang pokok yang hendak kita tentukan ialah di peringkat subsidi dan juga di peringkat harga runcit. Suka saya tambahkan bahawa satu kaedah yang harus diperhatikan ialah bahawa barang-barang yang di subsidi oleh kerajaan pada hari ini tidak juga sampai kepada pihak yang memerlukan, lebih-lebih lagi di luar bandar dan pedalaman. Ini saya rasa merupakan satu soal yang lebih besar untuk kita, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna berusaha sekarang untuk menentukan supaya barang-barang bersubsidi ini dapat disampaikan kepada golongan di luar bandar dan juga di pedalaman dan tidaklah hanya dinikmati kita yang duduk di dalam kawasan bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Ir. Hiang A. Li.

**8. Dato' Ir. Hiang A. Li** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memantau dan mengkaji kesan pemanasan global atas cuaca di negara kita. Jika ada, apakah kesan buruk yang dihadapi sekarang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]:** Yang Berhormat Dato' Ir. Hiang A. Li. Terima kasih di atas soalan mengenai dengan pemanasan global. Pemantauan mengenai dengan kesan pemanasan global yang membawa kepada perubahan iklim dibuat oleh kerajaan secara berterusan dan perkara ini diberi keutamaan oleh kerajaan dan terdapat Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan iklim dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

■1150

Jawatankuasa ini disokong oleh jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang dianggotai oleh semua kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan dan lain-lain.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia menganggotai *United Nations Framework Convention on Climate Change* dan terikat dengan semua ketetapan yang dibuat oleh badan ini untuk mengambil langkah-langkah *mitigation*, adaptasi dan berkongsi usaha, juga maklumat serta penyelidikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kesan buruk akibat pemanasan global adalah seperti kejadian kemarau dan banjir yang lebih kerap dan berlarutan. Terdapat juga perubahan-perubahan cuaca, kenaikan paras air laut, peningkatan penyakit berunsurkan vektor dan menjejaskan hasil perusahan pertanian. Fenomena pemanasan global adalah merentasi pelbagai sektor dan menjadi tanggungjawab semua pihak dalam menangani impak perubahan iklim selain daripada kerajaan juga melibatkan sektor swasta, badan bukan kerajaan dan juga individu di negara ini.

Kerajaan telah dan terus melibatkan badan bukan kerajaan dan sektor swasta dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai dengan impak pemanasan global ke atas kehidupan seharian. Bagi menangani isu ini kerajaan telah memulakan langkah awal pada tahun 2000 dengan mengadakan satu kajian inventori gas-gas rumah hijau yang bertanggungjawab kepada pemanasan ini dan mengenal pasti punca-punca utama yang melepaskan gas-gas rumah kaca di negara ini. Dengan adanya inventori ini, langkah-langkah telah diambil dan strategi serta program yang efektif dirangka bagi menangani masalah ini. Kementerian ini bersama lain-lain kementerian seperti kementerian Air dan Komunikasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengambil beberapa pendekatan untuk menangani kesan pemanasan global. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato Hiang A Li, kemudian Datuk Akbar bin Ali.

**Dato' Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas. Akan tetapi, kita telah diberitahu bahawa kementerian telah mengemukakan langkah-langkah dan program-program untuk menangani kesan-kesan yang buruk. Saya ingin tahu, apakah kesan dan kejayaan yang telah dicapai sehingga hari ini?

**Dato' Maznah Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tersebut. Pertamanya, terdapat beberapa dasar yang menyokong tindakan-tindakan untuk mengurangkan kesan pemanasan global di antaranya ialah kita dapati adanya Dasar Kepelbagaian Bahan Api yang kelima, di mana ia berhasrat untuk mengurangkan pergantungan kita kepada sumber tenaga yang bergantung kepada minyak dan arang batu. Ke arah ini kita dapati kementerian berkenaan telah mengadakan usaha-usaha seperti memberi sokongan kepada Program Pembangunan Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui ataupun *Small Renewable Energy Program* dengan menggunakan kemudahan *clean development mechanism* di bawah *Kyoto Protocol* di mana kita dapat faedah iaitu berkongsi dengan negara-negara membangun untuk melabur ke dalam syarikat-syarikat di industri di negara kita, juga kita menjual karbon yang kita panggil Program Karbon Kredit kepada mereka dan selain daripada itu kita mendapat teknologi baru. Selain daripada itu kita dapat meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif seperti saya sebut tadi dengan *renewable energy* seperti menggunakan *biomass*, Projek Mini Hidro, juga daripada kuasa suria.

Selain daripada itu kita dapati juga bahawa usaha-usaha dibuat untuk kita terus melindungi dan memelihara hutan yang ada di negara ini yang dipandu Majlis Perhutanan Negara di mana hutan di urus secara lestari, di samping menanam semula pokok-pokok dan ini dapat menyerap karbon yang dikeluarkan di udara.

Ini kerana hutan merupakan *carbon sync* yang paling efektif. Ini adalah antara usaha-usaha yang kita buat. Selain daripada itu kita juga telah menjalani kajian yang kita panggil *Coastal Vulnerability Index* yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran yang mana satu pemetaan kawasan-kawasan berisiko tinggi kenaikan air ataupun banjir dan juga kenaikan air di persisiran pantai telah diwujudkan supaya boleh digunakan sebagai rujukan untuk pembangunan untuk semua pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, kita membangunkan pengurusan zon persisiran pantai secara bersepadu dan senarai ini ada berbagai lagi dan terlalu panjang Yang Berhormat untuk saya bacakan semuanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Akbar Ali.

**Datuk Akbar Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan tadi. Saya cuma ingin bertanya lanjut kerana jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi pada saya *it's quite abstract*, dengan izin. Saya lebih suka mendapat jawapan yang *quantifiable*, dengan izin. Sebab begini ya, daripada banyak sumber, kita dilaporkan hanya ada kurang dari 100 bulan untuk menangani isu pemanasan, *global warming* ini.

Mengikut satu kajian lain, impak *global warming* ini adalah bersamaan dari segi ekonomi, kesan dua perang dunia campur *The Great Depression 1929. That shows how severe this global warming is* dan lebih teruk daripada *depression* sekarang. Soalan saya dalam bentuk yang *quantifiable*, apakah sasaran yang hendak dicapai pada tahun 2020, pada tahun 2035 *because* itu adalah sasaran dunia untuk mengurangkan CO2 dan juga pada tahun 2050. Setakat ini apakah yang sudah dicapai terutama sekali dalam menurunkan *carbon emission*?

Kedua, apakah yang kita buat untuk beralih, *migrating* daripada *current production based economy* kepada *so called, green economy combined*, dengan izin, campur dengan *green technology*. Dalam bentuk yang *quantifiable*, pohon satu sasaran supaya kita senang tahu apa yang hendak dicapai dan di mana kita sekarang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Maznah Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat, mengenai dengan pengurangan karbon seperti yang kita tahu bahawa gas-gas yang menyumbang kepada pemanasan global ini ada beberapa yang dipanggil *greenhouse gas*, di antaranya karbon yang disebutkan tadi dan kebanyakan sumber yang mengeluarkan karbon ini ialah daripada industri dan juga daripada pembakaran minyak dan arang batu. Kemudian juga daripada *methane* iaitu gas yang kita dapati daripada pereputan *biomass* seperti di *landfill* dan juga dari najis-najis binatang dan lain-lain.

Kita juga dapat daripada beberapa gas lain seperti *hydro fluorocarbon* dan *chlorofluorocarbon* dan juga *sulphur hexafluoride* dan lain-lainnya dari kawasan industri. Khusus Yang Berhormat bertanya tentang CO2 dan *quantifiable*, hendakkan datanya, kita dapati bahawa usaha kita yang kita buat dari tahun 2000 mengumpulkan data-data ini dan data terakhir yang ada pada saya adalah pada 10 Februari 2009 menunjukkan bahawa jumlah pengeluaran karbon ke udara adalah 197,285 giga gram iaitu 1 giga gram sama dengan 1 bilion gram, yang dikeluarkan dari sektor daripada pembakaran *and* tenaga, daripada industri, pertanian dan juga daripada *waste* ataupun *landfill* atau lain-lain.

#### ■1200

Kita dapati kita telah dapat kurangkan sehingga ini iaitu sebanyak dua ratus dua puluh lima ribu, angka ini besar ya. Kita dah kurangkan, pada masa ini yang berbaki daripada 197 giga gram tolak 27,950. Kita masih ada lagi ada sebahagian kecil daripada karbon ini dalam udara. Jumlah ini kalau saya tidak silap berbanding dengan negara-negara dunia, data ini menunjukkan sumbang karbon oleh negara kita ke udara adalah *insignificant*, adalah agak kecil.

Seterusnya Yang Berhormat bertanya tentang *green economy* dan *green technology*. Saya rasa mungkin Yang Berhormat boleh kemukakan lagi soalan ini kerana mungkin boleh dijawab oleh Kementerian Pertanian dan lain-lainnya.

Saya juga akan berusaha mendapatkan data-data ini daripada pegawai saya dan sekiranya perlu saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini seterusnya... *[Tepuk]*.

[Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih.

## USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

12.04 tgh.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan satu Usul seperti berikut:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan yang melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu".

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

## USUL

### MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.05 tgh.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** *Bismillahir Rahmannir Rahim. Alhamdulillah rabulalamin wabihinastain. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu sebelum saya melanjutkan hujah-hujah saya izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dalam hampir-hampir lima tahun saya di dalam Dewan Negara ini, inilah kali pertamanya seorang wanita menjadi Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ini merupakan satu penghargaan kepada kaum wanita sesungguhnya hari ini merupakan juga hari yang bersejarah di kalangan wanita-wanita.

Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izinnya masih lagi meminjamkan kepada saya dan kawan-kawan saya kesihatan yang begitu baik untuk menjalankan sebahagian daripada tugas kita. Kerana memberi peluang kepada Tuan Yang di-Pertua dan memohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, kerana berangkat mencemar duli menyampaikan titah ucapan di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua belas pada 16 Februari 2009 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya Roslan bin Awang Chik Ahli Dewan Negara Malaysia dengan ini memohon untuk mencadangkan:

Bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, seperti berikut.

“Ampun Tuanku,

Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas.”

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Padukan Baginda Yang di-Pertuan Agong dimulakan dengan menyentuh isu yang amat penting dalam negara pada masa ini iaitu isu krisis kewangan dan isu krisis ekonomi global yang melanda dunia. Kita sedia maklum bahawa dunia sekarang sedang menghadapi krisis kewangan dan krisis ekonomi yang serius. Ianya sangat serius sehinggakan kebanyakan negara-negara di dunia ini telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi dalam saiz yang luar biasa besarnya demi untuk mengelakkan ekonomi mereka dari terus mengalami penguncupan atau pertumbuhan ekonomi yang negatif.

#### ■1210

Seperti yang kita semua sedia maklum, Amerika Syarikat, negara di mana krisis kewangan ini bermula dan kemudiannya merebak menjadi krisis ekonomi telah meluluskan pakej ekonomi sebanyak USD789 *billion* ataupun bersamaan dengan RM2.76 *trillion* pada bulan Februari baru-baru ini. Untuk menyelamatkan ekonomi Amerika Syarikat, menurut kata Presiden Barrack Obama, pakej ini amat perlu demi memastikan krisis ekonomi terburuk Amerika Syarikat sejak kemelesetan besar ataupun *the great depression*, dengan izin, yang berlaku pada tahun 1930-an tidak bertukar menjadi mala petaka ekonomi kepada Amerika. Begitulah seriusnya krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang menyebabkan ekonomi yang terbesar dunia ini mengalami krisis yang sebegini teruk? Sebenarnya tanda-tanda amaran telah muncul sejak beberapa tahun yang lalu, di mana ramai cendekiawan dan pakar-pakar ekonomi telah menyatakan kebimbangan mereka dengan keadaan ekonomi Amerika Syarikat tentunya nilai terutama nilai mata wang negara tersebut. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketamakan institusi-institusi kewangan Amerika yang menyebabkan krisis pinjaman *subprima*, juga dikenali gadai janji *subprima* dan penutupan gadai janji *foreclosure* yang terburuk ini di Amerika Syarikat yang membawa kepada krisis kewangan dan juga ekonomi seperti yang kita ketahui pada hari ini..

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai isu gadai janji *subprima* ini, yang telah mencetuskan krisis kepada Amerika Syarikat.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, ia dipanggil pinjaman *subprima* kerana pinjaman perumahan yang diberikan kepada peminjam-peminjam yang sebenarnya tidak layak untuk meminjam jumlah yang telah diluluskan ini. Jadi bagaimanakah ia dapat diluluskan? Ia diluluskan kerana struktur produk pinjaman perumahan ini dirangka dengan membenarkan jumlah pembayaran balik yang rendah pada awal tempoh pinjaman tersebut, tetapi akan meningkat pada tahun berikut selepasnya. Ini adalah kerana pada awal tempoh pinjaman tersebut kadar faedah yang dikenakan adalah rendah. Kadar faedah ini meningkat selepas beberapa tahun kemudian.

Di Amerika Syarikat masalah yang dihadapi timbul apabila peminjam-peminjam *subprima* ini tidak dapat membayar balik pinjaman mereka, apabila kadar faedah menjadi lebih tinggi dan apabila harga hartanah mulai menurun pada tahun 2006 dan 2007. Institusi-institusi kewangan yang menggunakan hartanah ini sebagai cagaran pada peminjam-peminjam *subprima* ini mengalami masalah untuk mendapatkan balik jumlah pinjaman, dan akhirnya menjadi pinjaman yang tidak berbayar ataupun *Non-Performing Loans*, dengan izin.

Dengan jumlah yang begitu besar yang tidak mampu ditanggung pula oleh institusi-institusi kewangan ini, jelas terdapat kelemahan-kelemahan dalam aspek pemantauan bagi sesebuah negara yang dianggap paling maju di dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat pada negara kita Malaysia ini, kita sebenarnya juga mempunyai produk-produk pinjaman perumahan yang sedemikian. Bank-bank perdagangan milik entiti asing seperti *City Bank* telah memperkenalkan produk-produk pinjaman perumahan yang mempunyai beberapa peringkat ataupun *tier*, dengan izin. Pada awal pinjaman kadar faedah pinjaman yang dikenakan adalah rendah, kadang-kadang ianya lebih rendah daripada kadar pinjaman asas ataupun *base lending rate*, dengan izin, BLR. Akan tetapi ianya akan meningkat pada tahun-tahun selepasnya, dan produk-produk pinjaman perumahan ini telah ditiru oleh bank-bank perdagangan tempatan dalam usaha mereka untuk memperoleh lebih banyak pelanggan dan peminjam-peminjam yang bersaing dalam bank-bank perdagangan asing.

Sesungguhnya kita maklum bahawa Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia memantau tahap NPL ini, tetapi saya ingin mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenai hal ini daripada kerajaan dan jaminan bahawa apa yang berlaku di Amerika Syarikat ini tidak akan berlaku di negara ini. Sedangkan sesebuah negara maju seperti Amerika Syarikat boleh terleka dan terlepas pandang ataupun terlalai daripada aspek yang penting ini, yang telah mencetuskan krisis yang serius. Kita harus lebih berwaspada agar kita tidak mengalami situasi yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang melanda dunia ini juga memberi kesan kepada negara kita sebagai negara yang ke 17 terbesar di dunia dari segi jumlah perdagangan antarabangsa, jumlah eksport kita telah menurun dengan agak drastik sejak kebelakangan ini. Perangkaan rasmi perdagangan luar negeri mencatatkan jumlah eksport negara pada bulan Disember 2008 dan Januari 2009, masing-masing mengalami penguncupan sebanyak 16.9% dan 27.8%. Barangan elektrik dan elektronik yang kekal menjadi sumber pendapatan eksport terbesar kepada negara telah menurun kepada 34.5% ataupun RM7.3 bilion lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Ini telah menyebabkan banyak kilang elektrik dan elektronik terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Ini adalah kerana kita bergantung kepada permintaan dari negara-negara maju ke atas produk-produk yang sedemikian. Pemberhentian pekerja-pekerja ini telah memberi kesan kepada ramai rakyat kita yang kini terpaksa pula mencari pekerjaan baru untuk menyara hidup mereka.

Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mengambil pekerja-pekerja yang diberhentikan ini dan diserapkan ke dalam sektor awam ataupun swasta untuk membantu mereka agar mempunyai pendapatan tetap yang boleh mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan ini, sebagaimana dijawab oleh Menteri di dalam soalan lisan pada pagi tadi. Akan tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci mengenai mekanisme yang diambil oleh kerajaan dalam menyerapkan pekerja-pekerja ini ke dalam sektor awam.



Apakah kerajaan telah mengenal pasti kemahiran-kemahiran mereka dan yang diberhentikan ini menepati kehendak sektor-sektor awam itu sendiri? Bagaimana pula dengan aspek latihan, adakah kajian telah dibuat untuk memastikan bahawa program ini bukan sahaja dapat membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan, tetapi sekali gus dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan jumlah kakitangan yang lebih ramai lagi nanti.

Saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan menekankan aspek latihan, sama ada dalam bentuk latihan semula ataupun latihan untuk membentuk asas kemahiran yang baru diberikan kepada pekerja-pekerja di negara ini agar matlamat kita untuk melonjakkan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi dapat tercapai. Ini penting kerana pergantungan kepada sektor pembuatan dalam sektor-sektor tertentu mempunyai risiko-risiko yang tersendiri.

#### ■1220

Kita perlu meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita agar kita boleh menarik pelaburan dalam sektor-sektor berteknologi tinggi yang memerlukan kemahiran dan kepakaran tertentu. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh mengenai sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau pun KDNK. Kita sedia maklum bahawa semakin maju sesebuah negara maka sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK menjadi semakin tinggi. Pada masa ini sektor perkhidmatan negara menyumbang kira-kira 55% pada KDNK negara. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun mempunyai sektor perkhidmatan yang menyumbang sekitar 70% kepada KDNK masing-masing.

Apa yang jelas, sektor perkhidmatan yang mengutamakan daya intelek dan daya kreativiti sebagai enjin pertumbuhan adalah sektor yang semakin penting peranannya baik dari segi aspek penciptaan bilangan pekerjaan mahupun sumbangannya pada pendapatan negara dalam ekonomi yang berpaksikan kepada pengetahuan dan maklumat. Keseimbangan kuasa dalam hubungan antara industri juga jelas semakin memihak kepada sektor perkhidmatan.

Di Amerika Syarikat contohnya, peruncit-peruncit iaitu sektor perkhidmatan yang memastikan barangan secara terus kepada pengguna seperti *Wall Mart*, *Toy r Us* serta banyak lagi rangkaian pasar raya-pasar raya gergasi menetapkan syarat-syarat dan tema-tema kepada pengilang-pengilang sekiranya mereka iaitu pengilang-pengilang ingin berterusan dengan peruncit-peruncit ini. Firma-firma antarabangsa telah lama menyedari bahawa aktiviti pembuatan bukan lagi merupakan kunci untuk meningkatkan tahap daya saing yang tinggi dan lestari. Malah pengilang-pengilang seperti *Motorola*, *Nike* dan *Intel* telah lama memindahkan aktiviti-aktiviti pembuatan mereka ke negara-negara membangun di seluruh dunia seperti di Malaysia, Thailand dan Singapura yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah secara relatifnya. Kunci kepada tahap daya saing yang tinggi dan lestari adalah daya intelek dan daya kreativiti dalam pengeluaran dan pemasaran sesuatu barangan atau pun perkhidmatan. Kita secara umum masih lagi mengharapkan pelaburan langsung, pelaburan asing yang sedemikian untuk terus merancakkan aktiviti-aktiviti ekonomi kita.

Saya berpandangan bahawa kita perlu berubah dengan kadar segera untuk terus dan berusaha untuk mengukuhkan daya keupayaan daya intelek dan kreativiti industri kita agar kita menjadi pemilik dan pengusaha produk-produk dan perkhidmatan yang inovatif yang mampu menandakan pertumbuhan ekonomi yang lebih bestari. Saya mengambil maklum bahawa ahli-ahli akademik kita pernah memenangi beberapa anugerah teknologi di peringkat antarabangsa. Persoalannya, adakah kita memanfaatkan daripada kemenangan-kemenangan dan anugerah-anugerah ini? Apakah keupayaan kita hanya terbatas kepada memenangi anugerah-anugerah ini sahaja tetapi tidak dapat mengkomersialkan atau memasarkan ke peringkat dunia. Di manakah kelemahan kita? Apakah usaha yang diambil oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab untuk mengukuhkan industri sains teknologi dan inovasi?

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat satu rencana dalam TV atau pun satu *show* di dalam TV iaitu *reality show* yang diadakan di Amerika yang menunjukkan satu rancangan khas kepada *inventor*, dengan izin, yang baru.

Di sini, dapat kita melihatkan bahawa ada beberapa peringkat yang terpaksa mereka lalui untuk memenangi hadiah telah disediakan oleh rencana ini atau pun rancangan ini. Mereka ini telah mengumpulkan beberapa orang yang ada daya inovatif, ada daya *invention* yang perlu dikemukakan yang hendak dikemukakan yang mempercayai bahawa dengan daya pemikiran intelek yang mereka ada ini, dia boleh mengeluarkan sesuatu yang lebih baik kepada masyarakat yang boleh dipasarkan ke seluruh dunia. Saya berharap kepada kementerian yang berkenaan terutama sekali Kementerian Penerangan boleh merencanakan ini sebagai salah satu rencana rancangan televisyen yang boleh dipasarkan untuk mengumpulkan orang-orang yang pandai, orang-orang yang inovatif, orang-orang yang ada pemikiran untuk membentuk barang-barang dapat dipasarkan bukan sahaja di peringkat daerah, bukan sahaja di peringkat negeri malah di seluruh pelosok negara dan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merencanakan aktiviti-aktiviti negara sektor pembinaan memainkan peranan yang penting kerana hubung kaitnya dengan banyak industri-industri lain di pelbagai sektor. Secara tidak langsung kesan berganda atau pun *multiplier effect*, dengan izin, dilihat lebih tinggi apabila pelaburan dalam sektor pembinaan ini yang besar. Ianya mempunyai mengikut kata-kata ahli *academician economic* tidak kurang daripada empat kali gandanya tiap-tiap ringgit yang telah dibelanjakan oleh kerajaan dalam sektor ini akan mempunyai *multiplier effect* empat kali ganda. Kita bandingkanlah kalau sudah baru-baru ini dalam penggulungan Perhimpunan Agung UMNO telah diumumkan sejumlah RM200 *billion* lagi akan diberikan kepada sektor ini termasuk sektor-sektor yang lain. *Multiplier effect* nya hampir kepada RM800 *billion* tidak kurang dan sudah tentu merupakan satu impak dalam rangsangan ekonomi kita yang akan datang.

Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar pemantauan yang lebih ketat dijalankan terutama sekali oleh pihak SPRM. SPRM ini bukanlah syarikat perumahan tetapi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia untuk memastikan bahawa projek-projek kerajaan pada masa-masa hadapan dipantau dengan rapi agar elemen-elemen ketirisan dapat dibendung dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana dalam ekonomi yang lembap seperti pada hari ini kita tidak mampu untuk membiarkan ketirisan-ketirisan yang tertentu akan memberi kesan yang serius kepada usaha kita untuk memulihkan ekonomi di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh mengenai perlunya institusi perbankan supaya terus menyediakan kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat perniagaan terutamanya kepada sektor pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana atau PKS dalam usaha menajankan dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Saya melihat kepada institusi perbankan ini yang terlalu berhati-hati dalam menyalurkan kemudahan pembiayaan terutama kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini. Jika kita lihat daripada statistik yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2008 dan awal 2009 rata-rata jumlah pinjaman kad kredit dan pinjaman untuk kegunaan sendiri adalah lebih tinggi daripada jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada sektor pembinaan umpamanya.

#### ■1230

Contohnya, pada bulan Januari 2009, keseluruhan jumlah pinjaman melalui kad kredit adalah melebihi daripada RM25 bilion, tetapi di sektor pembinaan pula jumlah keseluruhannya cuma hanya kira-kira RM17 bilion. Apa yang ingin saya utarakan, apa yang ingin saya fokus di sini adalah terdapatnya kecenderungan institusi kewangan untuk memberi pinjaman yang tidak produktif iaitu pinjaman persendirian atau kad kredit daripada memberi pinjaman kepada sektor-sektor yang produktif seperti sektor pembinaan dan perkhidmatan yang boleh menajankan pertumbuhan ekonomi dan merencanakan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Fokus yang lebih kepada sektor peruncitan, perbankan ataupun *retail banking*, dengan izin, dengan meminggirkan sektor perniagaan baik di sektor pembinaan, perkhidmatan ataupun pembuatan tidak akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk mencari penyelesaian kepada isu ini dengan berunding dengan institusi perbankan di negara ini sebagaimana mereka harus lebih terbuka dalam menyalurkan bantuan kepada sektor perniagaan secara langsung boleh membantu dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya jangka di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong juga ada menyentuh tentang agenda perpaduan negara, nasional. Izinkan saya mengambil beberapa petikan:

*“Kita haruslah juga meninjau masa depan negara kita ini. Ikhtiar-ikhtiar kerajaan di dalam tahun-tahun 60-an dan tahun-tahun daripadanya telah pun menghasilkan pelbagai faedah yang sedang dinikmati oleh rakyat seluruhnya. Matlamat dan rancangan-rancangan bagi tahun-tahun 70-an ini menegaskan hasrat kerajaan memperbaiki lagi keadaan ekonomi dan memperkukuhkan ketenteraman dan perpaduan negara. Kerajaan berazam melaksanakan rancangan-rancangan ini secepat-cepatnya. Beta menyeru rakyat sekalian memberi kerjasama kepada kerajaan dalam usahanya membasmi kemiskinan dan mewujudkan perpaduan negara. Dengan izin, tuhan yang maha kuasa dan adanya kerjasama rakyat bolehlah kita dengan penuh keyakinan memandang masa depan yang lebih gembira dan cemerlang bagi negara dan rakyat”*

Petikan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada 5 Mac 1971.

*“Beta dukacita walaupun negara kita telah 50 tahun merdeka, namun isu-isu perkauman yang sempit masih dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu dan menjadi perdebatan umum. Beta ingin menegaskan bahawa kerajaan beta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba memecahbelahkan rakyat demi memastikan keharmonian kaum dan keamanan negara di kekal.*

*Hak-hak setiap rakyat di negara ini yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan sentiasa dipelihara dan dihormati. Sehubungan itu, beta menyeru semua rakyat bersama-sama meningkatkan perpaduan demi kestabilan dan kemakmuran negara. Kepelbagaian kaum dan budaya yang dimiliki hendaklah digembleng menjadi kekuatan negara kita.*

Petikan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada 16 Februari 2009, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada titah ucapan ini sudah tentu Baginda begitu runsing melihat keadaan-keadaan yang berlaku baru-baru ini. Tahun 2008 menyaksikan satu tahun yang penuh dengan kejutan, sandiwara, ramalan, drama, krisis dan tidak kurang keadaan di luar kawalan dan jangkaan. sejauh mana perkembangan semasa mempengaruhi keadaan setempat sehingga masyarakat dapat hidup selesa menerusi perubahan yang tidak menjanjikan kestabilan dalam waktu kita berhadapan dengan keadaan duniawi yang tidak menentu. Adakah masyarakat sudah matang dalam memikirkan perubahan untuk bersepadu, hidup harmoni dan tidak dibelenggu oleh sentimen, etnosentrik, tragedi dan stereotaip sesama anggota masyarakat? Wajar kah menggunakan ruang kebebasan untuk mengikut agama tanpa menyedari sensitiviti pengikutnya. Hakikatnya kelonggaran yang wujud menyebabkan ada segelintir individu yang mengambil kesempatan untuk terus berpolitik dan mempolitikkan apa sahaja isu untuk kepentingan diri dan bukan keseluruhan anggota masyarakat. Ia boleh mempengaruhi dan menjejaskan demografi kependudukan negara ini jika tidak ditangani dengan segera.

Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, siapakah yang bertanggungjawab ke atas soal penghayatan perpaduan dan keharmonian dan apakah pendekatan secara rasional boleh diterima pakai membelakangi nilai emosional.

Mengapakah sejak kebelakangan ini ramai mula memberi tumpuan ke atas isu-isu ini walhal Malaysia sering dijadikan sebagai negara contoh di dunia global? Apakah darjah toleransi dan penerimaan di kalangan pelbagai etnik sudah jauh merosot ataupun dianggap sebagai isyarat pemulihan supaya tidak mengganggu perjalanan hidupan harian kita? Isyarat ini perlu diambil serius kerana pencapaian negara selama ini bergantung pada kematangan pemimpin dan rakyat memerangi apa sahaja isu di belakang tabir dengan rasional berasaskan kepada pengalaman yang pernah dilalui dan dedikasi generasi lepas. Sedar atau tidak nilai permuafakatan dan kompromi telah mendasari proses kemuafakatan anggota masyarakat negara ini sebagaimana yang ditinggalkan oleh para pejuang kemerdekaan yang mahu generasi berikutnya kekal dengan nilai kemasyarakatan yang tinggi diselami dengan unsur-unsur toleransi, hormat-menghormati dan saling faham memahami di antara satu sama lain.

Segala-galanya berkemungkinan di negara ini kerana warisan kepimpinan mahu memastikan bahawa kesejahteraan rakyat terpelihara dan para pemimpin sedar ia hanya dapat dilakukan dalam persekitaran yang kondusif, bebas daripada konflik dan ancaman terutamanya hubungan antara kaum, keharmonian perpaduan dan kesediaan untuk hidup rukun damai memacu kecemerlangan pencapaian negara selama ini. Tanggungjawab ke atas perpaduan termateri dalam Perlembagaan yang memperincikan butiran ketinggian perilaku dan tanggungjawab pemimpin lalu yang wajar dihalusi kerana dokumen ini sebenarnya memberi petunjuk kepada semua ahli masyarakat tanpa mengira batasan agama, keturunan, kepercayaan dan gender.

Bagaimana pejuang kemerdekaan sedar polemik yang boleh berlaku dalam jangka panjang di negara ini? Pemahaman ke atas Perlembagaan boleh membawa keinsafan mengapa kita harus bersama dalam berhadapan dengan krisis ini sebagai warganegara dan bukan bertelagah sesama kita kerana garis ideologi politik.

#### ■1240

Krisis Perlembagaan seperti sekarang jika tidak ditangani dengan secara berhemah, mampu menimbulkan konflik antara kaum. Apatah lagi ia berlaku dalam persekitaran di mana golongan belia dan generasi baru sudah sedar mengenai idea kebebasan dan demokrasi. Perpaduan merupakan tanggungjawab bersama, rakyat termasuk semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda perlu akur bahawa apa yang mereka nikmati hari ini adalah pengorbanan dan kompromi nenek moyang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan ini memerlukan masa, memerlukan pengorbanan. Ia juga memerlukan kesabaran dan toleransi yang tinggi. Ia tidak datang bergolek tetapi ia dirancang dengan halus. Ia dirancang dengan teliti dengan mengambil kira perasaan, pemikiran, kebudayaan, keagamaan dan diuji melalui masa dan zaman. Jangan diusik tidak tentu arah, jangan hendaknya kita menguji toleransi kaum sebab akibatnya amat dahsyat dan sudah tentu tidak disukai oleh semua yang mencintai kedamaian.

Kita sering alpa dengan apa yang ada. Kita sentiasa lalai dengan pemberian Allah SWT Ada kalanya kita keluar dari zon selesa mencari zon-zon yang kita tidak selesa semata-mata kerana mengejar cita-cita persendirian tanpa peduli kesan kepada umum. Pengujian toleransi ini juga bukan sekadar dari sudut politik sahaja. Malah kalau kita lihat dari sudut agama pun, pihak-pihak tertentu sudah mula mencanangkan dan mula meminta menggunakan nama Allah dalam penterjemahan Kitab Injil mereka.

Ini sudah tentu akan mengelirukan belia-belia dan akan meracuni pemikiran mereka sehingga kadangkala di antara agama Kristian dan Islam itu nampak sama sahaja, tiada perbezaan. Oleh yang demikian, saya memohon kepada pihak kerajaan terutama sekali Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar dengan lebih tegas lagi mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya supaya selain daripada mengharamkan, mencari adakah lagi dalang-dalang yang ingin menggunakan kebebasan-kebebasan seperti ini untuk memecahbelahkan perpaduan yang telah terpupuk lebih daripada 50 tahun yang lepas.

Kita juga memohon kepada Kementerian Dalam Negeri, bukan sekadar mengharamkan sahaja cetakan-cetakan tetapi mengambil *forward forecasting* dengan izin, apakah yang akan perlu dibuat dalam jangka masa pendek dan dalam jangka masa panjang. Ini supaya mereka tidak akan lagi berani menyuarakan benda-benda yang begitu sensitif sehingga ia akan menjadikan satu ideologi baru, satu porak-peranda yang baru untuk memecahbelahkan generasi kita pada masa-masa akan datang.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Saya tertarik dengan salah satu hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai dengan perpaduan yang mana negara kita, Malaysia sudah lebih 50 tahun merdeka. Kita mempunyai pelbagai agama, perpaduan yang kita buat yang begitu erat, diperkenalkan Rukun Negara dan sebagainya. Apa yang saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat, kadang-kadang kita tengok perpaduan ini diputarbelitkan oleh pemimpin-pemimpin pembangkang yang mana kadang-kadang kita pun hairan. Kita dalam Rukun Negara yang kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, sebagai pemimpin, kita harus menunjukkan contoh dan teladan kepada generasi muda. Ini tidak.

Kalau kita lihat hari ini pembangkang dengan tidak segan dan silu mempertikaikan tentang Raja-Raja, mempertikaikan tentang kedaulatan negara kita. Ini menyebabkan ramai belia terikut-ikut dengan perangai-perangai yang sedemikian. Apa yang saya lihat hari ini bahawa pihak kerajaan mahupun pihak kementerian gagal menangani perkara ini dengan tegas. Kita ada undang-undang ISA yang mana sesiapa sahaja yang cuba memecahbelahkan perpaduan, menghuru-harakan dalam negara ini patut dengan sertamerta diambil tindakan.

Jadi apa yang saya lihat hari ini, kerajaan kita terlalu berlembut. Banyak perkara yang saya lihat isu-isu sensitif yang dibangkitkan dalam Dewan mahupun di luar Dewan, kita gagal menanganinya. Apakah pandangan Yang Berhormat, kita kalau sudah tidak mahu guna ISA, kita tidak mahu guna Akta Hasutan, kita batalkan sahaja kalau kita sudah tidak mahu guna. Kita ada kuasa tetapi kita tidak mahu menggunakan kuasa pada tempatnya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih sahabat serta kakanda, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali. Saya percaya usaha atau ucapan yang telah diberi tadi amat tepat sekali. Pepatah daripada doktor sering berkata, "*prevention is better than cure*", dengan izin. Satu lagi pepatah yang dikatakan, "*it's better late than never*". Di dalam kita 51 tahun merdeka, 63 tahun kita telah membuktikan bahawa adanya perpaduan ini. Kemerdekaan ini dicapai melalui perpaduan yang begitu erat sekali. Sekarang perpaduan ini telah dicabar. Keharmonian yang telah dipupuk setakat selama ini akan dimusnahkan dengan sekelip mata sahaja demi untuk mencapai matlamat persendirian.

Saya juga kehairanan mengapa Kementerian Dalam Negeri ataupun agensi-agensi yang berkenaan begitu takut untuk memberi ketenteraman kepada umum. Banyak pemikiran memikirkan bahawa tiap-tiap tindakan yang keras itu diambil, takut-takut disalahgunakan, disalahtafsirkan, diberi persepsi bahawa kerajaan ini zalim. Akan tetapi kadangkala baiklah kita menjadi zalim sekejap seperti *it's better to be cruel in order to be kind*, dengan izin. Baiklah kita menjadi keras seketika tetapi pada masa-masa yang akan datang menjamin keselamatan, kesejahteraan, kedamaian kepada masyarakat kita pada masa-masa yang akan datang.

Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat, dengan suara lantang bukan sahaja di Dewan ini malah di akhbar, malah di mana-mana medan. Ini supaya diperlihatkan bahawa perjuangan persepsi Yang Berhormat mahu melihatkan bahawa negara kita ini aman sentiasa dan dipelopori bukan sahaja oleh kaum Melayu. Akan tetapi seluruh kaum yang mana kita menuju kepada arah bangsa Malaysia dan inilah salah satu jalan, salah satu langkah yang pertama untuk kita mencapai kepada matlamat bangsa Malaysia itu. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Sila, sila.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya hendak bertanya soalan yang spesifik berkenaan dengan masalah serta cara Karpal Singh membuat satu pendekatan yang kurang sopan terhadap..., ini *very mild* lah kurang sopan itu, dengan izin. Hendak ikutkan kalau tafsiran saya, sudah jadi kurang ajar kepada Sultan terutama sekali kepada Sultan Perak.

■ 1250

Apabila soalan ini ditujukan kepada pihak-pihak kementerian terutama sekali Kementerian Dalam Negeri mengapakah tindakan terhadap Karpal Singh ini lambat sangat dijalankan. *AG's Chambers* also mengambil masa yang begitu lama untuk membuat siasatan dalam perkara ini. Jawapan yang kita terima adalah oleh kerana dia itu golongan OKU, maka golongan OKU ini terlepaslah kalau berlaku kurang ajar kepada sesiapa pun.

Namun, pada hemat saya, dia OKU dari segi *accident* bukan semula jadi dan cuma kakinya saja yang bertarafkan OKU, mulut dan lidahnya tidak bertarafkan OKU pun. Mengapakan pihak kerajaan, saya memang setuju dengan pihak saudara saya, Datuk Wira Syed Ali tadi, terlalu lambat. Pihak kerajaan ini banyak sangat dia punya kesian dekat orang itu dan kesian dekat orang ini sehingga pada satu tahap, kita nampak kerajaan sudah menjadi terlalu lemah dari segi menangani masalah-masalah dari segi perpaduan dan juga kurang sopan pihak pembangkang dalam cara mereka menuduh Sultan terlibat dalam perkara-perkara yang memang pihak istana tidak terlibat. Maka, dengan itu saya mohon apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih kakanda Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah. Saya rasa terkilan sebagai orang yang lama dalam Malaysia ini, melihat seorang intelek seperti Karpal Singh, seorang *lawyer* yang begitu katanya mahir tetapi boleh menjadi seorang yang berjiwa kecil. Sanggup menuduh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sebagai orang yang mendalangi dalam rampasan kuasa di Perak itu walhal perkara ini bukanlah satu rampasan kuasa.

Ia didorong oleh nafsu gila dia untuk memperlihatkan bahawa dia ini begitu pandai dalam undang-undang tetapi berselindung di sebalik kekebalan Parlimen. Berani mengatakan sesuatu yang menyinggung perasaan orang lain terutama sekali orang-orang Melayu yang mana kalau kita lihat dari segi Perlembagaan kita ini, Perlembagaan demokratik kita ini berparlimen yang mempunyai tiga perkara iaitu:

- (i) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (ii) Dewan Rakyat; dan
- (iii) Dewan Negara.

Kalau ketiga-tiga ini tiada, maka sudah tentu tiada kerajaan. Begitu juga di peringkat negeri. Kerajaan Negeri ini mempunyai tiga iaitu Duli Yang Maha Mulia al-Sultan, Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Itulah yang menyebabkan bahawa seorang yang pandai dalam undang-undang ini tidak semestinya pandai dalam segala-galanya. Saya juga tertarik dengan kata-kata yang dikatakan OKU tadi hanya di kaki dan bukannya di pemikiran. Jadi oleh yang demikian, kita perlu mengambil tindakan yang tegas. Mengajar kepada orang yang begitu lantang memberi pandangan-pandangan yang boleh menyemarakkan semangat-semangat di kalangan orang-orang muda dan di kalangan generasi-generasi baru yang mula timbul perasaan menentang kepada Raja-Raja.

Tanpa Raja-Raja, sebagai mana yang dikatakan baru-baru ini, di manakah letaknya Malaysia ini? Kalau kita lihat daripada sejarah, daripada ucapan di Perhimpunan Agung baru-baru ini, datangnya Portugis ke Melaka, berunding dahulu dengan Raja-Raja. Dia tidak berunding dengan orang-orang Cina dan dia tidak berunding dengan orang-orang India pada ketika itu untuk membuat satu jalinan perniagaan di peringkat ketika itu iaitu pada tahun 1500 dahulu.

Jadi, kita berharap kelembapan Kementerian Dalam Negeri atau KDN ini ditukarkan dengan lebih keras supaya memperlihatkan bahawa rakyat keseluruhannya umum, bukan politik saja tetapi orang-orang yang inginkan kedamaian, yang cintakan kedamaian dan yang mahukan ekonomi negara kita ini lebih terus maju, kita ambil tindakan yang sekeras-kerasnya kepada orang-orang yang telah memporak-perandakan keadaan yang ada sekarang. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, adakah dasar keterbukaan di negara kita ini menguntungkan atau merugikan negara kita? Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Dasar keterbukaan ini ada baik dan ada buruknya. Kalau terbuka dan terdedah sangat terasa-rasa geram pula. Kalau tutup semua, terasa-rasa hendak tahu juga apa di sebaliknya. Jadi di sini kalau kita melihat dari segi aspek dasar negara, apabila terbuka sangat, benda yang tidak perlu diketahui oleh umum maka diketahui umum. Apabila ditutup sangat, benda yang sepatutnya diketahui umum langsung tidak diberitahu. Jadi, naluri memberontak yang sentiasa ada dalam jiwa manusia itu akan memberontak. Maka, kena ada sebagai mana agama kita menunjukkan fasal apa Rukun Islam itu lima, kerana daripada kosong hingga sepuluh, pertengahannya ialah lima. Jadi lima itu adalah perantaraan. Jadi kita kena ada pertengahan. Ambil unsur-unsur pertengahan. Jangan terlalu terdedah dan jangan terlalu tersorok...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ambil angka yang lima tadi, pertengahan untuk membina sesuatu masyarakat dengan lebih baik. Yang lima ini, iaitu pertengahan ini lebih baik daripada tidak beritahu langsung ataupun beritahu kesemuanya. Sila, Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik tentang menentang Raja-Raja. Jika dilihat filem-filem lama, di dalam cerita-cerita filem yang kita pernah buat, sesiapa saja yang menentang Raja, hukum pancung. Oleh kerana itu, kita lihat di Perak sendiri ada seorang pemimpin yang bergelar Datuk Maharajalela. Datuk Maharajalela diberikan gelaran 'Pancung Tidak Bertanya', bermaksud ialah dia berkuasa dan berhak untuk memancung sesiapa saja yang menentang Raja-Raja.

Jadi apakah tindakan yang boleh diambil pada zaman ini. Mungkin tidaklah sampai pancung tetapi apakah tindakan yang boleh diambil kepada orang yang menentang Raja-Raja, Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Apakah tindakan yang patut diambil? Apakah pandangan Yang Berhormat kalau dibuang negeri sebagai contoh ataupun digugurkan daripada rakyat Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Saya merupakan seorang manusia yang *fun* ataupun menghormati ataupun tertarik dengan pemikiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Sebagai seorang bekas Ketua Hakim, sebagai seorang cendekiawan dan sebagai seorang yang intelek, dia sepatah pun tidak menyahut ataupun mengata apa-apa. Ini menunjukkan kebesaran seseorang Tuanku apabila orang ramai dan seorang peguam mengata kepadanya begitu rupa. Malah, saya percaya pengetahuan dalam keilmuan kehakiman dan undang-undang jauh lebih baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku Perak daripada Karpal Singh ini.

Namun, ketinggian inteletknnya tidak menjawab sepatah pun hingga melepaskan kepada orang-orang yang lain untuk menjawab, menunjukkan bahawa orang OKU kaki ini tidak perlu dijawab.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.33 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik untuk menyambung ucapan.

**2.34 ptg.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung balik ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 16 Februari baru-baru ini.

Saya masih lagi di peringkat perpaduan negara di mana usaha-usaha yang telah dibawa oleh kerajaan untuk memantapkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat kita terutama rakyat kita ini yang sedang dilihat begitu bercelaru sekali. Kita melihat bahawa rakyat sekarang terutama sekali pihak pembangkang menggunakan Parlimen ini tempat berteduh di mana boleh mengatakan apa-apa sahaja tanpa mengira perasaan orang ramai, tanpa mengira siapa yang dituduhnya, sekadar untuk mengatakan dan membangkitkan kemarahan. Ini diterjemahkan oleh media-media nanti bahawa apa yang dikatakan itu adalah benar. Walhal perkara yang sebenarnya adalah semata-mata untuk mencari publisiti sahaja dan memutar belitkan fakta-fakta yang sebenarnya apa yang sedang berlaku.

Apa yang telah kita pupuk selama ini dengan begitu lama, lebih daripada 50 tahun, perpaduan-perpaduan yang telah diukir bersama di antara orang-orang masyarakat di Malaysia ini termasuklah orang Melayu, Cina, India dan juga di Sabah dan Sarawak akan berkecai dengan sekelip mata sahaja dengan ungkapan-ungkapan yang dibawa oleh orang-orang yang berkepentingan dan tidak langsung peduli terhadap sejarah serta pembangunan perpaduan yang telah dibina dengan begitu mulia sekali.

Apakah ini yang dikatakan demokrasi? Ini kah cara yang dikatakan demokrasi membawa dan berhujah tanpa mengira apa yang dikata, hanya sekadar melepaskan apa perasaannya sahaja. Ataupun adakah ini yang dikatakan tamadun, tamadun yang telah kita belajar. Erti katanya, tamadun sekarang ini adakah ianya lebih baik daripada tamadun 50 tahun yang lepas. Saya percaya cara yang dahulu jauh lebih baik dari cara yang ada sekarang. Adakah kemajuan tamadun yang dibawa ini begitu bercanggah sekali dengan prinsip hidup kita atau dikatakan kemajuan terhadap perkara-perkara yang seperti ini.

Kalau kita melihat, ambil contoh di United Kingdom, di England di mana raja mereka berabad-abad diberi penghormatan yang begitu tinggi sehingga sekarang. Adakah di England itu merupakan satu tempat yang tidak berdemokratik ataupun di manakah demokrasi di peringkat di England itu yang telah kita tunjukkan bahawa demokrasi yang kita pelajari daripada penjajah dahulu, adakah ianya berlainan dengan apa yang ada sekarang ini. Di mana yang bagus sepatutnya kita mengambil teladan, di mana yang tidak bagus, kita tolak ia dan menjadikan ianya sebagai sempadan.

Kita boleh melihat bahawa dunia-dunia sekarang di mana tempat ada kedamaian, di mana tempat ada kemakmuran boleh kita pelajari daripada cara-cara pemimpin-pemimpin mereka mentadbir negara itu. Kita lihat di negara-negara yang ada raja seperti di Sweden, seperti di Denmark, seperti di Spain yang baru-baru ini telah membuktikan balik raja-raja mereka dan juga di England, masih lagi mengamalkan sistem beraja ini, sistem demokrasi mereka dengan begitu baik sekali. Apakah kita mudah semula melahirkan perasaan-perasaan benci terhadap raja-raja kita sendiri.

Walhal kalau kita lihat daripada negara-negara separuh benua-benua yang mengamalkan republik yang mana tanpa raja, mereka berkecai dengan begitu sahaja. Ramai, tak perlu saya beri contoh di mana negara-negara yang tiap-tiap hari ada pembunuhan, menolak pembunuhan dan rusuhan-rusuhan membunuh rakyat mereka sendiri oleh sebab mengejar kepada keadaan-keadaan yang difikirkan perlu untuk berpolitik dan perlu untuk mengawasi kuasa-kuasa. Oleh yang demikian, saya pohon kepada Kementerian Dalam Negeri melihat dari sudut yang lebih mendalam, bukan sekadar politik sahaja.



Perlu melihat dari segi sudut orang ramai, perlu melihat dari segi sudut masyarakat yang begitu cintakan kepada kedamaian dan begitu cintakan kepada keamanan dan keharmonian apatah lagi dengan ekonomi yang melanda sekarang ini, mereka sering ketakutan untuk melihat ataupun menceburi ekonomi yang lebih mendalam lagi dalam usaha-usaha memulihkan ekonomi yang sedang begitu gawat yang kita hadapi sekarang ini.

#### ■1440

Kita tidak rela melihat tindakan-tindakan yang lembut sebagaimana yang disarankan oleh sahabat-sahabat tadi, kawan-kawan tadi supaya menyarankan pihak yang berkenaan terutama sekali Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk menenteramkan keadaan dengan sebaik mungkin dan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua pemahaman di atas Perlembagaan boleh membawa keinsafan mengapa kita harus bersama dalam berhadapan dalam krisis lain sebagai warga Malaysia dan bukan bertelagah sesama kita menggaris idea politik tadi. Integrasi dan perpaduan perlu lahir dari sifat dalaman kemanusiaan dan bukan boleh diukur secara kuantiti.

Jika banyak unsur negatif diketengahkan serta kebebasan media digunakan untuk menghasilkan perbalahan antara kaum dasar kompromi akan tewas dan menimbulkan rasa tidak puas hati serta membawa kehancuran dan nilai yang dikongsi bersama selama ini. Ini kerana ia akan membawa kepada persoalan yang lebih besar siapa yang perlu berkompromi, siapa yang akan merasa takut untuk menghuni dalam negara kita yang sama ini. Persoalannya sejauh manakah masalah ini cuba ditangani oleh pihak kerajaan. Boleh dilihat dari beberapa program yang disediakan tetapi kumpulan sasar wajar didekati oleh kumpulan yang membuat dasar dan bukan pelaksana dasar sahaja dari kelompok-kelompok yang berlainan hingga akhirnya hasilnya mengecewakan dan membiarkan masalah perpaduan berterusan tanpa penghujungnya.

Program Rakan Muda sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua yang telah dilancarkan beberapa tahun yang lalu tidak menampakkan hasilnya. Mengapakah ia tidak diteruskan, adakah perubahan kepimpinan juga mengubah agenda sesuatu kementerian? Ini amat penting sekali tiap-tiap kali ada perubahan kementerian ataupun Menteri atau kepimpinan sering kita melihat bahawa berubahnya dasar-dasar yang begitu baik. Tidak tertentu sahaja kepada dasar Rakan Muda banyak lagi dasar-dasar yang lain yang telah diubah mengikut cita rasa Menteri yang baru itu. Walhal ada kala rancangan-rancangan yang lepas ataupun dasar-dasar yang lepas begitu baik untuk diteruskan. Jikalau ada yang lebih baik ditambahkan dengan lebih baik lagi untuk memantapkan lagi dasar-dasar ini.

Isu belia dan politik perkauman tidak boleh dilihat sebagai isu bermusim di mana jalan penyelesaiannya hanya wujud apabila ia ditonjolkan dan hilang selepas seketika kerana ketiadaan sistem pemantauan berterusan. Adakah pihak perancang berinteraksi secukupnya dengan pihak pelaksana dan kumpulan sasar untuk memastikan sistem penyampaian agenda ini berjaya. Bagaimanakah kumpulan belia di peringkat mukim, di peringkat kampung, di peringkat daerah dan negeri dapat didekati? Belia di kawasan bandar dan luar bandar memerlukan pelaksanaan yang berbeza di bawah dasar yang sama. Dasar satu saiz untuk semua tidak boleh diguna pakai dalam konteks masyarakat hari ini. Dasar baru tidak perlu dikemukakan tetapi melakukan penambahbaikan ke atas dasar yang sedia ada sudah mencukupi untuk membolehkan golongan belia memahami aspirasi sebenar kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua kita melihat adakah Program Latihan Khidmat Negara iaitu PLKN bakal berhadapan dengan masalah yang sama. Apabila ianya dihubung secara langsung dengan persekitaran politik tanah air. Bagaimana pula dengan belia di universiti, adakah mereka perlu bebas dari pengaruh politik? Ramai bertanggapan bahawa politik perkauman wujud dari universiti terutama dengan pembabitan dalam organisasi bersifat kaum masing-masing. Serta campur tangan pihak luar yang cuba mempengaruhi pola pengundian pemilihan majlis pelajar.

Ini menyebabkan ada pelajar-pelajar terutama dari kalangan pelajar ekstremis berkecenderungan menyokong pihak pembangkang terutama sekali Parti DAP.

Tuan Yang di-Pertua sebagai cadangan model Barisan Nasional sebenarnya berjaya sekurang-kurangnya memencilkan isu perkauman. Malahan pihak parti pembangkang turut berusaha melahirkan pakatan yang sama. Selepas 36 tahun berlakunya peristiwa tersebut tanggapan bahawa 13 Mei adalah titik hitam dan tidak harus dibincangkan mestilah dihapuskan ataupun dikikis. Sejarah mengajar persediaan untuk mencorakkan masa depan. Generasi belia hari ini perlu mengetahui sejarah silam supaya ia tidak diulangi lagi jika tidak ianya boleh memudaratkan.

Begitu juga dengan peristiwa 13 Mei 1969. Hari ini pengalaman pemimpin pasca kemerdekaan wajar dijadikan sebagai iktibar dan dorongan untuk terus mempertahankan kemerdekaan tanpa mengaibkan keharmonian. Peringatan berterusan mengenai kesan rusuhan tersebut mesti kekal. Supaya golongan generasi belia yang tidak melaluinya sedar peranan dan tanggungjawab mereka di dalam mendukung hala tuju negara ini. Batasan-batasan tertentu mesti diketahui. Ini termasuk isu-isu sensitif yang boleh mengancam keselamatan negara.

Sistem penyampaian untuk golongan belia hanya akan berkesan jika sekiranya keyakinan diperkukuhkan. Jika sekiranya wujud kerjasama erat antara pembuat dasar kerajaan maka golongan belia boleh diikat dalam konteks, *civic engagement*, dengan izin. Menekankan peri pentingnya nilai moral dalam politik dan hubungan antara kaum, kepimpinan belia, *youth leadership*, dengan izin, juga boleh menjadikan teras program penambahbaikan Kementerian Belia dan Sukan. Di samping Projek Pembangunan Komuniti Belia iaitu *Youth Community Development*, dengan izin, sejajar dengan keperluan persekitaran hari ini.

Gabungan iltizam politik sebagai asas moral dan integrasi Perlembagaan dan Rukun Negara sebagai mekanisme, permuafakatan kaum dan program pendidikan sebagai tapak semaian perpaduan boleh menjanakan ikatan masyarakat pelbagai budaya dalam satu entiti yang bersatu padu. Formula integrasi nasional melalui Barisan Nasional merupakan formula terbaik hari ini untuk memastikan kestabilan dan perpaduan masyarakat berbilang kaum. Ini supaya generasi yang akan datang akan terus dapat mengekalkan kejayaan dan pencapaian negara tanpa sanggup berkompromi dengan isu perkauman.

Pemimpin dan rakyat harus sama-sama mempertahankan kejayaan yang lebih daripada 50 tahun negara kita dan sedia menghukumkan individu-individu yang mengancam keselamatan negara berasaskan kepada isu ini. Sikap integrasi di kalangan pemimpin dan masyarakat berbilang kaum serta menerima perbezaan halaman, nilai dan budaya sangat penting supaya ketegangan perkauman yang boleh berlaku pada bila-bila masa dapat dielakkan dan tidak menjejaskan kestabilan politik dan perkembangan dalam kemajuan ekonomi negara. Rahsia kejayaan integrasi nasional kekal sehingga ke hari ini.

Perpaduan dan hubungan antara kaum bergantung kepada keseluruhan masyarakat Malaysia kerana dasar dan program dan aktiviti hanya akan berjaya jika modal insan ini memiliki keinsafan dan iltizam yang tinggi untuk merealisasikan pembentukan masyarakat Malaysia yang bermoral, berilmu, berkemahiran dan berkeupayaan tinggi menjelang tahun 2020. Peluang kebebasan kemerdekaan barisan kepimpinan awal dari pelbagai lapisan kaum tidak boleh berkorban dan berkompromi untuk kepentingan diri. Akan tetapi mereka melakukan untuk membolehkan kita menikmati kehidupan yang selesa, aman dan sejahtera.

#### ■1450

Adalah menjadi tanggungjawab kita membelakangkan perbezaan dan melihat persamaan berpaksikan nilai kemanusiaan kerana sentiasa ada ancaman luaran yang cemburu dengan kejayaan kepimpinan, mengurus hubungan antara kaum di negara kita ini. Ia akan menjadi lebih buruk jika lahir musuh dalam selimut yang mahu melihat perpaduan di negara ini berkecai, kejayaan di Malaysia ini serta kekuatan sebenar tanah air kita ini adalah kepada kepelbagaian.

Dan dijadikan ianya sebagai pedoman 2009 untuk terus hidup sejahtera dan makmur demi masa depan dan generasi yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan kepada pihak kerajaan supaya mencari jalan untuk membuka kemufakatan dalam negara yang terdiri daripada pelbagai etnik.

Begitu juga dengan dialog antara agama dan program bersifat kebajikan di bawah pengelolaan pelbagai organisasi agama. Di tanah air kita pergaulan di antara kita perlu dipertingkatkan, pemasyarakatan, perpaduan yang kita maksudkan adalah mewujudkan perpaduan dalam kegiatan-kegiatan masyarakat. Sekarang ini terlalu banyak kegiatan masyarakat yang terhad kepada kaum masing-masing. Demikianlah tabiat yang diamalkan oleh kita sehingga apabila menteri yang terdiri daripada keturunan orang-orang Cina, maka majlis yang dihadiri juga akan terdiri daripada orang-orang Cina.

Jikalau Menteri itu Melayu, maka hadirinnya juga Melayu dan seterusnya. Sebenarnya ini adalah kerana dahulu kita tidak mempunyai satu bahasa yang difahami oleh semua kaum. Sekarang ini dengan penggunaan bahasa kebangsaan semua yang hadir memahami apa yang diucapkan. Oleh itu kegiatan kemasyarakatan yang terhad kepada satu kaum sahaja patutlah dikurangkan dan digantikan dengan kegiatan yang melibatkan bersama-sama semua kaum.

Perpaduan dan pembangunan rakyat Malaysia keseluruhannya memerlukan kesedaran yang menyeluruh tentang pentingnya pembentukan satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia yang sama-sama kita idamkan. Berteraskan juga nasionalisme tulen yang dipupuk di atas kesinambungan sejarah dan prinsip Rukun Negara. Proses pembentukan masyarakat Malaysia ini berkehendakkan kestabilan dan kecekalan politik yang berterusan. Persaingan yang tidak adil, politik perkauman, nepotisme, kronisme serta rasuah di semua peringkat hendaklah dihapuskan dengan seberapa segera sebelum ianya merebak ke tahap yang tidak dapat dikawal lagi.

Prinsip bersih, cekap dan amanah hendaklah diamalkan supaya ia tidak tinggal sebagai slogan kosong sahaja. Saya di sini ingin mengingatkan kepada semua tentang hijrah Rasulullah SAW yang mengajar kita bahawasanya perpaduan dan keamanan merupakan syarat utama untuk menjadi ummah yang gemilang. Hijrah akan gagal sekiranya umat Islam tidak bersatu padu, sentiasa bertelagah mencari kesalahan dan hanya tahu mengkritik sahaja. Maknanya perpecahan hanya mengandungi kegagalan dalam apa jua matlamat yang hendak dicapai lebih-lebih lagi dengan melibatkan soal *survival* ummah.

Ummah Islamiah, Islam sangat menuntut kepada perpaduan dan menjauhi pertelingkahan, tuduhan melulu dan membuang perasaan iri hati sesama kita semua. Tidak ada guna menjadi sebuah negeri dan negara maju, tetapi rakyatnya masih dibelenggu ketakutan akibat kekacauan dan keselamatan yang tidak terjamin. Tuan Yang di-Pertua, telah banyak saya perkatakan tentang hal-hal perpaduan. Izinkan juga saya melanjutkan lagi ucapan saya ini kepada keadaan yang ada sekarang ini, iaitu kelakuan serta sejarah 50 tahun kita ini berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang maju dalam bentuk formula kita tersendiri telah pun teruji 50 tahun lamanya dan berjaya hari ini. Kita tidak nampak kenapa kerajaan yang dibentuk seperti ini tidak boleh diteruskan pada masa depan. Kita adalah sebuah kerajaan yang berasaskan demokrasi berparlimen dan kerajaan yang bertanggungjawab kepada Parlimen dan rakyat adalah terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian yang sama-sama bermuafakat membincangkan dan menghasilkan dasar-dasar dan pembangunan negara.

Itulah ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 4 Ogos 2007. Sejak kemerdekaan lagi Malaysia telah memilih demokrasi sebagai asas kerajaan. Demokrasi di Malaysia adalah berasaskan kepada konsep Demokrasi Berparlimen. Di mana Parlimen merupakan badan yang dipertanggungjawabkan menggubal undang-undang negara di samping mengawal dan mengawasi perbelanjaan am kerajaan.

Dalam usia 50 tahun ini Parlimen Malaysia bukan sahaja merupakan lambang yang unggul dalam proses demokrasi di negara ini, tetapi juga membuktikan kematangan sistem berpolitik dan sistem pemerintahan tanah air yang berasaskan kepada Prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sistem Demokrasi Berparlimen ini dan Raja Berperlembagaan hasil perjuangan para pemimpin kemerdekaan negara dengan semangat patriotisme mereka yang luhur.

Kesediaan untuk berkorban demi negara dan pakatan murni telah membolehkan kestabilan negara dipertahankan dan dipelihara supaya rakyat mendapat nikmat keamanan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan sebagainya sehingga ke hari ini. Sistem pemerintahan negara ditentukan melalui pilihan raya yang bebas dan diadakan tiap-tiap lima tahun sekali, di mana rakyat memilih wakil-wakil rakyat mereka yang dipertanggungjawabkan dengan amanah untuk melaksanakan harapan dan hasrat rakyat berlandaskan semangat demokrasi yang terpahat dalam Perlembagaan Negara.

Penyertaan rakyat dalam sistem pemerintahan negara kita melalui proses pilihan raya ini merupakan asas demokrasi yang penting, kerana kerajaan dibentuk adalah untuk rakyat yang mengharapkan kerajaan pilihan mereka akan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip keadilan dan berpayung di bawah Perlembagaan Negara. Oleh yang demikian, penglibatan dalam proses pilihan raya adalah menjadi satu tanggungjawab yang murni bagi kita untuk memastikan kestabilan politik dan keamanan negara kita adalah terpelihara supaya dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Dengan perisytiharan Parlimen itu, maka rasminya Parlimen Persekutuan Tanah Melayu telah wujud dan merupakan lambang demokrasi yang menjadikan amalan hidup rakyat negara ini. Dengan terbentuknya Parlimen menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian IV, Fasal 44, Kuasa Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu adalah terserah kepada Parlimen yang mengandungi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Sesungguhnya kewujudan Parlimen Persekutuan ini, maka negara ini telah sempurna menerima dasar hidup yang berpegang kepada rukun demokrasi berparlimen.

Baginda juga bertitah bahawa pembukaan Parlimen ini telah melengkapkan kehendak Perlembagaan. Di mana *the establishment of this Parliament was the grown and climax of our Constitution. In fact it's the every essence*, dengan izin. Seterusnya baginda menyatakan, setiap orang yang mengangkat sumpah sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara memegang amanah rakyat untuk mempertahankan Perlembagaan Negara kita untuk selama-lamanya. Baginda juga menasihatkan Ahli-ahli Parlimen untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi kepada aspirasi negara dalam usaha untuk berkhidmat kepada rakyat dan memilih mereka supaya Parlimen Malaysia akan menjadi *the shining beacon of democracy is brightest and best*, dengan izin.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen sebagai lambang demokrasi telah diperkukuhkan dengan peletakan batu asas yang telah dilakukan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang ketiga, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1962. Ada di antara kita ini, tahun 1962 itu masih lagi belum dilahirkan, khususnya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan ini.

Akan tetapi, marilah bersama-sama kita merenung kembali, apakah yang telah berlaku pada ketika ini. Menurut S. F Owen selaku Pengarah Kerja Raya, Timbalan Pengarahnya juga ada di sini, mungkin tidak kenal pun S. F Owen, saya pun tidak berapa kenal siapa S. F Owen ini. Akan tetapi mengikut *research* atau penyelidikan yang telah dibuat, beliau adalah seorang Pengarah Kerja Raya pada masa itu. Pembinaan bangunan Parlimen inilah yang merupakan projek pembangunan yang terbesar dilaksanakan oleh kerajaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hasan Jamalullail, semasa meletakkan batu asas bangunan Parlimen ini pada 31 Ogos 1962 bertitah, bangunan ini adalah menjadi satu bukti yang nyata dan terang menunjukkan kepada dunia berapa kuat dan teguhnya rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Berpegang kepada demokrasi secara berparlimen dan adalah menjadi tanda menunjukkan kita adalah mengamalkan semulia-mulia adat Demokrasi Berparlimen dan akan sentiasa berbuat demikian itu. Itulah Titah Tuanku pada kita.

Manakala pada pembukaan bangunan Parlimen, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hasan pada 21 November 1963 panjang, pendek sahaja. Bangunan ini dibuat tidak sampai dua tahun pun, sekarang ini kontrak-kontrak lebih daripada dua tahun. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah perasmianya menegaskan, bukanlah keindahan bangunan ini menjadi ukuran, yang penting ialah peranan yang diperjuangkan oleh Parlimen sebagai sebuah bangunan yang menjadi bukti dan warisan akan pegangan demokrasi yang diamalkan dan dipertahankan di negara ini.

Perdana Menteri dalam ucapannya pula berkata, selagi bangunan Parlimen ini wujud, selama itulah demokrasi akan kekal di Malaysia. Menurut beliau bangunan Parlimen ini yang harus kita megah-megahkan, tetapi kebesaran bangunan ini terletak pada lambang demokrasi di tanah air kita atau monumen kepada demokrasi. Apa yang lebih penting di sini, kalau kita lihat ialah pengisian dan hujah-hujah serta pendapat-pendapat kita dalam Parlimen ini baik di dalam Dewan Negara mahupun di Dewan Rakyat, supaya ini boleh menjadi satu teladan, satu iktibar yang diambil sebagai satu pengajaran pada kita pada masa-masa akan datang.

Apa yang kita berucap pada hari ini sudah tentu akan dimaktubkan di dalam Hansard dan akan menjadi sejarah buat selama-lamanya. Pada 2 November 1963, Tuanku Abdul Rahman telah berkata, *"Our Parliament in Malaysia is young years, in fact only four years old but already in that short time, a process evolution and change has taken place; and the adaptability of the Parliamentary system is already proven from our own experience. Our Parliament was originally established to serve the needs of the Federation of Malaya, but today Parliament speaks and acts for the nation and the people of Malaysia."*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat menyedihkan hari ini ialah Dewan yang mulia ini janganlah dijadikan sebagai kedai kopi. Teguran bukanlah sesuatu yang ditujukan kepada keperibadian pemimpin, tetapi untuk mencari kebaikan. Teguran itu mewakili kepentingan rakyat dan bukannya mempunyai kepentingan politik ataupun matlamat lain. Ahli-ahli Parlimen bersuara atas kepentingan ramai, bukannya untuk mencari publisiti. Kalau kita lihat kebiadaban pembangkang merupakan satu penghinaan kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen hari ini sudah menjadi medan markas, medan sarkas bagi pihak pembangkang untuk menjadikan perkara yang tidak benar dan sama sekali tidak berasas kepada suatu yang dipercayai adalah benar oleh rakyat di luar sana, dengan bantuan pihak media, elektronik yang tidak bertanggungjawab. SOP ataupun *Standard Operation Procedure* pembangkang sejak setahun ini adalah untuk menggunakan medan demokrasi ini atau Parlimen kita sebagai tempat untuk mencari publisiti murahan. Di mana sekali gus menjadikan sistem demokrasi kita semakin tempang, semakin rosak dan menjijikkan serta membawa negara kita menuju ke arah kehancuran.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyedarkan pengkhianat-pengkhianat ataupun parasit-parasit ini, sebelum mereka menjerumuskan tanah air kita ini ke arah kehancuran. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya membawa sejenis peristiwa yang berlaku di Dewan Rakyat baru-baru ini. Apa yang berlaku pada tempoh hari adalah satu perbuatan yang tidak beretika dan bertanggungjawab oleh *so called* Yang Berhormat Puchong. Kita tidak boleh lagi bertolak ansur dengan sikap bidadar Yang Berhormat Puchong yang terus celopar mengeluarkan fitnah yang bertujuan pembunuhan karakter, dengan izin, *character assassination* seseorang individu. Sejak bermulanya sidang Parlimen Kedua belas, beliau telah digantung sebanyak tiga kali, dan malahan oleh ketiga-tiga Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Ini sudah pasti satu rekod baru dalam sejarah 50 tahun kita berparlimen. Ahli Parlimen Puchong dilarang memasuki Dewan Rakyat selama dua hari pada 30 Jun tahun 2008 kerana melanggar peraturan dan mencabar kewibawaan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Tan Sri Speaker memutuskan arahan yang ini mengikut Peraturan Mesyuarat 44, berikutan Yang Berhormat Puchong enggan mengikut arahan, tidak bertanyakan soalan yang ringkas dan berkaitan dengan sesi soal jawab.

Pada 25 November 2008 pula, Ahli Parlimen Puchong juga digantung selama dua hari dari menghadiri persidangan Dewan Rakyat kerana membantah keputusan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu Yang Berhormat Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar. Beliau menambah keputusan yang tidak merujuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Nazri Aziz ke Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Parlimen iaitu, mengeluarkan kata-kata kesat bahawa Wan Junaidi melindungi Yang Berhormat Nazri dengan perkataan "*bias*", "*Tuan Speaker bias, bukan sahaja sekarang*" kata beliau.

Manakala pada insiden terakhir Yang Berhormat Puchong, sebelum beliau digantung selama satu tahun, satu rekod baru. Beliau telah menghina seorang pemimpin yang dihormati, anak kepada bekas Perdana Menteri, Bapa Pembangunan Negara kita, manusia jenis apakah yang tidak kenal nilai-nilai murni, budaya kesopanan hingga sanggup mengaibkan seseorang di depan keluarganya. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dihina dengan kata-kata "kamu pembunuh" Walaupun sebagai seorang Ahli Parlimen, dan sebagai seorang Ahli Parlimen beliau tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah mengikut fasal 36(2) yang mengatakan tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah, merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang di bicara.

Ataupun menyentuh hak peribadi seseorang setelah beberapa kali ditegah daripada membangkitkan isu ini, beliau terus dengan cara tanpa menghormati teguran Timbalan Yang di-Pertua.

#### ■1510

Ketika itu Dato' Sri Mohd. Najib hendak bangun meninggalkan Dewan. Yang Berhormat Puchong terus memanggil Yang Berhormat Dato' Sri dengan menuduh beliau pembunuh. "*Saya belum habis dengan kamu. Tolong duduk.*" "*Ahli Parlimen Pekan, awak di sini, bangun dan jelaskan. Jawab soalan saya. Kamu pembunuh.*" Oleh yang demikian, saya memohon kepada Ahli-ahli Dewan Negara pada hari ini, merenung kembali, ini kah cara kita berparlimen, ini kah cara kita berhujah, ini kah cara kita bersopan, ini kah caranya yang diajar oleh ayahnya ataupun sesiapa yang telah mendidik Ahli Yang Berhormat Puchong ini ataupun masyarakat kita ini kah cara dan jalan yang dituju pada masa-masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, apa yang sangat jelas di sini ialah, satu-satunya niat beliau untuk memalukan pemimpin kita supaya menjadi berita sensasi di media tempatan ataupun antarabangsa. Apabila Timbalan Yang di-Pertua mengarahkan Ahli Parlimen Puchong itu keluar Dewan, Yang Berhormat Puchong kemudian bangun dan mengatakan kepada beliau, "*You should be ashamed of yourself*".

Tuan Yang di-Pertua, saya tertanya-tanya kepada diri saya sendiri, saya bercakap juga tentang ini. Ya, Allah ya Tuhanku, macam manakah orang seperti ini dapat dilahirkan di Malaysia? Apakah orang seperti ini perlu ada di Malaysia? Macam mana ianya boleh diberi penghormatan di dalam Dewan yang mulia supaya menggelar seseorang pembunuh tanpa ada apa-apa bukti, hanya berselindung di bawah kekebalan Parlimen. Saya percaya kekebalan Parlimen ada hadnya. Kekebalan seperti ini juga perlu diubahsuaikan supaya kekebalan ini yang menuduhkan perkara-perkara yang tidak berasas kali menjatuhkan maruah seseorang itu boleh diambil tindakan-tindakan mengikut landasan-landasan undang-undang di negara kita.

Saya mencadangkan kepada pihak Parlimen khususnya kepada kementerian bertanggungjawab supaya mengubah balik perkara-perkara yang tidak boleh, yang tidak boleh berkata boleh dikatakan dengan begitu sahaja sewenang-wenangnya berkata di dalam Parlimen ini yang begitu mulia terletak Parlimen ini tetapi kemudian ini boleh diruntuhkan dengan begitu sahaja tanpa mengambil kita perasaan-perasaan orang-orang tertentu.

Apatah lagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah Presiden Parti UMNO sekarang dan kita ahli-ahli UMNO memang sanjung tinggi kepada beliau yang akan menjadi Perdana Menteri dalam masa yang terdekat. Sila.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi dan saya pun turut sama-samalah ingin menyatakan rasa kesal kepada Ahli Parlimen Puchong yang baru-baru ini telah mempersoalkan tentang perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibangkitkan di dalam Dewan Negara. Kita sedia maklum bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih ataupun Ahli Dewan Negara yang telah dilantik mempunyai latar belakang dan kredibiliti untuk menunjuk satu contoh yang baik kepada rakyat. Akan tetapi ini telah jadi berlainan dengan apa yang terjadi di Dewan Rakyat dan ramai Tuan Yang di-Pertua memperkatakan apabila pembangkang mempunyai kerusi Parlimen di dalam Dewan Rakyat telah bertukar menjadi sebagai sarkas yang mana masing-masing bangun untuk memperkatakan sesuatu dengan sesuka hati di dalam Parlimen kerana ada kekebalan. Atas sebab itu mereka berani menyuarakan perkara-perkara yang tidak betul kerana tidak ada tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan sahabat saya supaya perkara ini harus dikaji semula, harus dilihat semula supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mahupun dipilih mahupun dilantik mematuhi etika di dalam Parlimen. Ini kerana kita menjadi pemimpin yang telah dipilih ataupun dilantik untuk menyuarakan suara rakyat bukan suara menghina, menipu, memfitnah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak boleh terima apabila Yang Berhormat Puchong mengatakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa, "Awak pembunuh!" Ini sesuatu perkara yang patut kita ambil tindakan yang kuat. Kita tidak boleh membiarkan mana-mana Ahli Parlimen menggunakan platform ini untuk menyatakan sesuatu secara fitnah kerana untuk kita, kita menyuarakan hasrat dan suara rakyat. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, tindakan yang diambil oleh Parlimen menggantung selama setahun Yang Berhormat Puchong, adakah patut? Saya rasa satu tahun itu tidak ada masalah. Sepatutnya kita buang orang-orang seperti ini yang merosakkan Parlimen negara kita kerana kita mempunyai negara demokrasi. Kita memilih rakyat, memilih wakil-wakil yang bertanggungjawab.

Bukan mereka yang datang, membuat fitnah menyatakan sesuatu yang tidak baik dan tidak betul kepada pemimpin kita. Ini kerana negara kita telah dilihat oleh dunia bahawa sebagai sebuah negara contoh tetapi akhir-akhir ini apabila pembangkang dapat banyak kerusi, mereka mengucar-ngacirkan Dewan Rakyat dan insya-Allah empat orang lagi hendak masuk ke Dewan Negara. Saya harap rakan-rakan di dalam Dewan Negara terus mempertahankan mereka yang ingin merosakkan Perlembagaan ataupun kedaulatan dalam Parlimen ini. Jadi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, saya hendak tanya, setimpal kah apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Puchong yang digantung setahun? Itu saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih, sebelum saya menjawab sedikit sebanyak ataupun memberi pandangan saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali kerana memberi saya ruang untuk bernafas sekejap. Saya berucap katanya 45 minit tanpa gangguan. Letih juga. Jadi apabila dicelahkan sedikit sebanyak memberi pernafasan yang baru, pemikiran yang baru. Melayu berkata, "bapa borek anak rintik." Pepatah Melayu juga berkata sebelah saya ini Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dia biasa menggunakan pepatah seperti ini. Pepatah juga mengatakan bahawa, "kalau ayah kencing berdiri, anak kencing berlari." Jadi kedua-dua Ahli Parlimen ini yang Puchong dan Yang Berhormat Bukit Gelugor, dua-dua ini telah menunjukkan satu benda yang berlaku di Parlimen tidak begitu beretika. Kedua-duanya pengamal undang-undang, kedua-duanya mengatakan bahawa mereka pandai undang-undang.

Akan tetapi di atas kepandaian mereka ini, telah menunjukkan satu sifat durjana. Satu sifat yang tidak langsung boleh diterima oleh rakyat Malaysia. Satu sifat yang tidak ada dalam buku, dalam kamus orang-orang yang beriman, bukan sahaja beriman kepada Islam, tetapi beriman kepada agama mana sekalipun. Tidak ada dalam buku kitab-kitab Injil kah, kitab apa kah yang menunjukkan inilah ajaran-ajaran.

Sebab itu saya bertanya kepada diri saya sendiri, kepada Allah SWT, "Ya, Allah ya Tuhanku, macam mana boleh dilahirkan orang-orang seperti ini di Malaysia. Kalau perlu ianya dibuang dari negara ini, buanglah demi kebaikan anak cucu kita masa akan datang. Kita tidak mahu orang seperti ini berselindung di bawah Parlimen ini merosakkan pemikiran-pemikiran yang boleh mengatakan apa sahaja berselindung di bawah kekebalan Parlimen"

Saya amat berterima kasih di atas hujah serta pandangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali yang begitu yakin bahawa ianya akan dibuat dan digubal ataupun peraturan yang lebih ketat lagi supaya perkataan-perkataan menghina seseorang itu tidak dapat digunakan di dalam Parlimen ini.

#### ■1520

Kita duduk dalam Parlimen ini yang begitu mulia, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong kita juga perlu mengamalkan dan mengekalkan keagungan pelantikan kita itu. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan apakah jenis manusia yang akan memalukan seseorang di hadapan isteri dan anak beliau. Saya juga amat bersetuju dengan kenyataan Datin Sri Rosmah Mansor yang menyifatkan bahawa dakwaan Yang Berhormat Puchong itu sebagai kenyataan yang menjengkelkan daripada orang yang menjelikkan.

Saya ingin memberi amaran di sini jangan sekali-kali menggunakan Parlimen yang mulia ini demi kepentingan agenda kotor mereka dan kemudian bersembunyi di sebalik imuniti Parlimen. Kebebasan bersuara tidak boleh dijadikan alasan untuk merosakkan reputasi dan harga diri seseorang Ahli Parlimen.

Ini merupakan tindakan pembunuhan karakter seseorang individu walaupun kebebasan bersuara sememangnya adalah hak asasi tetapi ia bukan sesuatu yang mutlak atau boleh dilakukan tanpa kawalan. Dengan ini saya ingin menyeru kepada rakan-rakan saya untuk merenung kata-kata Yang Amat Berhormat Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Orang PAS apabila kita panggil kata Nik Aziz bangun selalu daripada tidur, daripada lena. Apabila sebut Nik Aziz dongak sedikit nampaknya.

Kata-kata dia iaitu tugas utama anggota Parlimen ialah menyelesaikan masalah rakyat. Namun, amat malang sekali apabila ada anggota Parlimen yang mempamerkan gelagat biadab dan tidak profesional sekali, tidak bertepatan dengan kedudukan yang baik. Sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dan sebagai Senator yang dilantik untuk berkhidmat kepada rakyat, kita harus memiliki komitmen yang kuat yang mendahulukan kepentingan rakyat. Moto hidup kita haruslah *putting people first* dengan izin, kemakmuran dan kemajuan pesat dicapai Malaysia kini walaupun tidak ramai yang memberi harapan kepada negara pada awal kemerdekaan 50 tahun lalu adalah testimoni kejayaan rakyat khususnya kebijaksanaan pemimpin, daya tahan rakyat. Disokong bersama oleh semua lapisan masyarakat di bawah Program Pembentukan Satu Nasionalisme Malaysia Jaya.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Parlimen untuk mendisiplinkan diri ketika mereka mengikuti sidang Dewan Rakyat dengan mematuhi segala peraturan Dewan yang mulia tanpa soal jawab. Demi dalam usaha kita menjadikan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini sebagai sebuah Parlimen yang bertaraf dunia dan disegani oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak selain daripada titah ucapan, izinkan juga saya menyentuh beberapa kementerian-kementerian yang ada dalam Dewan ini untuk menyentuh sedikit sebanyak khususnya kepada Kementerian Kewangan iaitu berkait sama. Sebagai orang Terengganu saya diberi amanah untuk bertanya sedikit sebanyak hal orang Terengganu iaitu berkait dengan bayaran balik dana khas kepada Menteri Besar Terengganu.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat telah pun bersetuju untuk memulangkan balik dana khas ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kita ingin tahu bilakah agaknya boleh diselesaikan sebab rakyat di negeri Terengganu sedang menunggu dengan begitu terharu bilakah sebenarnya ia boleh dipercepatkan dan dapat juga kita belanja mengikut cara susunan atur cara.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu telah menjadikan satu agenda iaitu pembangunan itu dapat merakyatkan pembangunan dengan cara-cara kutipan atau dengan pemberian-pemberian dana khas. Ini supaya dapat ianya dijalankan dengan lebih teratur dan tersusun apabila wang ini dapat dikembalikan.

Keduanya ialah dari segi LPT II iaitu Lebuhraya Pantai Timur Kedua daripada Kuantan ke Kuala Terengganu. Kita ingin tahu juga jumlah sebenarnya yang telah dibelanjakan dalam perbelanjaan ini. Difahami bahawa perbelanjaan ini digunakan di bawah peruntukan dana khas dan cara manakah serta berapakah kos yang sebenarnya dijalankan untuk membina LPT II in? Cara manakah ianya akan digunakan nanti?

Nampaknya Timbalan Menteri Kerja raya senyum untuk menjawab nanti dalam penggulungan tetapi kita mahu tahu cara manakah ia akan digunakan. Adakah tol yang akan dikenakan, kalau tol dikenakan cara mana, siapa yang akan mengendalikan tol-tol ini? Jumlah kewangan yang dibelanjakan adakah akan dipulangkan balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu supaya ia menjadi satu perkara yang betul-betul dapat dinikmati oleh seluruh rakyat yang akan menggunakan jalan-jalan ini.

Ketiga, ekonomi dunia yang tidak menentu ini dan sistem kewangan yang ada sekarang. Kita melihat apa yang ada dalam sistem ini akan diguna pakai oleh pihak kerajaan dalam menangani ekonomi ini. Cara manakah sistem yang ada dunia ini tidak menunjukkan ia akan memberi satu penyelesaian kepada ekonomi dunia? Adakah Malaysia mempunyai sistem ekonomi yang betul-betul tersendiri untuk lari daripada masalah ekonomi yang kita hadapi ini?

Malaysia sebagaimana yang saya katakan tadi turut terjejas dalam ekonomi ini dan sudah tentu akan menghadapi masalah yang sama. Kita mahu tahu berapa banyak manakah penutupan syarikat-syarikat yang terlibat ataupun terjejas di dalam kemuncup ekonomi yang ada sekarang ini di Malaysia? Banyak manakah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan?

Seperti yang telah kita cadangkan tadi supaya latihan-latihan yang tertentu dapat diberikan pada mereka ini. Cara manakah ia dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera, dalam jangka masa yang pendek mahupun jangka masa yang panjang. Kalau kita lihat kita juga telah mengalami beberapa kemelesetan ekonomi iaitu pada tahun 1984, 1988 dan sekarang ini pada tahun 2009.

Kita melihat pada tahun 1984 kerajaan telah menubuhkan satu dana yang dipanggil TPU iaitu Tabung Pemulihan Usahawan. Adakah kerajaan perlu atau pun kerajaan bercadang untuk menubuhkan semula TPU-TPU ini? Ini supaya mereka yang berpengalaman tidak langsung tenggelam dibawa arus oleh kerana ekonomi dunia ini telah menikam kepada diri dia sendiri.

Saya masih lagi ingat perkataan Presiden de Gaulle yang menyatakan *you cannot buy experience*, dengan izin. Pengalaman yang ada kepada usahawan-usahawan ini tidak boleh dijual beli. Ia mesti melalui peredaran zaman, mesti melalui peredaran masa. Oleh yang demikian, pengalaman yang ada pada mereka ini mungkin disebabkan oleh ketidaksalahan mereka, mungkin disebabkan oleh apa-apa yang tidak di luar kawalan dan dugaan mereka terjerumus juga di bawah akibat kemelesetan ekonomi. Jadi saya memohon kepada kerajaan supaya mewujudkan semula TPU ini supaya mereka boleh berkecimpung kembali di dalam arus pembangunan ekonomi negara kita ini.

Kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi satu perkara yang menjadi dilema sekarang ini ialah pendaftaran kontraktor Kelas F. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah mengisytiharkan stimulus pakej RM7 bilion. Keduanya, stimulus pakej berjumlah RM60 bilion dan ketiga di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini pada tahun hadapan satu lagi stimulus pakej berjumlah RM200 bilion akan juga dilaksanakan. Disebutkan bahawa akan banyak stimulus pakej ini belanja di bawah kontraktor-kontraktor Kelas 'F'.

## ■ 1530

Ada dua aspek yang ingin saya tanya di sini. Pertama sekali walaupun kontraktor Kelas 'F' ini mempunyai 32 ribu orang jumlah ahlinya tetapi ada lagi lebih kurang 30 ribu orang kontraktor-kontraktor daripada Kelas 'A' sehingga kepada 'E'. Saya menyeru kepada kerajaan dan kementerian bertanggungjawab supaya melihat juga kepada kontraktor-kontraktor kelas lain. Apa yang ingin saya mengatakan di sini juga ialah berkait dengan pendaftaran kontraktor Kelas 'F' yang dikendalikan oleh CIDB dan juga yang lebih penting sekarang ini, pengiktirafan bumiputera di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu dibekukan semenjak lima tahun yang lepas kontraktor Kelas 'F'.

Baiknya pembekuan ini tidak menimbulkan lagi jumlah kontraktor daripada 38 ribu turun kepada 31 ribu sekarang ini yang mana matlamatnya ialah kepada 18 ribu tetapi dari satu aspek yang lain. Dengar rungutan-rungutan yang kerajaan telah memohon, meminta kepada graduan-graduan supaya menceburkan diri mereka di dalam bidang perniagaan. Maka apabila salah satu daripada bidang perniagaan yang ingin diceburi ialah menjadi seorang kontraktor.

Mungkin dari segi kontraktor ini bermula daripada kontraktor Kelas 'F'. Tidak semestinya graduan tetapi orang-orang yang mempunyai diploma atau SPM yang ingin menceburkan dirinya selepas pergi kursus CIDB dia ingin memohon lesen Kelas 'F'. Akan tetapi pembekuan ini selama lima tahun ada kalanya merugikan mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang ini. Oleh yang demikian saya mencadangkan kepada kerajaan supaya membuka semula kaunter lesen Kelas 'F' ini tetapi dengan syarat untuk memperketat lagi syarat-syarat mereka supaya mereka betul-betul akan melahirkan seorang kontraktor yang tulen.

Di bawah kementerian yang sama, ingin juga saya mengatakan tentang sistem teksi. Kerap kali kalau kita baca dalam surat khabar, kerap kali kalau kita baca dalam aduan *internet*, melihat satu fenomena iaitu rungutan rakyat dan pengguna-pengguna teksi khususnya di Bandar Sunway, dekat Sunway ataupun dekat Subang Jaya, untuk menggunakan sistem ini, ada sistem meter tetapi dia tidak menggunakan sistem meter itu.

Saya sendiri berpengalaman. Daripada Sunway kalau mahu pergi ke *airport* kena bayar RM60. Hendak ambil, tidak hendak sudah. Sekali lagi saya katakan, pengalaman saya juga, daripada Sunway hendak pergi ke Subang, katakan mahu naik *Firefly*, RM25 atau RM30. *Take it or leave it* tanpa resit. Ini menunjukkan bahawa mereka ini juga menggunakan kekerasan atau tindakan supaya kita membayar mengikut keadaan-keadaan tertentu. Apalah gunanya ada sistem meter tetapi tidak guna meter ini. Saya jangka di Pulau Pinang juga ini berlaku, dari *airport* ke bandar, bandar Pulau Pinang juga berlaku tidak guna sistem meter dan sebagainya. Ataupun daripada bandar ke *airport* Pulau Pinang juga berlaku perkara-perkara ini.

Ini saya alami sendiri dan rungutan-rungutan ini sering berlaku dan berkumandang di akhbar-akhbar dan sebagainya tetapi yang kita lihat, penguatkuasaan serta tindakan yang diambil oleh kementerian ini amat lemah sekali. Saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memberi satu tindakan yang tegas kepada pengusaha-pengusaha teksi ini supaya mereka ini juga dapat diambil tindakan supaya mengikut apa yang telah dirancang dan dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pengangkutan pula kita melihat bahawa dahulunya apabila harga minyak naik, kita lihat kebanyakan tiket tambang MAS, tambang AirAsia dan sebagainya naik dan juga mana-mana pesawat menaikkan harganya mengikut keadaan kenaikan harga minyak. Akan tetapi sekarang kita melihat harga minyak turun dari dahulu lagi. Dahulunya RM1.92, sekarang ini telah turun kepada RM1.80 tetapi harga-harga tiket, harga-harga untuk menaiki kapal terbang ini masih lagi tidak turun.

Kita ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan mengapakah ini boleh berlaku? Kalau asas kenaikan dahulunya disebabkan kenaikan minyak tetapi sekarang ini harga minyak telah turun, masih lagi tidak diturunkan harga-harga ini. Di dalam kegawatan ekonomi ini banyak peniaga terpaksa berulang-alik di antara ibu-ibu negeri mereka ke Kuala Lumpur, terpaksa membayar harga-harga kos yang tinggi.

Saya memohon kepada kerajaan supaya melihat dengan lebih teliti lagi mengapa perkara ini tidak boleh dilaksanakan untuk menurunkan harga-harga ini yang sedikit sebanyak menolong kos-kos pentadbiran kepada peniaga-peniaga ini.

Saya juga ingin bertanya dan difahamkan bahawa kebanyakan baik MAS, *AirAsia* masih lagi tidak membayar kepada kerajaan, *airport tax* yang telah dikumpulkan berpuluh-puluh juta yang masih lagi tidak dibayar. Adakah ini betul atau tidak, masih lagi tertanyanya. Akan tetapi di dalam *blog-blog* ada mengatakan, di dalam akhbar-akhbar juga ada mengatakan bahawa pengusaha-pengusaha ini masih lagi berhutang dengan begitu banyak kepada kerajaan. Keadaan-keadaan seperti ini kita mengharapkan kerajaan mengambil tindakan supaya mereka ini tidak lagi membayar hutang-hutang ini dan terus membayar kepada kerajaan agar ianya boleh digunakan dengan lebih saksama dan lebih menguntungkan pada masa-masa yang akan datang.

Kepada Kementerian Pelajaran pula kita melihat sebagaimana yang saya katakan tadi, satu perkara yang besar sekarang ini yang berkaitan dengan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang mana telah dijawab oleh Menteri tadi, enam tahun yang lepas telah pun diluluskan. Akan tetapi sekarang ini berbunyi kembali balik kepada bahasa kebangsaan dan sebagainya.

Saya takut apabila berlaku sesuatu pertukaran pemimpin di kementerian itu maka berlakulah perubahan dasar-dasar ini. Apa yang menjadi masalah, yang menjadi mangsa kepada hal ini adalah murid-murid sekolah. Mereka tidak tahu satu ketika dahulu kita mengalami satu generasi, dua tiga empat lima enam generasi yang langsung tidak boleh membaca bahasa Jawi dan sekarang ini Jawi hampir pupus dan bangkit balik semula dengan keadaan khabar kepada akhbar Jawi sudah mula pupus akibat daripada dasar-dasar kerajaan.

Inilah yang saya katakan supaya dasar kerajaan di dalam hal-hal pendidikan amat penting sekali. Ianya tidak boleh bertukar sewenang-wenangnya. Hari ini kita tukar, lima tahun yang akan datang kita tukar. Hari ini kita tukar esok kita tukar sebab akibat sesuatu pertukaran khususnya pertukaran dasar pelajaran ini hanya dapat diketahui satu generasi. 25 tahun akan datang hanya dapat kita mengetahui akibat-akibatnya. Oleh yang demikian kita mengharapkan supaya Kementerian Pelajaran ini lebih bertegas dan yakin kepada apa yang diambil tindakan itu dan teruskan sahaja. Jangan setiap kali ada peruntukan yang hendak bertukar di atas desakan-desakan ini kita hendak menukarkan dasar-dasar yang telah kita persetujui.

Kepada Kementerian Dalam Negeri pula telah timbul baru-baru ini sebanyak 70 ribu pekerja-pekerja asing yang akan diambil untuk berhijrah ke bandar. Kita ingin bertanya mengapakah jumlah sebegini banyak dapat diluluskan dengan sewenang-wenangnya sehingga 70 ribu. Kita ingin bertanya juga berapakah jumlah sebenarnya pekerja-pekerja asing di dalam negara kita ini.

#### ■1540

Adakah kita betul-betul perlu kepada pekerja-pekerja asing ini. Saya percaya negara kita ini tidak boleh lari daripada khidmat yang diperlukan daripada pekerja-pekerja asing ini di dalam beberapa sektor terutama sekali sektor perladangan dan sektor pembinaan. Akan tetapi kalau kita lihat dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri iaitu berkait dengan sekuriti di kondominium-kondominium terutama sekali di Lembah Klang ini yang mana kalau tidak silap saya, jumlah sekuriti-sekuriti daripada Nepal ini berjumlah hampir-hampir 300,000 orang. Difahamkan juga bahawa mereka ini ada *training* berasaskan persenjataan. Di Nepal ini menjadi satu perkara yang menjadi asas kepada mereka, mesti ada *training* di dalam hal-hal senjata. Adakah ini jikalau berlaku apa-apa rusuhan, ini akan menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara kita ini.

Jadi kita juga ingin bertanya Kementerian Dalam Negeri, satu dasar yang telah digubal begitu baik iaitu satu pekerja asing, satu pekerjaan tempatan. Adakah ini boleh dilaksanakan, adakah ini mesti dilaksanakan?

Jikalau ini dilaksanakan, bilakah ianya akan dilaksanakan, dan mengapa rakyat kita sendiri tidak mahu bekerja di dalam negara kita sendiri, di manakah kelemahan-kelemahannya, dan di manakah sebabnya? Adakah gaji rendah ataupun kerana kita mempunyai pekerja malas, ataupun kita kena lihat dari segi sistem latihan kita, sistem pembelajaran kita betul-betul efektif kepada kehendak dunia di dalam pihak swasta? Oleh yang demikian, terdapat juga sistem ini akan melemahkan kita kalau kita tidak sendiri menggunakan pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat juga bahawa kes-kes memperkosa ataupun dengan lebih keras lagi, rogol yang sering berlaku dan dilaporkan di dalam akhbar-akhbar ini terutama sekali dalam Lembah Klang ini sehingga begitu banyak sekali, hingga menakutkan gadis-gadis untuk berjalan siang dan malam dengan lebih selamat lagi. Kita berharap supaya pengawal yang lebih tepat lagi ianya dapat diberi kepada keselamatan kepada penduduk-penduduk Malaysia ini agar tempat kita ini menjadi lebih selamat dan boleh keluar bila-bila masa tanpa rasa takut dan sebagainya.

Kita juga mendapat banyak pendatang-pendatang terutama sekali daripada benua Afrika yang berkeliaran di tempat-tempat ibu kota yang pada anggapan umum betul ataupun tidak saya tidak tahu. Pada pendapat umum bahawa mereka ini banyak mengedarkan dadah ataupun berurusan dengan wang-wang palsu, *counterfeit* ataupun wang hitam ini. Jadi, kita memohon kepada Kementerian Dalam Negeri dengan lebih keras lagi supaya mereka ini diambil tindakan dan kita tidak mahu mereka ini berkeliaran di ibu kota dan dengan benda-benda yang tidak diingini.

Kepada Kementerian Kerja Raya pula, dua dasar yang telah dibuat oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini iaitu satunya, dasar berkait dengan kontrak yang mendapat 10 juta ke atas akan diberi kepada kontraktor Kelas 'F'. 10% nilai projeknya kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F'. Dalam usaha Yang Berhormat Menteri untuk memperlihatkan kesinambungan kerja kepada kontraktor Kelas 'F' ini amatlah bagus. Kontrak Kelas 'F' ini biasanya mendapat pulangan keuntungan di dalam 15% ke 20%. Kerjanya bernilai di antara 5,000, 10,000 kepada 50,000 ataupun 100,000. Kalaupun 100,000 mungkin keuntungannya antara 10% ke 15%. Kalau kecil 10,000 mungkin keuntungannya sampai 30%, RM3,000. Jadi ini menunjukkan bahawa satu pendekatan yang dibawa oleh pihak kementerian begitu baik sekali. Namun demikian, apabila dikenakan syarat kepada kontraktor yang mendapat sepuluh juta ke atas terpaksa memberi 10% kepada kontraktor kelas 'F' yang mana kontraktor Kelas 'A' ini hanya keuntungan mereka di antara 7% ke 10%. Jadi apabila diarahkan beri kepada kontraktor Kelas 'F' maka sudah tentu kontraktor Kelas 'F' tidak dapat melaksanakan kerja-kerja ini dan ini menyebabkan banyak masalah kepada *progress* dengan izin, kemajuan kerja ini tergendala.

Apabila tergendala, maka jalan yang lebih senang dibuat ialah untuk membayar kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F' ini sahaja tanpa membuat kerja. Matlamatnya sudah bertukar daripada memberi latihan, daripada memberi kerja, kepada hanya memberi duit dan cara ini sudah tentu tidak menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan dengan lebih teliti lagi memperlihatkan bahawa perkara ini walaupun baik, perlu dikaji dengan lebih mendalam dan dihalusi dengan lebih terperinci supaya kedua-duanya mendapat manfaat daripada dasar yang telah dibuat. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Senator kerana telah pun membincangkan soal kontraktor yang dikatakan Kelas 'F' ada lebih daripada 30,000 di seluruh Malaysia. Dari segi pendidikan kepada semua kontraktor-kontraktor Kelas 'F' mahupun kelas-kelas lain yang melibatkan bumiputera, kenapakah di tahap ekonomi sekarang seperti ini kita masih lagi mengenakan bayaran untuk mereka ini mendapat peningkatan kelas kerana saya difahamkan untuk setiap sijil ataupun penambahan *skill* yang diperlukan mereka terpaksa membayar lebih kurang kos untuk kursus RM300 hingga RM400 bagi satu kursus.

Jadi adakah ada cadangan di pihak Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan agar kursus-kursus seperti ini diberikan secara percuma dan memastikan dalam masa keadaan ekonomi merosot seperti ini mereka ini akan mendapat lebih kemahiran dan pendidikan pun akan dapat secara standard kerana dikendalikan oleh satu badan yang benar-benar bertauliah. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Mumtaz. Saya tahu benda ini ada baik, ada buruknya. Setahu saya CIDB iaitu satu badan yang telah dibentuk oleh kerajaan yang membicarakan tentang hal-hal pembangunan kontraktor ini sedang membuat kursus dan telah diarah oleh kerajaan dalam bajetnya pada tahun ini untuk melatih tidak kurang daripada 100,000 orang kontraktor. Salah satu agendanya ialah untuk melatih kontraktor-kontraktor yang sedia ada dan memperbesarkan lagi khidmat mereka, pengetahuan mereka. Berkait soal pembayaran ini mungkin kerana makan dan minum.

Sesungguhnya, setahu saya sesuatu kursus itu tidak kurang daripada RM1,200 kosnya yang terpaksa dibayar 40% dibayar oleh peserta, 60% dibiayai oleh CIDB. Itu kena tanya kementerian yang berkenaan nanti untuk menjawab. Ini secara sepintas lalu yang saya tahu. Akan tetapi saya percaya dan yakin bersama-sama Yang Berhormat supaya kalau boleh dipercumakan kursus-kursus ini di dalam keadaan ekonomi yang susah ini, mereka ini perlu mempertingkatkan keilmuan mereka, menambah dan bersedia untuk menghadapi masa gemilang nanti iaitu lebih bersedia untuk meneruskan kehidupan dalam industri mereka ini. Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Musa hendak tanya?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Siapa dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak beri laluan kepada siapa dulu?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Dato' Musa.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Duduk dekat ya?

#### ■1550

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi kita mendengar penjelasan Yang Berhormat tentang dua tiga perkara tentang dasar Kementerian Kerja Raya. Kita lihat dasar Kementerian Kerja Raya ini kadang-kadang dia buat atas *ad hoc*, tidak ada satu peraturan yang dilakukan. Kita lihat tadi macam kontraktor-kontraktor yang dapat contoh RM10 juta hendaklah diberi kepada kontraktor Kelas 'F'. Sepatutnya kajian dibuat dulu adakah munasabah diberi kontrak ini untuk membantu kontraktor Kelas 'F'. Kalau dia ada RM10 juta, dia nak bantu kontraktor Kelas 'F' di mana tadi yang mana Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa keuntungan hanya antara 7% hingga 10%. Sudah tentulah tidak munasabah untuk membantu kontraktor Kelas 'F'.

Baru-baru ini juga kita lihat iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan bahawa kadar tol akan dikurangkan, semasa Menteri mengambil alih kementerian. Ini adalah satu perkara yang baik tetapi tidak sampai pun sebulan diumumkan bahawa semasa ada festival seperti Hari Raya Puasa kah, Hari Raya Haji kah festival seterusnya, bahawa peruntukan atau diskaun akan diberi kepada pengguna-pengguna. Selepas itu tidak sampai saya ingat beberapa bulan kenaikan tol diumumkan semula. Akan tetapi yang menghairankan saya Yang Berhormat Menteri buat keputusan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak setuju, jadi apakah Menteri sebelum membuat keputusan tidak di bincang dalam Kabinet dahulu. Nampaknya tidak selari, jadi saya minta Kementerian Kerja Raya, kementerian mana pun, sebelum membuat keputusan dibuat jangan menyulitkan rakyat, meragukan rakyat kerana membebankan rakyat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Saya mengatakan tadi bahawa berkaitan dengan kenaikan 10% tadi memanglah satu daya usaha yang begitu murni dalam menolong tetapi apabila ia menolong ianya memudaratkan pula kepada kontraktor induk, maka sudah tentunya kedua-duanya mengalami kerugian.

Jadi cadangan kita supaya 10% ini dijadikan satu jumlah di dalam kontrak itu dihaskan kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F'. Janganlah hendaknya pada tender yang asal digunakan dengan itu supaya diberi kepada kontraktor Kelas 'F' tanpa mengambil kira keuntungan-keuntungan kontraktor induk.

Yang dikatakan tol tadi, saya pun bersependapat dengan Yang Berhormat. Dahulunya PLUS mungkin telah berbelanja begitu banyak tetapi pada ketika itu jumlah kereta tidaklah begitu banyak. Sekarang ini jumlah kereta bolehlah dikatakan, kalau kita ambil Lebu Raya PLUS tidak sampai lebih daripada tiap-tiap lima saat, kita jumpa satu kereta yang berada di depan kita ataupun di belakang kita. Kalau kita bandingkan dahulunya, mungkin ia akan mengambil masa dalam 10 saat, 30 saat ataupun 90 saat baru kita jumpa. Sekarang tidak nampak lima saat pun ataupun tiap-tiap lima saat ada satu di depan, ada satu di belakang. Ini bermakna jumlah kenderaan di lebu raya ini telah bertambah dengan begitu banyak.

Maka bila ia bertambah, sudah tentu hasil daripada ini, wang banyak. Tadi Menteri ada menjawab, ses dikenakan kepada pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan minyak kelapa sawit. Kenapa ses tidak digunakan kepada PLUS ataupun pengusaha-pengusaha lebu raya? Atau pun kenapa ses tidak digunakan kepada pengusaha-pengusaha lain seperti baru-baru tahun lepas kita lihat bahawa pembuat-pembuat besi naik harga sampai RM4 ribu lebih, kenapa tidak dikenakan ses ataupun kepada yang membekalkan elektrik kepada kerajaan yang telah untung begitu banyak tetapi tidak dikenakan ses. Inilah yang menjadi tanda soal kepada rakyat-rakyat kepada kementerian yang berkenaan supaya ambillah sedikit sebanyak kepada Kementerian Komunikasi dan Air tadi ambillah ses kepada tenaga ataupun kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, kenapakah ses tidak dikenakan kepada pembuat-pembuat besi. Kepada Kementerian Kerja raya, kenapa ses tidak dikenakan kepada PLUS dan pengusaha-pengusaha yang mengambil tol-tol ini dan sebagainya.

Jadi di sinilah kita melihat bahawa keseimbangan serta kesaksamaan kepada industri-industri yang lain dapat dilihat dengan lebih baik, lebih telus dan lebih *transparent* supaya kerajaan betul-betul melaksanakan dasar yang saksama pada semuanya. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan soalan yang di timbul oleh Yang Berhormat dalam membawa usul ini berkisah di sekitar prinsip pengurusan. Apabila Pak Lah mengambil alih teraju kerajaan lima tahun yang lalu, pernah disebut *how do we manage success* dengan jayanya, dengan izin.

Jadi prinsip pengurusan jugalah yang hari ini banyak dibangkitkan di dalam usul ini. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat, untuk mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah sistem pengurusan kita ini berkesan? Kita mempunyai baru di bentang di Dewan Rakyat sebanyak RM60 bilion peruntukan, begitu besar. Cuma yang menjadi persoalannya, bagaimana berkesannya kita dapat melaksanakan pelaksanaan projek-projek serta rangsangan ini dengan jayanya. Inilah persoalan pokok yang dibangkitkan.

Satu persoalan yang dikemukakan ialah aspek *delivery system*. Apabila Pak Lah mengambil alih pemerintahan negara sebagai Perdana Menteri, aspek ini telah ditekankan dengan suara-suara kebanyakannya Ahli-ahli Parlimen membangkitkan soalan berkenaan dengan isu-isu *delivery system*. Jadi pada pandangan Yang Berhormat setakat ini, sejauh ini berapakah *percentage* keyakinan Yang Berhormat bahawa kita akan dapat menepati sasaran umpamanya pakej rangsangan RM60 bilion ini? Setakat manakah keyakinan Yang Berhormat bahawa rangsangan-rangsangan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kita ambil contoh umpamanya kenapa kerajaan bertindak begitu tidak ada kajian semula. Umpamanya seperti Yang Berhormat sebut tadi kontraktor Kelas 'F', sudah lima tahun beku, ada kontraktor Kelas 'F' yang lima tahun dulu wujud tapi sekarang mungkin tidak wujud. Ada yang tutup kedai atau orang meninggal.

Apakah satu sistem tidak boleh diadakan untuk menilai semula kemampuan kontraktor Kelas 'F' ini serta memberi ruang kepada orang-orang muda, siswazah-siswazah dan penganggur-penganggur yang telah diberhentikan kerja di kilang-kilang diberi ruang untuk menampung angka-angka ini yang tidak di *update* kan untuk mencukupi jika sekiranya kita mempunyai siling, berapa jumlah kontraktor kelas 'F' yang perlu ada? Jadi kelambatan kita mengambil tindakan bermakna kita tidak cekap dalam pengurusan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Begitu juga soal-soal PPSMI, laungan daripada tahun 2002 hingga ke hari ini masalah itu masih menjadi masalah. Kenapa kita tidak bertindak? Kalau sekiranya dulu kita buat silap.

#### ■1600

Kenapa tidak boleh kita perbetulkan pada hari ini, hendak tunggu bila? Yang menjadi mangsa dalam keadaan ini adalah anak-anak yang belajar di luar bandar, oleh kerana di persekitaran mereka tidak ada orang bercakap bahasa Inggeris, kita tengok keputusan UPSR baru-baru ini di Perlis umpamanya. Kecemerlangan anak-anak luar bandar merosot dengan begitu besar sekali, adakah kita masih nak mempertahankan apa yang ada pada hari ini dan yang menjadi mangsanya anak-anak kita di luar bandar. Itu buat setakat ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat, yang mana saya nak sentuh, kontraktor Kelas 'F' ini sebenarnya yang diperlukan oleh negara kita lebih kurang dalam lapan belas ribu sahaja, mengikut pandangan saya. *Ratio*, nisbah kontraktor dengan rakyat Malaysia ini perlu diambil kira, sekarang ini nisbah satu orang kontraktor menampung lebih kurang empat ratus lima puluh orang rakyat. Kalau kita bandingkan di Jepun satu orang kontraktor nisbahnya menampung lima ribu orang, itu nisbah yang ada, jadi oleh yang demikian maka...

[Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Silakan...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maka apabila nisbah ini begitu kecil jumlah penduduk dengan satu orang kontraktor, maka sudah tentu untuk memberi satu orang satu kontraktor satu kerja tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Kerajaan mana pun Barisan Nasional atau apa pun tidak boleh, jadi hendak tak hendak kita kena kurangkan. Akan tetapi di dalam kita mengurangkan lima tahun yang saya katakan beku tadi kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F' ada juga yang merintih, yang merana dari segi kehendak mereka ini, mengapa kerajaan membekukan kehendak mereka untuk menjadi seorang kontraktor.

Jadi itulah yang saya katakan tadi dilema kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ialah cara mana hendak mengimbangi di antara yang berminat dengan yang tidak berminat, yang ada sekarang ini. Saya serah kebijaksanaan kepada Menteri yang berkenaan untuk menyelesaikannya. Seterusnya izinkan saya sentuh sekali lagi, pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat tadi *insya-Allah* akan dikumpulkan oleh pencatat-pencatat kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan yang bijaksanakan untuk diserahkan kepada Menteri mereka untuk menggulung dalam hujah-hujah yang akan diberikan nanti.

Seterusnya kepada Kementerian Kerja Raya, yang kedua adalah berkaitan dengan IBS iaitu *Industrialized Building System*. Salah satu syarat pula yang telah dikenakan ialah kerja-kerja ini mestilah tidak kurang daripada 70% akan dilaksanakan mengikut *system* IBS. Matlamatnya bagus, di dalam kita mengurangkan pekerja-pekerja asing, di dalam kita memberi pekerja menggunakan IBS ini kita akan dapat dengan lebih cepat kerja-kerja, lebih teratur dan dengan lebih kemas pemberian-pemberian hasil daripada IBS. Hanya apabila kita mengatakan IBS ini, cara pelaksanaannya dan cara pendekatannya juga perlu dikaji.

Jika 70% dikendalikan, maka sudah tentu ia akan menemui kegagalan buat ketika ini oleh kerana ada dua perkara. Pertama, jumlah IBS ini masih lagi tidak mencukupi kepada 70%.

Kedua, dari segi pengendalian untuk meningkatkan ataupun pelaksanaannya masih lagi kurang dan tidak mencukupi untuk melaksanakan IBS. Maka dengan itu saya memohon kepada Kementerian supaya melonggarkan 70% ini biar ia pergi tahun ke tahun supaya kita boleh mengikuti perkembangan-perkembangan kemajuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah supaya IBS ini diperlahankan sedikit agar ianya tidak dimonopoli oleh beberapa orang sahaja pengeluar-pengeluar ini. Sebab jumlah *capital investment*, CAPEX ini begitu besar sekali di dalam kita mengeluarkan sesuatu IBS. CAPEX mesti berbelanja berpuluh-puluh *million* ringgit untuk menghasilkan sesebuah IBS ini, jadi *economy of scale*, dengan izin, juga perlu dikaji oleh kerana mereka ini akan memperlihatkan bahawa kerja-kerja seperti ini akan tergendala jikalau tidak ada cara-cara untuk melaksana dan memasang sistem IBS ini.

Di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan ialah kita melihat kebanyakannya juga diberikan kepada kontraktor Kelas 'F' dan Kelas 'A' dan sebagainya. Apa yang lebih penting seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat tadi, iaitu cara mana yang boleh kita laksanakan dengan lebih teratur. *Managing success* lebih susah daripada mengejar *success*, jadi untuk keberkesanan rangsangan stimulus pakej ini ialah dari segi agensinya dengan izin, cepatkan perbelanjaan ini, dan *efficiency* perbelanjaan perlu juga ditegaskan di sini.

Ini kerana, jika lewat perbelanjaan ini maka sudah tentu ianya mati, ibarat seorang pesakit, kita panggil seorang doktor, doktor sampai pesakit sudah mati, ubat yang sebaik mana pun tidak ada gunanya. Keduanya, dari segi *effectiveness* ataupun keberkesanan perbelanjaan. Keberkesanan perbelanjaan ini juga penting oleh sebab kita tidak mahu ada ketirisan, kita tidak mahu ada perbelanjaan yang melebihi daripada had-hadnya. Dan juga yang terlebih penting supaya belanja kepada benda-benda yang ada di Malaysia ini. Banyak pembuat kita, pengilang-pengilang kita ada. Jangan sekali-sekali kita berbelanja membeli benda-benda yang mewah, tetapi tidak ada dalam Malaysia.

Akan tetapi kalau ada dalam Malaysia berbelanja supaya *the multiplier effect* yang saya katakan tadi dapat dirasai oleh keseluruhan rakyat Malaysia ini, dan sudah tentu ia akan menambahkan lagi rangsangan yang telah dirancang oleh pihak kerajaan itu. Yang seterusnya ialah berkaitan dengan rangkaian barangan yang ada sekarang. Kalau kita lihat dan sering diperkatakan bahawa rangkaian barangan ini, yang mana sesuatu projek itu 60% barangannya ialah barang binaan. Dan 60% barang binaan langsung pengilang-pengilang ini bukan terdiri daripada orang-orang bumiputera.

Kebanyakan dimiliki oleh orang-orang bukan bumiputera, 90% saya boleh katakan tidak dikendalikan oleh orang-orang bukan bumiputera. Oleh yang demikian dalam kita mengatakan tadi perpaduan bukan setakat politik, perpaduan juga perlu di dalam perniagaan. Perlulah ada perantaraan supaya mengambil bumiputera ini menjadi rakan kongsi yang efektif, yang efisien dan yang sama-sama ingin bekerjasama dengan mereka supaya rangkaian barang-barang ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

Saya memikirkan bahawa pihak kerajaan perlu campur tangan supaya rangkaian barang-barang ini, *supply of material* ini dapat dikendalikan oleh pihak tertentu sebagai mana yang dilakukan di bawah rancangan Kementerian Kewangan yang telah mewujudkan satu Syarikat MOF Trade namanya, tetapi mungkin memerlukan masa untuk menjadi satu rangkaian yang efektif.

#### ■1610

Kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, kita sering dengar bahawa harga tenaga amatlah diperlukan. Bukan sahaja di *household* tetapi juga oleh industri-industri. Kita juga melihat bahawa tahun lepas bahawa harga tenaga ini naik begitu tinggi. Diberi alasan oleh kerana harga minyak juga naik sebagaimana diberi alasan tiket-tiket kapal terbang tadi. Akan tetapi apabila harga minyak turun lebih daripada harga yang dahulu masih lagi tidak diturunkan. Diturunkan baru-baru ini kata orang di kampung di tengah jalan sahaja, ibarat lepas batuk di tangga sahaja.



Jadi kita mengharap kerajaan menurun harga-harga ini dengan lebih banyak lagi supaya pengeluar-pengeluar dapat mengeluarkan barang-barang mereka ini dengan lebih murah lagi dan dapat dinikmati dan dieksport dengan lebih murah lagi yang dapat dibeli oleh negara-negara yang meminta dengan dapat dibeli dengan lebih murah lagi.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Datuk, saya ingin tahu berapa lama lagi Yang Berhormat ingin berucap?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Mungkin dalam 30 minit lagi.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ada 30 minit. Okey, sila teruskan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** *Insyah-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak suruh saya percepatkan boleh juga. Satu lagi yang ingin saya utarakan ialah dari segi penswastan air di bawah kementerian ini. Kita melihat bahawa baru-baru ini banyak sangat yang diutarakan dalam penswastan air ini. Dahulunya kita heboh dengan dasar penswastan. Apabila dasar penswastan ini diterima pakai, di guna kepada PLUS, diguna kepada pengeluaran tenaga, diguna kepada air dan banyak lagi penswastan yang telah dilaksanakan. Ada baiknya, ada buruknya tetapi lebih baik itu lebih banyak daripada yang buruk sehingga kita sampai kepada tahap boleh dikatakan negara kita ini hampir-hampir maju.

Apabila hampir-hampir maju ini, bermakna dasar yang dibawa oleh kerajaan, dasar penswastan itu amat baik. Dasar penswastan air ini di Selangor hanya baru berusia lima tahun. Apabila berusia lima tahun sudah mula ura-ura, apabila nampak kejayaan mula hendak diambil balik oleh kerajaan dan sebagainya. Maka sudah tentu ia akan merugikan dan kalau kita lihat penswastan air di Selangor ini menjadi kecoh sehingga pengguna-pengguna tidak tahu siapa yang sebenarnya betul, pihak kerajaankah betul, pihak Kerajaan Persekutuankah, pihak kerajaan negerikah, atau pengusaha itu sendiri? Jadi saya meminta pihak kementerian terutama pihak kerajaan Menteri supaya memberi gambaran yang sejelas-jelasnya apakah tindakan yang sebenarnya sehingga menimbulkan gaji sampai RM5 juta, gaji sampai inilah sebagai setahun, menimbulkan keaiban di antara kita sesama kita yang mengadakan perasaan hasad dengki ini. Ini tidak langsung menggambarkan bahawa *professionalism* yang wujud dalam penswastan ini. Itu yang lebih penting daripada gaji yang dia dapat.

Yang lebih penting di sini ialah apakah kesannya kepada pengguna-pengguna dan ia haruslah diteruskan dengan lebih teratur dan tersusun agar pengguna-pengguna air ini tidak merasa beban dan kesan kepada perbalahan di antara dua karakter di antara Menteri Besar Selangor dan pengusaha air ini. Ya sila.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Kita melihat bahawa industri air ini adalah sesuatu yang cukup penting untuk kita beri kepada rakyat kita. Kalau kita lihat industri air ini kita mahu bahawa rakyat menikmati air yang bersih, kualiti yang baik dan sebagainya. Hari ini kita melihat bahawa kerajaan pusat menguruskan semua air-air di negeri-negeri dan hari ini kita melihat bahawa di Selangor dengan pelbagai masalah kestabilan politik dan sebagainya.

Hari ini mereka menggunakan beberapa NGO termasuk MTUC untuk memberi tekanan supaya pengurusan air ini diberi kepada kerajaan Selangor untuk mengambil alih. Saya melihat ini sebagai penafian yang mana Kerajaan Pusat telah pun menswastakan kepada sebuah syarikat yang telah dapat meningkatkan kualiti air dan dapat diberi kepada rakyat dan sebagainya. Hari ini kerajaan Selangor yang serba kekurangan sudah berebut hendak mengambil alih pengurusan air ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, kalau kita minta Kerajaan Pusat meneruskanlah kontrak ini dengan pihak swasta supaya lebih ramai rakyat di Terengganu menikmati kualiti air yang baik untuk digunakan? Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, dasar penswastan itu baik sekali. Akan tetapi apabila ia berlaku penswastan ini perbalahan ini, pada hemat saya ialah *clash of personality*.

Satu orang yang Menteri Besar iri hati kepada seorang yang berjaya yang dahulunya adalah rakannya. Kalau saya tahu sejarahnya ataupun pengusaha ini memilih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang lepas di Selangor. Maka apabila ia berlaku, ia berbalah di antara *two giants*, yang menjadi mangsa ialah pengguna-pengguna air di Lembah Klang, di Putrajaya, di Kuala Lumpur, dan juga di Selangor.

Jadi yang mempunyai kuasa mutlak dalam hal ini ialah Kerajaan Pusat di bawah SPAN. Kita memohon supaya SPAN ini yang profesional lebih teliti di dalam memperlihatkan benda yang baru lima tahun berlaku ini berilah masa peluang kepada mereka untuk membuktikan bahawa dasar penswastaaan yang dibawa ini, adalah betul, tepat dan menguntungkan kepada rakyat dan sebagainya. Oleh yang demikian, suatu ketika dahulu yang diberikan kepada kerajaan negeri Selangor ia gagal. Apabila diberi kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ini, nampaknya berjaya sudah mula hendak diambil balik dan sebagainya.

Sehingga mencetuskan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti menimbulkan gaji sampai RM5 juta, dan sebagainya. Kepada orang-orang lain yang telah mendapat keuntungan mendapat pendapatan lebih RM5 juta setahun langsung tidak ditimbulkan dan sebagainya. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya kepada Kerajaan Pusat melalui SPAN memberi masa tempoh untuk menilai bahawa kejayaan ini dapat diteruskan dan dinikmati supaya rakyat yang menggunakan air ini dapat betul-betul menerima air ini dengan lebih bersih dan lebih baik dan sebagainya.

Manakala kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi juga, saya juga ingin bertanya di bawah baru-baru ini di bawah bajet ataupun pengumuman iaitu kepada ses cukai ini dikenakan tidak sama rata. Di Semenanjung dikenakan harganya RM2500 ke ataupun RM2200, saya pun tidak tahu. Dan kepada Sabah dan Sarawak kepada RM3000 dan sebagainya. Jadi saya rasa eloklah ses ini dihapuskan ataupun disamaratakan RM3000, RM3000 lah, sebab *cost of production* dengan izin, adalah sama lebih kurang. Mungkin *transportation* dan logistik lebih tinggi sedikit. Akan tetapi dari segi sudut ses ini tidak menguntungkan apa-apa. Biarlah mereka membayar cukai daripada membayar ses. Kalau ses betul-betul hendak digunakan oleh kementerian, pakailah kepada kesemua industri-industri yang dapat untung yang lebih banyak. Seperti mana yang saya katakan tadi kepada pengusaha-pengusaha yang menjual tenaga kepada kerajaan, gunakan ses kepada mereka.

#### ■1620

Kepada syarikat-syarikat pengeluar besi yang harganya melambung sampai RM4,000 tahun lepas kenakan ses kepada mereka. Kepada mana-mana syarikat yang mengutip keuntungan lebih banyak gunakan ses, ini sudah tentu tidak akan menguntungkan kerajaan. Jadi dengan itu saya mencadangkan supaya ses ini dihapuskan sama sekali supaya ianya lebih sama dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia juga telah melangsungkan beberapa latihan kepada orang-orang yang diberhentikan kerja, pada orang-orang yang baru ingin cenderung dalam usaha-usaha mereka dan perniagaan mereka.

Kita berharap mereka ini, kursus-kursus ini tidak bertindih di antara satu sama lain. Banyak kursus yang bertindih untuk yang mana tidak menjadi baik oleh kerana kerja-kerja seperti latihan ini sudah banyak sangat dilakukan oleh kementerian-kementerian yang langsung tidak ada pertalian di antara satu sama lain. Jadi ini akan merugikan rakyat juga. Jadi saya harap pihak kementerian ini dapat melaksanakan dan mengetahui latihan-latihan di kementerian-kementerian lain supaya acuan-acuan ini dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia ini di seluruh belia-belia yang akan dilatih ini dengan lebih teratur dan lebih saksama. Kita juga pohon kementerian ini melihat dari segi umur dan juga dari segi dasar negara tentang pekerja-pekerja asing. Sampai bilakah dan jumlah banyak manakah pekerja asing ini perlu ada di dalam negara kita ini.

Oleh yang demikian saya harap supaya kementerian ini akan terus memberi satu gambaran dan jumlah pekerja-pekerja asing yang diperlukan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi dengan rasa rendah diri mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kepada saya peluang dan ruang ini untuk memberi ucapan terima kasih di atas titah di dalam ucapan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang ini. Dengan itu sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Daulat Tuanku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang menyokong dan berucap.

#### 4.23 ptg.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia sedang menghadapi cabaran ekonomi yang amat kritikal. Negara kita pun tidak ada imuniti terhadap wabak itu. Setiap negara mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan impak gawat sambil menghidupkan pasaran dan ekonomi negara. Setakat ini kita masih tidak tahu sejauh mana kesan gawat ekonomi itu atas negara kita tetapi kerajaan memang sentiasa memantau dengan rapi persekitaran ekonomi global dan mengatur langkah-langkah dan program-program untuk mengurangkan impak negatif ke atas ekonomi negara sambil menyediakan program untuk membantu rakyat jelata menghadapi cabaran sengit itu.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi global kali ini tidak dapat diatasi oleh sesebuah negara secara bersendirian. Di peringkat antarabangsa ia perlukan usaha sama semua negara baik negara belum membangun, sedang membangun atau pun yang sudah maju. Di peringkat negara pula, semua rakyat pula perlu sehati sejiwa untuk menyelamatkan dan menghidupkan ekonomi negara. Dalam aspek ini, keyakinan dan sokongan penuh rakyat jelata terhadap usaha kerajaan amat penting untuk meyakinkan rakyat jelata tentang keberkesanan program-program penyelamatan demi memperoleh sokongan padu mereka segala tindakan kerajaan dan cara pelaksanaannya mestilah tulus dan telus, mesti tidak mendatangkan keraguan dan ketidakpercayaan dari kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izin saya berikan satu dua contoh pelaksanaan yang mengajak banyak persoalan daripada kalangan rakyat. Pertama, sistem *outsourcing* pekerja asing yang disalahgunakan oleh syarikat-syarikat *outsourcing* itu. Mereka import lebih ramai pekerja asing dari yang diperlukan dan mendapat untung lumayan dari komisen yang dibayar oleh pekerja asing itu. Sebaliknya pekerja-pekerja asing itu dieksploitasi. Pekerja asing yang tidak ada pekerjaan dan pendapatan terpaksa mencari rezeki secara haram juga apabila permit luput tempoh mereka tidak mampu bayar tambang balik ke negara asal dan akhirnya menyumbang kepada bilangan pendatang haram dan masalah jenayah di dalam masyarakat kita.

Kedua, kenapakah rebat tunai subsidi petrol perlu diuruskan oleh Pos Malaysia dan bukan secara langsung oleh Jabatan Pengangkutan Jalan? Rakyat percaya bahawa sekiranya rebat tersebut diuruskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan jumlah komisen yang dijamin bukanlah sedikit.

Ketiga, pada awal tahun ini kerajaan umumkan amnesti bagi pekerja asing yang tidak sah. Di bawah program tersebut majikan yang rela menghantar balik pekerja asing yang tidak sah atau pekerja yang sudah luput tempoh hanya perlu membayar penalti sebanyak RM400 seorang sahaja tetapi kononnya urusan tersebut sekali lagi dikontrakkan kepada syarikat-syarikat swasta yang tertentu. Saya terima aduan bahawa syarikat-syarikat yang berkenaan mengenakan caj tambahan kira-kira RM1,500 selain daripada penalti RM400 itu. Di Johor Bahru rupanya tidak ada pihak yang tahu siapa yang berhak berurusan tersebut dan bagaimana untuk menguruskannya?

Tuan Yang di-Pertua, kita sukar hendak yakinkan rakyat jelata bahawa sistem pelaksanaan kita telus kerana kita sendiri pun tidak faham kenapa perlu melalui pihak yang ketiga. Saya percaya sekiranya kerajaan tidak mengambil langkah-langkah pembetulan, niat dan usaha kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing terutama sekali pekerja asing yang tidak sah itu akan gagal. Ini kerana kebanyakan majikan akan memilih untuk melepaskan pekerja-pekerja asing yang tidak sah itu ke ladang atau pun ke hutan. Akibatnya pekerja-pekerja asing yang tidak sah itu akan kembali ke dalam masyarakat bukan untuk bekerja tetapi untuk melakukan jenayah sebagai cara menyara hidup dan seterusnya kedudukan keselamatan masyarakat mungkin akan sekali lagi berlampu merah dan mungkin sekali lagi kita perlu tambah bilangan anggota polis.

#### ■1630

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman kegawatan ekonomi itu saya menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada warganegara. Namun demikian, saya tidak yakin bahawa mengenakan levi berganda bagi pekerja-pekerja asing di sektor-sektor yang tertentu adalah langkah yang paling berkesan. Sesungguhnya pendapatan pekerja asing di Malaysia adalah di antara yang paling rendah berbanding dengan di negara-negara jiran. Maka tanpa usaha kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing, sektor-sektor yang tertentu pun sudah menghadapi masalah untuk menggaji pekerja asing. Kualiti serta semangat pekerja asing yang bekerja di Malaysia juga amat tidak memuaskan.

Kesukaran mencari pekerja yang cukup serta sikap pekerja yang negatif itu telah mengakibatkan kesan-kesan buruk seperti penurunan produktiviti kilang, pengeluaran yang tidak menepati masa dan kos pengeluaran yang tinggi. Akan tetapi para pekilang tidak ada pilihan kerana warganegara tidak mahu mengambil alih pekerjaan buruh asing itu. Malah pengumuman cadangan mengenakan levi berganda terhadap semua pekerja asing kecuali sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah telah mengundang lebih banyak suara yang negatif daripada kata-kata pujian. Banyak syarikat pembuatan dan perkhidmatan telah memberikan respons yang tidak memberangsangkan dan mereka telah bercadang untuk menutup kilang pembuatan di Malaysia dan berhijrah ke Vietnam ataupun ke negara-negara yang lain.

Syarikat perkhidmatan pula akan menaikkan harga makanan dan perkhidmatan pengguna untuk menampung kos operasi. Akibatnya warga Malaysia yang akan dilanda impak negatifnya seperti kadar pengangguran yang semakin meningkat kerana kilang-kilang ditutup ataupun kadar jenayah yang menakutkan. Maka saya mencadangkan bahawa kerajaan perlu mengadakan mesyuarat konsultasi bersama dengan persatuan dan pemilik kilang-kilang dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Bagi mencapai suatu persetujuan untuk mengenakan levi berganda terhadap pekerja asing. Secara alternatifnya dasar itu harus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan hanya dalam sektor terpilih yang mana mudah mencari pekerja di kalangan rakyat Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pula perlu memastikan bahawa Program Bantuan Mikro Kredit dapat disalurkan kepada semua peniaga kecil dan sederhana iaitu PKS tanpa mengira bangsa yang mana konsep "Satu Malaysia", perlu diketengahkan bagi membantu semua peniaga tanpa mengira kaum. Maka pemberian insentif dan penurunan kadar bunga pinjaman mikro kredit merupakan langkah-langkah bijak yang perlu dilaksanakan secepat mungkin oleh kerajaan. Kadar bunga pinjaman mikro kredit oleh bank-bank komersial pada masa sekarang berada pada tahap lebih kurang 18% setahun.

Maka saya mencadangkan bahawa kerajaan melalui Bank Simpanan Nasional dapat memberi pinjaman mikro kredit yang hanya mengenakan kadar bunga sebanyak 4% setahun seperti pada tahun 2001 untuk membantu peniaga kecil dan sederhana melalui krisis ekonomi ini. Insentif dan bantuan kerajaan pada masa ini memainkan peranan yang penting untuk semua peniaga kecil dan sederhana. Sebarang bantuan mahupun penurunan cukai syarikat untuk PKS atau mengadakan ekspo perniagaan dan perkembangan perniagaan tertentu akan dapat memberi impak yang positif kepada perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji tumpuan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri pelancongan memandangkan sektor pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan sumber pendapatan pertukaran wang asing negara. Dalam konteks ini saya menyokong sepenuhnya usaha Kementerian Pelancongan untuk memohon status *the New Seven Wonders of Nature* bagi Pulau Sipadan. Saya berkesempatan menyertai lawatan kerja ke pulau tersebut baru-baru ini. Saya bersetuju sepenuhnya bahawa cita-cita untuk menjadikan Pulau Sipadan, *the New Seven Wonders of Nature* itu bukanlah satu mimpi. Ia sememangnya satu impian yang boleh direalisasikan. Mudah-mudahan dengan kejayaan tersebut kelak pulau tersebut akan menjadi lebih terkenal lagi di seluruh dunia.

Saya juga memuji usaha kerajaan untuk merobohkan semua chalet di atas pulau itu dan tidak membenarkan pelancong-pelancong bermalam di atas pulau itu. Usaha itu akan memastikan alam sekitar dan ekosistem pulau dan lautan di sekelilingnya yang begitu indah itu dipelihara dengan baik. Sesungguhnya penyertaan pertandingan *the New Seven Wonders of Nature* itu sendiri pun sudah cukup untuk menarik perhatian tumpuan dan minat para pelancong asing terhadap Pulau Sipadan. Syabas, Kementerian Pelancongan dan Kerajaan Negeri Sabah. Kejayaan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam pengisytiharan Melaka dan Georgetown sebagai warisan dunia juga akan menguntungkan industri pelancongan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memperkenalkan Malaysia sebagai lokasi membeli-belah, mesyuarat, konvensyen dan pameran antarabangsa merupakan salah satu strategi kerajaan untuk menarik pelancong ke Malaysia. Tidak dapat dinafikan harga dan kualiti barangan di Malaysia adalah amat kompetitif berbanding dengan beberapa buah negara serantau. Maka ramai pelancong termasuk dari negeri China suka membeli-belah di Malaysia. Namun demikian, kita dapati bahawa kebanyakan *hypermarket* di tanah air kita dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar asing seperti Giant, JUSCO, Carrefour, TESCO, IKEA dan sebagainya.

Pada zaman globalisasi ini kita tidak dapat mengelakkan pencerobohan pasaran oleh syarikat-syarikat asing itu. Sebaliknya peniaga-peniaga runcit di tanah air juga harus bekerja kuat untuk bersaing dengan peniaga-peniaga asing yang bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan di luar medan tanah air. Kerajaan harus memberi nasihat dan segala bantuan serta kemudahan untuk membantu peniaga-peniaga tempatan di peringkat permulaan dengan harapan mereka akan matang dan berdikari satu hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Membeli Barangan Malaysia adalah langkah ke arah merangsang lagi industri tempatan dan pertumbuhan ekonomi domestik. Baik semasa kadar pertumbuhan ekonomi tinggi lebih-lebih lagi kini apabila ekonomi dalam kegawatan. Para pengilang tempatan harus memastikan kualiti barangan yang setanding dengan barangan import dan harga yang berpatutan. Warganegara pula harus berkeyakinan terhadap barangan Malaysia dan memberi sambutan yang baik kepada kempen kerajaan tersebut.

#### ■1640

Kita tidak boleh bergantung kepada orang lain untuk menghidupkan ekonomi kita. Kita sendiri yang harus bersatu padu, sehati sejiwa untuk menyelamatkan ekonomi negara dan nasib diri kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ekonomi negara sihat pun ada pemaju perumahan yang tidak berjaya dan ada projek perumahan yang terbengkalai. Maka sewaktu kegawatan ekonomi, tidak hairan sekiranya lebih banyak lagi projek perumahan akan terbengkalai. Malangnya apabila projek terbengkalai, yang menjadi mangsa dan yang menanggung kerugian besar ialah para pembeli rumah. Selalunya mereka yang berpendapatan rendah.

Projek rumah mewah jarang menghadapi masalah kerana kadar keuntungan yang tinggi. Mangsa-mangsa projek terbengkalai itu sambil menanggung kerugian kewangan di luar kemampuan, mereka hidup dalam ketakutan kerana ditekan oleh bank yang memberi pinjaman untuk menjelaskan pinjaman mereka.

Kalau mereka sanggup membayar balik pinjaman perumahan begitu sahaja, kemungkinan besar mereka langsung tidak memerlukan pinjaman. Apabila mereka meminta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu, kita pun tiada kuasa untuk menghentikan tindakan bank. Bahkan selalunya pengurus bank sendiri pun tiada kuasa untuk memberi *amnesty* kepada para peminjam yang malang itu. Kini ekonomi negara gawat. Lebih banyak projek mungkin akan terbengkalai. Lebih ramai lagi pembeli rumah yang akan menjadi mangsa. Sekiranya ada pekerja yang hilang pekerjaan kerana kegawatan ekonomi dan ditekan oleh bank untuk selesaikan hutang seperti pepatah, sudah jatuh ditimpa tangga. Saya fikir mereka akan bunuh diri... [Ketawa]

Saya merayu kepada kerajaan untuk mengambil langkah-langkah pencegahan. Mungkin kini tepat masanya untuk memperkenalkan konsep bina dan jual ataupun mengenakan deposit yang sewajarnya agar wang deposit itu dapat digunakan untuk meringankan beban tanggungan para pembeli rumah sekiranya projek perumahan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya bahawa modal insan yang berkualiti adalah amat penting kepada pembangunan negara. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, banyak program ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara telah diatur. Dalam konteks ini, kita pun nampak kesan-kesan positif seperti bilangan calon PMR, SPM dan STPM yang memperoleh prestasi tinggi setiap tahun begitu ramai.

Yang saya tidak faham ialah dengan kualiti pelajaran dan prestasi peperiksaan di peringkat sekolah menengah meningkat begitu ketara, apakah sebabnya universiti-universiti tempatan rupanya makin merosot. Tidak boleh dinafikan sebahagian pelajar-pelajar yang cemerlang itu melanjutkan pelajaran di luar negeri tetapi tidak kurang banyak juga pelajar cemerlang yang menuntut di universiti tempatan. Pada saya, pelajar yang dapat 5A ke atas sudah cukup cemerlang, tiada sebabnya dengan sumber belajar yang begitu baik, universiti tempatan tidak cemerlang.

Saya berharap Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bersama-sama meninjau sebab-sebabnya dan mengambil langkah untuk membetulkan keadaan. Selaku bekas pendidik, kadang-kadang saya kagum bagaimana pelajar-pelajar yang tertentu mendapat begitu banyak 'A' di dalam peperiksaan-peperiksaan awam sedangkan prestasi pelajaran mereka di sekolah adalah sederhana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Guru Berkualiti Aspirasi Negara, Guru Berkualiti Pemangkin Kegemilangan, Guru Penjana Modal Insan Gemilang, Guru Cemerlang Negara Terbilang, Guru Pembina Negara Bangsa, itulah tema-tema Hari Guru dari tahun 2000 hingga tahun ini. Tema-tema tersebut melambangkan dan mencerminkan sumbangan guru terhadap masyarakat dan negara yang begitu besar. Ramai putera puteri negara berjaya kerana guru-guru Malaysia; cemerlang kerana guru-guru Malaysia; masuk universiti kerana guru-guru Malaysia; berjaya dalam kehidupan dan kerjaya kerana guru-guru Malaysia, tetapi bagaimanakah anak-anak guru sendiri? Saya sering didekati guru-guru yang memohon bantuan kewangan untuk pendidikan anak-anak mereka terutama sekali mereka yang terpaksa melanjutkan pelajaran di luar negeri kerana tidak ditawarkan kursus pilihan mereka di universiti tempatan.

Sekiranya kerajaan dan negara benar-benar mengenang jasa guru dan akui sumbangan mereka terhadap negara, saya cadangkan kita berikan anak-anak mereka keutamaan ke universiti-universiti tempatan dan menawarkan kursus-kursus pilihan mereka dengan syarat bahawa mereka layak ataupun mewujudkan biasiswa khas ataupun pinjaman kepada kadar bunga yang rendah untuk anak-anak guru. Langkah ini akan merangsang para pendidik, para pemangkin kegemilangan, para penjana modal insan gemilang dan para pembina negara bangsa. Saya yakin ramai individu yang berkualiti akan mohon menjadi guru dan sekolah tidak akan kekurangan guru tahun demi tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah dalam perjuangan isu-isu pendemokrasian, akauntabiliti, integriti, pembanterasan rasuah, pengukuhan institusi kehakiman serta pendekatan Islam Hadhari sentiasa disanjung tinggi, bukan sahaja di dalam Malaysia, bahkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah sampai masanya hak privasi itu diberikan pertimbangan serius oleh kerajaan. Hak privasi itu sememangnya salah satu hak asasi manusia yang harus dinikmati setiap warga Malaysia tanpa mengira status sosial, kaum atau agama. Namun demikian, Perlembagaan Persekutuan negara kita tidak secara spesifik mengakui hak privasi itu. Walaupun ada peruntukan bagi beberapa hak yang berkaitan termasuklah kebebasan perhimpunan, ucapan dan pergerakan, hak asasi seharusnya merangkumi kesulitan data komunikasi dan wilayah serta privasi tubuh badan.

Di dalam sistem undang-undang kita, kita ada Akta Kanun Keseksaan iaitu *Penal Code*, Akta Komunikasi dan Multimedia 1988, tidak boleh dinafikan Undang-undang Pencerobohan atau *Common Law of Trespass* dan Undang-undang Informasi Sulit atau *Law of Confidence* sedikit sebanyak memberi perlindungan hak privasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia tidak ada undang-undang yang dirangka khusus untuk memberi perlindungan kepada hak privasi seseorang. Sekiranya ada kes, mahkamah akan guna pakai Akta Kanun Keseksaan, Akta Iklan-iklan Lucah iaitu *Indecent Advertisement Act 1953* dan Akta Penapisan Filem ataupun *Film Censorship Act 2002*. Namun demikian itu masih tidak mencukupi. Misalnya di dalam satu kes baru-baru ini, seorang lelaki yang didapati bersalah mengintip seorang perempuan di dalam tandas hanya didenda RM100 sahaja.

#### ■ 1650

Itu pun sudah merupakan hukuman maksimum di bawah Akta Kesalahan Kecil atau *Minor Offences Act 1955*. Ini jelas membuktikan bahawa undang-undang yang sedia ada amat tidak mencukupi untuk menghalang seseorang dari menceroboh hak privasi seseorang yang lain untuk kepentingan yang tertentu. Malaysia adalah ahli Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah menerima dengan izin, *The Universal Declaration of Human Rights*. Artikel 12 deklarasi tersebut berbunyi dengan izin, "*No one shall be subjected to arbitrary interference with his privacy, family, home or correspondence, nor to attacks upon his honor and reputation. Everyone has the right to the protection of the law against such interference or attacks.*"

Oleh yang demikian, negara kita harus mempunyai jaminan dalam bentuk undang-undang untuk menangani isu-isu biasa peribadi berkaitan dengan *email*, telefon, telefon bimbit, CCTV dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara majmuk dari segi kebudayaan dan agama. Kita sebagai penggubal undang-undang perlu memastikan segala konflik-konflik di antara akta privasi dan undang-undang syariah yang mungkin wujud mestilah diatasi sebelum penggubalan akta privasi itu. Izinkan saya petik Titah Seri Paduka Baginda Tuanku yang berbunyi, "*Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Islam sebagai Agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas diamalkan. Maka hak-hak individu bukan umat Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan juga harus diberi pertimbangan yang saksama serta dipelihara agar agama-agama lain bebas diamalkan agar mereka tidak tertakluk kepada tindakan di bawah apa-apa bentuk undang-undang syariah ataupun oleh pihak-pihak berkuasa agama Islam.*"

Tuan Yang di-Pertua, titah Seri Paduka Baginda Tuanku juga menegaskan bahawa kerajaan tidak akan sama sekali mengabaikan kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Walaupun saya bukan berasal daripada Sabah ataupun Sarawak, secara peribadi saya menyokong konsep Borneonisasi itu di mana lebih banyak jawatan kanan dan penting di negeri Sabah dan Sarawak akan diambil alih oleh anak-anak negeri. Saya percaya dan yakin bahawa, selepas begitu lama menyertai Malaysia, warga-warga negeri Sabah dan Sarawak sudah cukup layak untuk menyandang jawatan-jawatan kanan dan penting di negeri-negeri berkenaan.

Kini, kita dapati bahawa kebanyakan jawatan-jawatan kanan dan penting disandang oleh kaum Melayu sahaja bukan saja di Semenanjung Malaysia bahkan di Sabah dan Sarawak. Dalam konteks itu, saya berpandangan bahawa sampailah masanya untuk negara kita benar-benar mencerminkan komposisi perkauman di dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa bukan sahaja warga-warga negeri Sabah dan Sarawak saja yang merasakan mereka tidak diberikan peluang dan ruang untuk menjawat jawatan yang penting, bahkan kaum-kaum bukan Melayu di Semenanjung Malaysia juga berkongsi perasaan tersebut. Orang-orang Cina, India dan lain-lain yang tidak kurang berkebolehan jarang diberikan peluang kenaikan jawatan ke jawatan-jawatan kanan kerajaan. Kerajaan telah banyak kali memberi jaminan bahawa layanan yang adil dan saksama akan diberikan kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa, bahasa dan agama...

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** [Bangun]

**Datuk Akbar bin Ali:** [Bangun]

**Tuan Khoo Soo Seang:** Selepas lebih 50 tahun merdeka, sudah sampailah masanya untuk kita membuktikan bukan sahaja...

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada..

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Boleh, boleh minta laluan? Saya hanya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Ya. Mengenai nisbah jawatan awam yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi. Saya rasa ini adalah sesuatu yang telah termaktub di dalam Perlembagaan di mana dinyatakan tentang nisbah 1:4. Kalau perkara itu hendak dirombak, saya rasa boleh kita rombak tetapi dengan syarat bahawa rombakan itu mestilah rombakan yang menyeluruh. Bukan sahaja peluang-peluang di sektor awam dibahagikan sama rata dan sama saksama, tetapi peluang-peluang di sektor swasta pun juga harus diambil kira. Selagi terdapat kepincangan dari peluang-peluang di sektor swasta, saya rasa apa perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan itu untuk ketenteraman kita bermasyarakat dan bernegara, lebih baiklah tidak usah diungkit-ungkit dulu.

Saya teringat Tuan Yang di-Pertua, satu kajian yang dibuat oleh seorang mahasiswa di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran kira-kira 40 tahun yang lalu yang menyentuh tentang apa yang disebut sebagai hak keistimewaan orang Melayu dalam Perlembagaan itu. Dalam kajian mahasiswa tersebut, ternyata bahawa peruntukan itu hanya wujud dalam undang-undang sahaja sedangkan pada perlaksanaannya mengikut kajian itu tidak sama, sama sekali. Jadi, kesimpulan yang saya hendak timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah supaya nisbah peluang di sektor awam jangan ditimbulkan. Kalau hendak dirombak juga, haruslah dirombak keseluruhannya dengan nisbah peluang di sektor swasta. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat, lagi seorang ingin bertanya. Boleh?

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya rasa elok kalau kita dapat memperkatakan isu ini Yang Berhormat, di mana ia tidak menimbulkan kebimbangan *the other side*. Apabila kita memperkatakan dan meminta sesuatu, ia akan menimbulkan kebimbangan atau ancaman. Ini akan berlaku *the Newton's law of motion*. Jadi ia akan jadi masalah.

Okey, soalan saya, memperkukuhkan apa yang Dato' Firdaus cakap tadi, dari segi *employment*, hanya 10% sahaja dalam sektor awam. Ada 90% dalam sektor swasta. Jadi kalau kita mengamalkan prinsip bukan DEB tetapi semangat DEB kerana orang akan kata DEB sudah pun tamat pada tahun 1990, tetapi kesinambungannya dalam Teras Ketiga Misi Nasional. Kalau kita hendak betulkan sektor guna tenaga ini supaya ia menggambarkan komposisi kaum supaya nampak ia lebih adil, maka yang perlu dibetulkan dahulu ialah di sektor swasta kerana di situlah 90% tenaga kerja berada.



Jadi kalau diruang yang besar itu ada satu kaum tersekat dan tidak dapat ruang dan peluang, maka ia akan seperti air mengalir ke satu ruang yang lain. Jadi itu akan menunjukkan ketidakseimbangannya tenaga kerja kita. Jadi saya rasa elok kita tumpukan bagaimana hendak membetulkan sektor pekerjaan guna tenaga ini di sektor swasta supaya keseimbangan keseluruhan itu dapat dicapai. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Sebenarnya pada saya, pekerjaan di sektor swasta tidak dikawal oleh sesiapa. Tidak ada orang yang tentukan itu. Jadi di sektor swasta, peluang pekerjaan dan peluang kenaikan pangkat semata-mata mengikut kebolehan. Jadi saya tidak kata bahawa di sektor swasta, kita tidak boleh rombak semula tetapi saya percaya di sektor swasta tidak ada orang kontrol. Dia tidak macam kerajaan, kerajaan yang kontrol. Okey.

Jadi saya sampai ke ...

■1700

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** [Bangun]

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Minta kebenaran Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Tak benarkan?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Khoo, bagi?

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih. Soal kawalan di sektor swasta itu saya rasa satu perkara jangan kita lupa. Sektor swasta itu bergantung kelancaran operasinya berkat adanya kawalan yang menyeluruh daripada sektor awam. Jadi untuk mengatakan bahawa sektor swasta tidak boleh dikawal, sesuatu yang saya rasa tidak benar. Cuba kita bayangkan sektor swasta itu beroperasi dalam keadaan yang anarki, dalam keadaan yang tidak berperaturan.

Jadi maksud saya yang perlu ditimbulkan dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua ialah supaya kita melihat masalah ini secara keseluruhan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi. Kalau kita hanya dengan izin *single out* sektor awam, kita biarkan sektor swasta berleluasa dengan semangat liberalisme, bila kita hendak dapat mewujudkan satu masyarakat yang betul-betul bersatu padu, sama rasa dan sama rata. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, ini *point* yang terakhir daripada saya. Saya ucapkan tahniah kepada UMNO kerana berjaya mengadakan perhimpunan agung dan pilihan pemimpin di semua peringkat. Saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan juga Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin kerana dipilih menjadi Presiden dan Timbalan Presiden UMNO masing-masing.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas kepimpinan dan segala sumbangan kepada negara. Jasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah dan perjuangan isu-isu pendemokrasian, akauntabiliti, integriti, pembanterasan rasuah dan pengukuhan institusi kehakiman serta pendekatan Islam Hadhari. Saya yakin peralihan kepimpinan itu akan berjalan lancar dan agenda pembangunan negara terutama sekali usaha merangsang ekonomi negara dapat diteruskan dan dijayakan.

Saya merayu kepada semua warganegara segenap lapisan masyarakat agar bersatu padu di belakang kerajaan yang bakal dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin. Perpaduan dan stabiliti negara adalah unsur terpenting demi kejayaan sesebuah negara. Maka dengan kata-kata tersebut, saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keduabelas pada 16 Februari 2009. Sekian terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul berbunyi bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Demikian bunyinya:

*“Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Kedua Yang Kedua Belas dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas”.*

#### 5.04 ptg.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama Yang Berhormat-Yang Berhormat membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Dalam menyokong usul ini, sesungguhnya peluang dan ruang ini, saya akan berusaha memberi pandangan seperti biasa pada keseluruhannya terdahulu secara dasar-dasar am sebelum berkisar kepada perkara-perkara spesifik. Namun adalah diperhatikan Titah Seri Paduka Baginda cukup bernas dan jelas, bererti dan berisi serta komprehensif di mana merangkumi segala aspek mahupun ekonomi dan sosial. Tambah tokoh lagi dari perspektif politik.

Titah Seri Paduka Baginda penuh dengan kebijaksanaan yang saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tentu bersependapat dengan pandangan ini dan kebijaksanaan Seri Paduka Baginda amat-amat kita sanjung tinggi. Pendek kata, kesetiaan dijunjung, Raja disanjung, rakyat dipayungi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita, negaraku yang semua kita cinta akan melalui suatu langkah yang baru dalam beberapa hari lagi. Selepas Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan beliau berhasrat mengundur diri sebagai Perdana Menteri dan akan menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Khamis, 2 April 2009. Ini bermakna tanpa apa-apa halangan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dijangka ambil alih menjadi Perdana Menteri yang keenam negara Malaysia, *insya-Allah*.

Pernah saya menyatakan kepimpinan bagi saya adalah amat-amat penting demi memastikan negara kita selamat dan maju ke depan dengan menjamin kesejahteraan rakyat terpelihara. Kini segala-galanya terletak di bawah bahu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak. Saya percaya dan yakin beliau sedar rakyat jelata mempunyai dan menaruh harapan penuh terhadap kepimpinan beliau untuk mengembalikan serta menggembeleng semua tenaga dan usaha agar keyakinan negara dikecapi. Kebetulanannya atau dengan izin, *history repeats itself*. Ayahanda Dato' Sri Najib Tun Razak, Allahyarham Tun Abdul Razak juga apabila menjadi Perdana Menteri kedua, sama-sama juga menghadapi keadaan yang begitu rumit dan merudum.

#### ■1710

Kini keadaan negara amat-amat tidak memuaskan dan sedang melalui suatu kesukaran yang memerlukan sokongan padu dari semua pihak. Bagi saya secara ringkas negara kita sedang menghadapi krisis-krisis ekonomi amat luar biasa. Kerajaan yang nampaknya tidak begitu utuh, ketiga kestabilan politik kian meruncing dan perpaduan tergugat. Integriti institusi-institusi kerajaan dicabar pula. Sesungguhnya jika perkara-perkara yang kurang sihat ini kian berlarutan saya bimbang saya kluatir apa akan jadi. Huru-hara? Saya harap bukan begitu akan terjadi. Oleh itu yang pernah saya tegaskan di Dewan yang mulia ini kita harus kurang berpolitik dan beri tumpuan menyelesaikan masalah-masalah negara yang kita hadapi.

Seiring dengan semboyan pembaharuan yang telah dibunyikan saya tertarik dengan apa yang ditulis oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Yang Berhormat Dato' Saifuddin bin Abdullah dalam bukunya bertajuk "Politik Baru Mematangkan Demokrasi Malaysia", menyatakan kita harus mempunyai suatu budaya politik baru iaitu politik ilmu bukan politik ampu. Politik hikmah bukan politik fitnah, politik bakti bukan politik undi. Saya cukup setuju dengan apa yang dinyatakan. Oleh itu dalam visi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, satu Malaysia, *one Malaysia*, dengan izin. Dan apabila dicipta suatu model ekonomi baru Malaysia kemudian yang asas dan fundamental bagi saya harus merangkumi kepimpinan yang,

- (i) mesra insan;
- (ii) mesra ilmu; dan
- (iii) mesra alam.

Gelombang kemahuan bersih dan jernih yang dikehendaki oleh rakyat perlu diterjemahkan dalam dasar-dasar model ekonomi baru yang akan diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin baru kelak. Di samping itu kehendak rakyat yang beringinkan demokrasi yang lebih utuh dan tulen, liberalisasi serta sistem pelbagai kaum harus juga dilihat dengan lebih mendalam dalam konteks suasana serta masyarakat Malaysia dalam abad ke-21 ini.

Dan generasi rakyat Malaysia pasca 13 Mei 1969 pada hemah saya Tuan Yang di-Pertua, kebebasan yang asas dan kebebasan yang tulen ialah kebebasan dari kebuluran dan kemiskinan. Itu adalah kebebasan yang tulen. Ini kerajaan selama ini telah terbukti menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas. Serius seperti yang dicerminkan dengan pembangunan serta kemajuan dikecapi sehingga ini sejak merdeka 51 tahun yang lalu. Banyak kali telah saya tekan dan saya juga ingin ulangi iaitu dahulu lain kini lain. Kita harus membuat pembaharuan, kita harus mengubah minda selepas 51 tahun merdeka.

Kita harus merakyatkan semua rakyat Malaysia untuk bertindak dan berfikir sebagai rakyat Malaysia dan tidak perlu lihat lagi dari segi warna atau usul kita. Semua akan berurus, bertadbir, berkerajaan, berorientasikan kehendak rakyat untuk merapatkan jurang perbezaan kelas-kelas tanpa mengira kaum. Sehubungan dengan ini, pada hemat saya titah ucapan Seri Paduka Baginda telah dengan tepat masanya mengungkitkan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukunegara yang menjadi tunjang dan falsafah negara yang menjadi asas-asas kenegaraan Malaysiaku, Negaraku yang kita semua cintai.

Melalui Perlembagaan Persekutuan iaitu saya petik Perkara 4(1), Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan ini. Perlembagaan Persekutuan walaupun telah dipinda dari masa ke semasa kalau saya tidak silap lebih daripada 140 kali. Telah teruji dan terbukti dapat memainkan peranan yang positif bagi negara majmuk ini. Saya pernah menjelaskan dan menghuraikan iaitu undang-undang utama ini secara ringkas dan pendek kata menjamin semua rakyat mendapat sesuatu.

Namun tiada semua rakyat mendapat segala-gala mereka kehendak dengan izin in English, "*Everyone in this beloved nation gets something but not everyone gets everything.*" Itu asas. Saya khawatir dan saya bimbang kerana ceteknya fahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan ataupun sengaja tidak mahu faham dan lebih teruk lagi memutar belitkan ketidakfahaman Perlembagaan Persekutuan. Bagi tujuan-tujuan sempit politik demi matlamat yang songsang yang saya tegas, demi matlamat yang songsang seolah-olah untuk mencapai cita-cita politik kuasa sahaja tanpa menghiraukan kesejahteraan dan harmonis negara dan rakyat yang akhirnya ulung akan menentukan segala-galanya.

Oleh yang demikian sementara negara kita memajukan ke arah Wawasan 2020 dan pencapaian bangsa Malaysia adalah menjadi harapan bukan sahaja saya, bahkan semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat membentuk satu masyarakat yang lebih harmonis, saksama dan progresif melalui interpretasi dan pelaksanaan yang lebih positif lagi, sihat terhadap matlamat Perkara 8(2), dan Perkara 153(1), demi mencapai satu bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Erti kata dan pernah juga saya menegaskan tiba masanya di sekolah-sekolah perlunya atau pun wajibnya Perlembagaan Persekutuan menjadi mata pelajaran diajar, diasuh, dididik, dibimbing agar generasi...

■1720

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat saya mohon laluan.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Sila.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya terpanggil untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat membicarakan soal perlembagaan itu. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dengar hal-hal perlembagaan ini. Saya faham Dato Gooi memang arif tentang Perlembagaan Persekutuan. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat tentang kefahaman, tentang Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya Perlembagaan Persekutuan ini yang bertulis.

Perlembagaan United Kingdom tidak bertulis yang dipanggil Sui Generis tetapi yang kita bertulis ada 181 seksyen dulu tetapi ada pindaan dan sekarang ada 183 seksyen. Perkara pokok yang saya ingin berkongsi bersama Yang Berhormat ialah tentang ketidakfahaman, tentang perlembagaan itu sendiri. Yang Berhormat syorkan untuk dipelajari di sekolah universiti. Soalnya saya utarakan kepada Yang Berhormat ialah mereka yang arif tentang perlembagaan ini iaitu *Bar Council*. Kalau kita sebut *Bar Council* ini orang yang arif dalam perlembagaan, orang yang bijaksana, orang yang boleh kita percayai membela dan terbela di mahkamah. Akan tetapi akhir-akhir ini orang-orang yang bijaksana, yang arif, yang tahu hati, nadi perlembagaan itu sendiri yang terpesong pemikirannya.

Mentakrifkan benda yang bukan-bukan menyebabkan masyarakat berada dalam kucar kacir lagi tidak faham. Kalau daripada dengan izin, *layman* bercakap hal perlembagaan saya rasa tidaklah susah kita hendak faham bahawa mereka ini tidak faham. Apa dia Perkara 41, apa Perkara 81, apa Perkara 31 hal Agama Islam. Perkara 152 - Bahasa Kemanusiaan, Perkara 15 - Hak Istimewa Orang Melayu. Soalnya sekarang saya hendak bentang di Dewan ini orang bijaksana, orang arif sudah kelirukan kita. Apa kita hendak hukum orang-orang macam ini Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Yang Berhormat Perlis. Kita sebagai insan manusia. Ilmu pengetahuan itu menjadi asas. Saya tidak kisah *Bar Council*, Majlis Peguam tidak semestinya peguam arif. Mungkin dia arif dari segi undang-undang untuk cari makan. Akan tetapi Perlembagaan Persekutuan apa yang saya sarankan adalah kita didik anak-anak kita generasi yang akan datang seperti di Amerika Syarikat wajib perlembagaannya didik supaya asas-asas latar belakang yang menjadi tunjang kepada terbentuknya negara Malaysia, Negaraku yang di cinta itu difahami.

Supaya apabila dikatakan cendekiawan sama ada profesor atau peguam tidak semestinya apa yang dikata adalah betul tetapi mungkin juga tidak betul. Soal pokok di sini saya rasa dan pernah saya jelaskan dan Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri juga bersetuju bahawa tiba masanya Perlembagaan Persekutuan itu menjadi mata pelajaran yang wajib. Itu yang saya sarankan bahawa asas-asas kenegaraan itu dari kecil. Mungkin cucu saya dididik bahawa dia faham, "Oh, negara ini macam itu terjadi." Sekarang tidak ada, masing-masing ada dia punya fikiran. Jadi untuk membawa kepada landasan yang betul, cukuplah masa itu sudah tiba. Saya bukannya Majlis Peguam yang cukup pandai dan cerdik, bukan. Jadi yang di...

**Dato' Yip Kum Fook:** Dato minta laluan.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Ini peguam, kena bagi jalan.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih. Saya tidak mahu dijemput untuk berbahas di sini. Saya cuma hendak tegaskan sedikit sahaja. Saya setuju dengan Yang Berhormat Dato dari segi semangat perlembagaan kita mesti didik dan ajar kepada anak-anak kita sejak dari kecil lagi. Kalau peranan ini boleh dimainkan oleh Dewan Bahasa lebih baiklah. Dari segi sudut pandangan Majlis Peguam, saya ingat Dewan ini sering kali membangkitkannya.

Kalau saya tidak berucap satu patah di sini seolah-olah Majlis Peguam ini satu pertubuhan yang sengaja memberi pentafsiran atau kekacauan kepada masyarakat kita, saya ingat itu tidak betul. Semua undang-undang yang tersurat atau tersirat, dia punya pentafsiran mesti diberitahu oleh peguam. Jadi setiap peguam mempunyai pandangan yang berlainan itu sudah tentu. Itu sebabnya kita ada banyak mahkamah dari majistret sehingga Mahkamah Persekutuan. Saya ingat pandangan Dato Gooi itu patut kita terima dan di beri pujian dari pandangan saya. Terima kasih.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Saya harap Dewan yang mulia ini akan mendesak kerajaan supaya diwajibkan. Supaya generasi-generasi rakyat Malaysia, sekurang-kurangnya memahami undang-undang utama ini. Tidak lewat tetapi hanya keazaman.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Hanya keazaman ...

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Dato habis ya. Yang Berhormat Dato Gooi.

**Dato Gooi Hoe Hin:** Boleh saya habiskan? Supaya tidak lewat ...

**Dato' Hajah Samsiah Samsudin:** Yang Berhormat Dato, oleh sebab jam telah menunjukkan 5.30 petang, boleh Yang Berhormat sambung pada esok pagi?

**Dato Gooi Hoe Hin:** Boleh dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Samsiah bin Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga 10 pagi, hari Selasa, 31 Mac 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***



**TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG****AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN  
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim  
Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh  
dan Salam Sejahtera*

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

*Alhamdulillah*, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya pada hari ini sekali lagi kita dapat bersama-sama dalam Istiadat Perasmian Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas. Pada kesempatan ini Beta ingin menyentuh beberapa perkara yang wajar diamati dan diambil perhatian.

Pada tahun 2008, dunia telah dilanda krisis kewangan global yang bermula di Amerika Syarikat, kemudiannya merebak ke Eropah dan bahangnya dirasai oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia. Walaupun dunia pada masa kini menghadapi cabaran ekonomi yang amat getir, namun ekonomi negara masih bertahan kerana langkah-langkah telah pun diambil bagi memperkukuhkan asas ekonomi dan sistem kewangan negara sejak krisis kewangan pada tahun 1997/98. Sehubungan itu, pada tahun lalu ekonomi negara terus berkembang pada kadar sekitar lima peratus dan jumlah perdagangan antarabangsa kekal melebihi satu trilion ringgit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Pada tahun ini situasi ekonomi dunia dijangkakan lebih mencabar dan boleh menggugat pertumbuhan ekonomi negara. Melalui Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Mamanda Perdana Menteri yang bermesyuarat setiap minggu, Kerajaan sentiasa memantau dengan rapi persekitaran ekonomi global dan mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan impaknya ke atas ekonomi negara. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai tujuh bilion ringgit, mengkaji semula strategi pembangunan, menyenarai utamakan program dan projek pembangunan, menggalakkan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta serta melaksanakan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi bagi menjana pertumbuhan ekonomi dalam negara. Beta berharap dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut ekonomi negara akan terus berkembang dan kesejahteraan rakyat akan terpelihara. Jika keadaan memerlukan, pakej tambahan untuk menstabilkan ekonomi akan diperkenalkan.

Kerajaan Beta akan terus meminimumkan kesan kelembapan ekonomi global ke atas sektor perdagangan dan perindustrian negara. Antara langkah tersebut ialah mewujudkan iklim pelaburan yang lebih kondusif, meningkatkan daya saing negara serta memperkenalkan dasar pelaburan yang lebih liberal dan telus. Dalam hubungan ini, promosi dan usaha bagi menggalakkan kemasukan lebih banyak pelaburan dari negara-negara yang mempunyai lebih dana di Timur Tengah dan Republik Rakyat China akan dipertingkatkan. Begitu juga pelaburan dari India dan rantau ASEAN. Di samping mengekalkan eksport ke pasaran tradisi, usaha-usaha akan digiatkan lagi untuk meneroka pasaran baru yang berpotensi.

Sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar akan berperanan lebih besar dalam menjana pertumbuhan, memperluaskan asas ekonomi dan menyumbang kepada hasil eksport negara. Langkah-langkah liberalisasi sektor perkhidmatan secara terancang dan progresif akan terus diambil supaya sektor tersebut menjadi lebih kompetitif di peringkat serantau dan global.

Sektor pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan sumber pendapatan pertukaran wang asing negara.

Pada tahun lalu negara telah mencatatkan ketibaan seramai dua puluh dua juta lima puluh ribu orang pelancong dan menyumbang sebanyak lebih kurang empat puluh lapan bilion ringgit kepada pendapatan negara. Pada tahun ini, di sebalik kelembapan ekonomi global Kerajaan menyasarkan ketibaan seramai dua puluh juta orang pelancong ke negara ini.

Sehubungan ini, promosi produk-produk pelancongan seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, pelancongan pelbagai keagamaan, program *Malaysia Rumah Keduaku*, program inap desa serta Malaysia sebagai lokasi membeli belah, mesyuarat, konvensyen dan pameran antarabangsa akan terus dipertingkatkan lagi. Selain itu, Kerajaan Beta juga akan mempromosikan program minat khas seperti sukan golf, selam skuba dan memancing. Bagi menggalakkan pelancongan domestik, destinasi-destinasi pelancongan yang sebelum ini kurang mendapat pendedahan akan dipromosikan dengan lebih agresif. Pada masa yang sama penjagaan kebersihan, alam sekitar dan sistem pengangkutan serta kemudahan awam akan terus diberi perhatian bagi memajukan lagi industri pelancongan negara.

Beta sukacita kedudukan Malaysia dalam Laporan Kajian Bank Dunia bagi kemudahan menjalakan perniagaan telah meningkat daripada kedudukan kedua puluh empat pada tahun 2008 kepada kedudukan kedua puluh di kalangan seratus lapan puluh satu buah negara pada tahun 2009. Pada masa yang sama, tumpuan akan terus diberi terhadap usaha-usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang akan membantu kepada peningkatan daya saing negara. Ini semua boleh meningkatkan lagi kemasukan pelabur ke negara ini

Bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana, berdaya maju yang menerima kesan buruk daripada kelembapan ekonomi global, Skim Bantuan Jaminan PKS bernilai dua bilion ringgit telah disediakan bagi membolehkan mereka mempunyai akses kepada pembiayaan pada kos yang lebih rendah. Justeru, Beta menyeru institusi perbankan supaya terus menyediakan kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat perniagaan dalam usaha menjaga dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Selain daripada langkah-langkah yang Beta nyatakan, pihak industri sama ada besar, sederhana atau kecil wajar beralih kepada industri yang berasaskan teknologi tinggi misalnya bioteknologi. Pihak industri hendaklah juga mengambil peluang-peluang yang disediakan dengan menceburi dalam bidang pertanian dan pengeluaran makanan secara moden dan berskala besar. Pihak swasta juga hendaklah mengambil peluang sepenuhnya di atas keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap pensijilan halal Malaysia. Ini bertujuan bagi memperkukuhkan kedudukan negara kita sebagai hab barangan dan perkhidmatan halal dunia. Kepakaran Malaysia dalam perbankan Islam yang diiktiraf masyarakat antarabangsa juga boleh dieksploitasi bagi mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab sistem perbankan Islam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, komoditi juga merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan harga komoditi kebelakangan ini telah memberikan kesan kepada pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah mengambil langkah-langkah perlu bagi meringankan beban mereka dengan menggalakkan industri hiliran, meningkatkan penggunaan bio bahan api, meneroka pasaran-pasaran baru dan memberi insentif penanaman semula kelapa sawit dan getah. Di samping itu, kerjasama dengan negara-negara pengeluar lain akan dipertingkatkan lagi bagi menstabilkan harga komoditi di pasaran antarabangsa.

Masyarakat FELDA juga tidak terlepas daripada kesan kejatuhan harga komoditi. Justeru, langkah-langkah menggiatkan aktiviti keusahawanan serta melaksanakan Program Bumi Hijau telah diambil untuk meringankan beban mereka. Kerajaan Beta juga telah menyediakan pelbagai program untuk membangunkan sosioekonomi generasi kedua dan ketiga peneroka FELDA. Golongan ini akan diperkasakan melalui pelbagai latihan kemahiran termasuk dalam bidang-bidang teknologi tinggi.



Dalam usaha meringankan beban rakyat jelata menghadapi suasana ekonomi yang mencabar, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Beta misalnya pemberian pelbagai subsidi serta meneruskan kawalan harga barangan keperluan. Seperti yang dijanjikan harga runcit petrol dan diesel telah diturunkan sebanyak tujuh kali selaras dengan penurunan harga minyak mentah di pasaran dunia. Ini jelas menggambarkan keprihatinan Kerajaan Beta terhadap kesejahteraan rakyat jelata.

Usaha ini hendaklah disokong oleh semua pihak termasuk para pengusaha, peniaga, badan bukan kerajaan dan persatuan pengguna. Rakyat jelata sekalian juga telah beriltizam bersama Kerajaan Beta memenangi cabaran ekonomi masa kini dengan meningkatkan produktiviti, berbelanja dengan bijak serta mengutamakan barangan tempatan seperti mana Kempen Membeli Barangan Malaysia yang telah dilancarkan oleh Mamanda Perdana Menteri bagi merangsang pertumbuhan ekonomi domestik.

Dalam menangani kenaikan harga barangan makanan, adakah menjadi hasrat Kerajaan Beta memastikan rakyat memperoleh bekalan makanan yang mencukupi dan pada harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, rakyat adalah digalakkan untuk mengeluarkan bahan makanan sendiri melalui Program Bumi Hijau.

Beta menyeru supaya kelembapan ekonomi yang dihadapi sekarang dijadikan sebagai titik tolak untuk para pengusaha mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan mengutamakan tenaga kerja tempatan. Dalam sektor pembinaan misalnya, para pengusaha boleh mengguna pakai kaedah sistem binaan berindustri. Pada masa yang sama, tenaga kerja tempatan juga hendaklah tidak terlalu memilih kerja. Sehubungan ini, langkah Kerajaan Beta menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat nasional, negeri dan daerah, Jawatankuasa Pemudah Cara Penggajian Pekerja Yang Diberhentikan untuk melatih dan menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan dan mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja bagi membantu majikan mengekalkan tenaga kerja selama mana yang boleh adalah tepat.

Kerajaan Beta tidak akan sama sekali mengabaikan kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak, masyarakat Orang Asli serta masyarakat luar bandar termasuk petani, nelayan dan pekebun kecil. Pelbagai langkah dan usaha untuk mempertingkatkan taraf ekonomi kaum-kaum tersebut dan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan bandar akan terus dilaksanakan. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah penyediaan peruntukan biasiswa yang khusus bagi kaum-kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta golongan-golongan yang amat memerlukannya. Di samping itu, Kerajaan Beta juga mengambil berat akan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India dengan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengenal Pasti dan Memantau kaum Penyertaan Kaum India Dalam Program dan Projek Kerajaan yang dipengerusikan oleh Mamanda Timbalan Perdana Menteri bagi mempertingkatkan penyertaan kaum tersebut dalam arus pembangunan negara.

Kerajaan Beta telah mengambil langkah-langkah yang bersepadu dalam membantu rakyat menghadapi kesan-kesan sosioekonomi berikutan kelembapan ekonomi global. Sejak tahun lalu Projek Cari telah dilaksanakan bagi memastikan setiap rakyat yang memerlukan tanpa mengira kaum mendapat bantuan daripada Kerajaan. Pada masa yang sama Jaringan Keselamatan Sosial telah diperluaskan dengan menaikkan kelayakan pendapatan isi rumah bagi membolehkan lebih ramai golongan yang memerlukan seperti golongan miskin, warga emas dan ibu tunggal diliputi di bawah skim-skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kemudahan perumahan terutamanya bagi golongan yang memerlukan terus menjadi agenda utama Kerajaan Beta. Sehubungan ini, Program Perumahan Rakyat, Program Bantuan Rumah, Projek Rumah Mesra Rakyat dan sebagainya akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan bagi memastikan rakyat golongan berpendapatan rendah memiliki rumah yang selesa mengikut kemampuan mereka. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak dua puluh lima ribu lima ratus unit rumah akan dibina pada tahun ini. Skim Jaminan Kredit Perumahan telah disediakan bagi membantu golongan yang tidak berpendapatan tetap memiliki rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Beta bangga dengan pengisytiharan Bandaraya Melaka dan Georgetown sebagai Warisan Dunia oleh UNESCO. Pengiktirafan tersebut hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya untuk mempromosi pelancongan negara. Beta ingin mengingatkan agar apa jua tindakan yang boleh menjejaskan pengiktirafan tersebut hendaklah dielakkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta dukacita walaupun negara kita telah lima puluh satu tahun merdeka, namun isu-isu perkauman yang sempit masih dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu dan menjadi perdebatan umum.

Beta ingin menegaskan bahawa Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba memecahbelahkan rakyat demi memastikan keharmonian kaum dan keamanan negara dikekalkan. Hak-hak setiap rakyat di negara ini yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan sentiasa dipelihara dan dihormati. Sehubungan ini, Beta menyeru semua rakyat bersama-sama meningkatkan perpaduan demi kestabilan dan kemakmuran negara. Kepelbagaian kaum dan budaya yang dimiliki hendaklah digembleng menjadi kekuatan negara kita.

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Oleh itu, Beta mengingatkan semua pihak supaya menghormati kedudukan tersebut dan tidak mempersoalkannya.

Perlembagaan Persekutuan juga adalah undang-undang tubuh dan tertinggi di negara ini yang telah dipersetujui oleh semua pihak semasa negara mencapai kemerdekaan. Oleh itu, Beta ingin mengingatkan supaya kesepakatan tersebut dihormati dan tidak ada sebarang percubaan untuk mewujudkan undang-undang lain yang bertentangan dengan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

Generasi muda merupakan pelapis dan harapan masa depan negara. Justeru, sejarah kemerdekaan dan Perlembagaan Persekutuan perlu diperjelaskan kepada golongan ini supaya mereka lebih memahami asas-asas pembentukan negara. Di samping itu, prinsip-prinsip Rukunegara hendaklah difahami dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat.

Beta juga memandang berat kecenderungan sesetengah pihak yang mudah mempercayai fitnah dan berita-berita palsu yang disebar oleh pihak-pihak tertentu termasuk melalui laman-laman blog sehingga menyebabkan berlaku kekeliruan di kalangan rakyat. Sesungguhnya, kita harus belajar dari sejarah di mana kejatuhan sesebuah empayar dan tamadun adalah berpunca dari fitnah, hasad dengki dan perpecahan di kalangan rakyat. Sehubungan ini, rakyat hendaklah berhati-hati dan bijak menilai maklumat yang tersebar. Pengamal-pengamal media termasuk penulis-penulis blog hendaklah lebih beretika dan bertanggungjawab serta tidak menyalahgunakan kebebasan yang diberikan demi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat.

Kerajaan Beta juga mengambil berat mengenai isu ketenteraman awam dan keselamatan dalam negara. Namun, masih ada yang mempunyai persepsi negatif mengenai isu jenayah di negara ini seolah-olah ia tidak terkawal. Sehubungan ini, Polis Diraja Malaysia hendaklah sentiasa berusaha memerangi jenayah demi kesejahteraan rakyat. Beta juga menyeru rakyat jelata memberi kerjasama kepada pihak polis dalam usaha-usaha mereka membanteras jenayah dan menyertai program Kepolisan Masyarakat.

Beta menyambut baik penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang membuktikan keikhlasan dan iltizam kerajaan Beta mengotakan janji untuk membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Bagi memastikan usaha pambanteras rasuah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, SPRM perlu dianggotai oleh pegawai-pegawai yang profesional, berkemahiran dan berkeupayaan tinggi serta terlatih dalam pelbagai bidang. Justeru, bagi menarik golongan tersebut berkhidmat, SPRM akan menyediakan skim perkhidmatan dan saraan yang lebih baik. Skim baru ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada pegawai-pegawai SPRM di atas peranan dan sumbangan penting mereka dalam meningkatkan integriti dan membanteras jenayah rasuah di negara ini.

Penubuhan SPRM dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah bukti bahawa kerajaan Beta berpegang pada janji-janjinya. Beta yakin kedua-dua suruhanjaya tersebut akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap kredibiliti institusi-institusi tersebut. Langkah kerajaan ini akan memantapkan lagi agenda integriti negara dan seterusnya melonjakkan martabat negara di persada antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, modal insan yang berkualiti adalah amat penting kepada pembangunan negara. Justeru, kerajaan Beta telah memperkenalkan Dasar Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Pelan Induk Latihan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia dan Pelan Strategik Pendekatan Islam Hadhari bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

Usaha-usaha memperluaskan pendidikan prasekolah akan terus dilaksanakan bagi memastikan peluang pendidikan diperoleh lebih awal. Di samping itu, transformasi kurikulum prasekolah dan sekolah rendah akan dilaksanakan agar lebih relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Beta menyeru agar semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat, badan bukan kerajaan dan badan korporat memainkan peranan membantu para pendidik untuk melahirkan modal insan yang cemerlang sehingga ke peringkat antarabangsa.

Dalam bidang pengajian tinggi, kerajaan Beta menetapkan lapan belas agenda utama untuk dilaksanakan di bawah tujuh teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Antara agenda yang sedang dilaksanakan termasuklah Program *Apex*, *MyBrain 15*, kepimpinan, pembelajaran sepanjang hayat, pengantarabangsaan dan beberapa program lain yang akan dapat melonjakkan institusi pengajian tinggi awam ke tahap yang lebih cemerlang. Ini selaras dengan matlamat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang memiliki minda kelas pertama.

Pada masa ini, empat puluh satu peratus daripada penduduk negara terdiri daripada golongan belia iaitu yang berumur antara lima belas hingga tiga puluh sembilan tahun. Justeru, masa depan negara bergantung kepada golongan ini. Cabaran untuk membangunkan golongan belia kini bukan hanya tertumpu pada aspek latihan dan pekerjaan, bahkan negara memerlukan belia yang berintegriti, memiliki identiti diri yang positif, berdaya saing dan cintakan negara. Sehubungan itu, jangkauan program kepada seluruh warga belia akan dipertingkatkan.

Dalam usaha membangunkan modal insan di luar bandar, Pelan Tindakan Desa yang bertujuan mengupayakan masyarakat luar bandar telah disediakan dengan penyertaan mereka sendiri. Beta menyeru agar semua agensi kerajaan bekerjasama bagi menjayakan pelan tersebut.

Kesihatan mental dan fizikal adalah anugerah tuhan yang tidak ternilai. Rakyat yang sihat dan cergas boleh membawa kepada peningkatan produktiviti dan kesejahteraan keluarga. Justeru, Beta menyeru supaya rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, bersukan dan menjaga kebersihan persekitaran untuk menghindari penyakit-penyakit kronik dan berjangkit.

Menyedari pentingnya memelihara alam sekitar, kerajaan Beta akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk menangani kemerosotan kualiti udara, air dan persekitaran. Usaha-usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk orang ramai, para pengusaha ladang dan ternakan serta pihak industri demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Sumber tenaga yang terjamin adalah salah satu ciri sebuah negara maju. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha akan diambil untuk memanjangkan jangka hayat bekalan sumber tenaga fosil sedia ada dan pada masa yang sama meningkatkan penggunaan sumber tenaga alternatif dan tenaga boleh diperolehi.

Dalam bidang pengangkutan, Kerajaan Beta akan mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam serta berusaha mengurangkan kemalangan. Di samping itu, Beta berharap para pengusaha pengangkutan awam akan terus meningkatkan kualiti perkhidmatan demi keselesaan dan keselamatan para penumpang.

Kerajaan Beta juga prihatin kepada golongan kurang upaya dan telah mula mempertingkatkan kemudahan yang mesra orang kurang upaya. Penyediaan kemudahan tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat. Di samping itu, Kerajaan Beta sedang mempertingkatkan penyertaan orang kurang upaya dalam sektor awam dengan memperuntukkan satu peratus daripada jumlah keseluruhan anggota Perkhidmatan Awam kepada mereka. Beta berharap langkah ini akan diikuti oleh sektor swasta.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Luar Malaysia sentiasa berpaksikan kepada usaha mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Sepanjang tahun 2008, kepentingan Malaysia telah berjaya diketengahkan dan dilindungi di peringkat antarabangsa melalui amalan diplomasi yang proaktif. Malaysia telah berjaya mengukuhkan kerjasama dua hala dengan negara-negara sahabat dan kerjasama serantau terutamanya dengan ASEAN yang kini semakin maju sebagai badan serantau. Kerjasama pelbagai hala dengan perubahan-pertubuhan antarabangsa juga bertambah mapan, terutama dengan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, Pertubuhan Persidangan Islam, Komanwel serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia sebagai pasukan pengaman di serata dunia mencerminkan iltizam Malaysia kepada keharmonian masyarakat antarabangsa.

Lawatan-lawatan negara ke Kemboja, Laos dan Kuwait yang tekah Beta sempurnakan pada tahun 2008 telah menyumbang kepada kesuburan, keakraban dan pengukuhan hubungan-hubungan ini. Beta berbangga suara dan pandangan Malaysia dalam menyorot kepentingan negara di peringkat antarabangsa sentiasa diiktiraf dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Pengiktirafan dan penghormatan kepada negara dapat dilihat dengan kepercayaan masyarakat antarabangsa yang menyokong Malaysia menjayakan penganjuran beberapa mesyuarat, persidangan dan forum penting dunia pada tahun 2008 termasuklah Forum Ekonomi Dunia dan Sidang Kemuncak Lapan Negara-Negara Membangun. Ini melambangkan bahawa dasar-dasar Kerajaan Malaysia diterima pakai bagi kepentingan masyarakat antarabangsa.

Beta maklum dan menggalakkan daya usaha Kerajaan Beta untuk menjayakan beberapa lagi inisiatif antarabangsa pada tahun ini dalam bidang penerangan dan diplomasi awam, persidangan hak asasi manusia dan sebagainya. Beta menyeru semua petugas di Kedutaan Malaysia di seberang laut supaya bertugas sebagai satu pasukan di bawah panji negara.

Kerajaan Beta sentiasa siap siaga berinteraksi supaya negara-negara kecil khususnya tidak ditindas atau ditekan atas alasan-alasan yang membelakangkan undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia. Justeru, tindakan Kerajaan Beta mengadakan sidang khas Parlimen pada 12 Januari 2009 untuk mengutuk tindakan Israel menyerang rakyat Palestin di Semenanjung Gaza adalah tindakan yang tepat. Beta berbangga di atas kejayaan Malaysia mengusulkan supaya diadakan sesi khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membincangkan serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza. Penghantaran bantuan perubatan serta sumbangan kewangan daripada rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama menyerlahkan lagi keprihatinan negara terhadap keamanan dan keselamatan sejagat amnya dan nasib rakyat Palestin khususnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta menyeru semua golongan rakyat tanpa mengira fahaman politik berganding bahu dan saling bekerjasama msemajukan negara yang kita kasihi. Semua pihak termasuk parti-parti politik perlu menunjukkan kebijaksanaan dan kematangan secara tidak melakukan apa jua tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan dan pembangunan ekonomi negara.

Beta ingin mengingatkan sekali lagi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menunjukkan perilaku yang terpuji dalam Dewan yang mulia ini. Beta amat sedih dengan perilaku yang tidak sepatutnya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi yang lalu yang memberi imej negatif kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan khususnya serta negara amnya. Sehubungan ini, semua Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan Dewan.

Sebelum Beta mengakhiri titah ini, Beta maklum bahawa Mamanda Perdana Menteri akan menyerahkan kepimpinan negara kepada Mamanda Timbalan Perdana Menteri pada bulan hadapan setelah menerajui negara sejak 31 Oktober 2003. Sehubungan ini, Beta merakamkan penghargaan kepada Mamanda Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas kepimpinan dan segala sumbangan terutamanya dalam isu-isu pendemokrasian, akauntabiliti, integriti, pembanteras rasuah, pengukuhan institusi kehakiman serta pendekatan Islam Hadhari. Beta berharap peralihan kepimpinan ini akan berjalan lancar agar agenda pembangunan negara dapat diteruskan.

Akhir titah, Beta merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat, anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan seluruh rakyat jelata yang telah bersama-sama menyumbang kepada pembangunan, kemakmuran serta keselamatan negara yang kita cintai. Semua pihak hendaklah terus mempertingkatkan usaha-usaha menyokong kerajaan bagi menangani cabaran-cabaran terutamanya yang timbul akibat daripada kelembapan ekonomi global. Ini kerana tanpa sokongan padu semua pihak segala usaha tersebut tidak akan berjaya.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*